# FENOMENA SOSIAL DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

FYP FTKW

MUHAMAD FIRDAUS BIN KAMARUZAMAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

2023

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# FENOMENA SOSIAL DALAM TEKS *SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN*: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

MUHAMAD FIRDAUS BIN KAMARUZAMAN

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2023

FYP FTKW

Pengesahan Tesis

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

| | | |
|---|---|---|
| ☑ | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| ☐ | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br><br>Dari tarikh…..sehingga….. |
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

______________________
Tandatangan

Muhamad Firdaus Bin Kamaruzaman
C19A0251
Tarikh: / / 2023

______________________
Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob
Tarikh: / / 2023



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## Penghargaan

Assalamualaikum dan *Bismillahir-Rahmanir-Rahim*

Dengan nama Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian dan syukur dipanjangkan hanya kehadrat Allah S.W.T kerana dengan hidayah dan anugerahNya memberikan saya kekuatan dan menghilangkan segala kesulitan dalam saya menyiapkan tugasan ini. Sesungguhnya hanya kepada Allah S.W.T tempat bagi hambanya untuk meminta pertolongan dalam menyiapkan tugasan ini. Tiada tempat bagi umat islam untuk bergantung selain daripada-Nya. Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia-Nya saya berjaya menyelesaikan tugasan kajian saya dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan khusus buat pensyarah saya iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyempurnakan kajian yang saya jalankan. Beliau banyak membantu dalam aspek penulisan kajian ini di mana ia merupakan kelemahan bagi saya yang sangat ketara. Pada warkah ini, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas jasa dan masa yang diberikan oleh beliau sepanjang saya berjuang untuk menghasilkan kajian ini.

Saya turut ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Pertolongan daripada rakan-rakan yang membantu di saat-saat genting amat saya hargai. Dorongan serta kata-kata semangat yang diberikan sepanjang kajian ini dihasilkan sedikit sebanyak menyuntik semangat saya dalam menyiapkan kajian ini. Hanya Allah yang dapat membalas jasa dan pertolongan yang telah diberikan.

Pada kesempatan ini saya turut ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya yang banyak membantu saya sama ada dari segi mental dan fizikal terutamanya kepada kedua ibu bapa saya. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan yang turut terlibat secara langsung dalam menyiapkan tugasan ini. Segala jasa dan pengorbanan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih dan Waalaikumsalam.

Muhamad Firdaus Bin Kamaruzaman
Lot 2051, Jalan Belimbing,
42200, Kapar,
Selangor
01120507128
E-mel: firdaus.c19a0251@siswa.umk.edu.my

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jadual Kandungan


| Kandungan | | Halaman |
|---|---|---|
| PENGESAHAN TESIS | | I |
| PENGHARGAAN | | II |
| JADUAL KANDUNGAN | | III |
| SENARAI JADUAL | | V |
| SENARAI RAJAH | | VI |
| ABSTRAK | | X |
| ABSTRACT | | XI |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Penyataan Masalah | 4 |
| 1.3 | Persoalan Kajian | 6 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 7 |
| 1.5 | Batasan Kajian | 8 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.7 | Definisi Operasional | 15 |
| | 1.7.1 Fenomena Sosial | 15 |
| | 1.7.2 Sosial | 16 |
| | 1.7.3 Cerita Rakyat | 17 |
| 1.8 | Organisasi Kajian | 18 |
| 1.9 | Penutup | 20 |
| BAB 2 | SOROTAN KAJIAN LEPAS | |
| 2.1 | Pengenalan | 21 |
| 2.2 | Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia | 22 |
| 2.3 | Pengkajian Terhadap Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-karya Sastera | 54 |
| 2.4 | Penutup | 72 |
| BAB 3 | METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 | Pengenalan | 73 |
| 3.2 | Metodologi Kajian | 74 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 75 |
| 3.4 | Kaedah Kajian | 75 |
| | 3.3.1 Kajian Kepustakaan | 76 |
| | 3.3.2 Rujukan Teks atau Dokumen | 76 |
| 3.5 | Teori Pengkaedahan Melayu | 77 |
| | 3.5.1 Pengkaedahan Alamiah | 78 |
| | 3.5.1.1 Pendekatan Gunaan | 80 |
| | 3.5.1.2 Pendekatan Moral | 81 |
| | 3.5.1.3 Pendekatan Firasat | 82 |
| | 3.5.2 Pengkaedahan Keagamaan | 83 |
| | 3.5.2.1 Pendekatan Dakwah | 84 |
| | 3.5.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan | 85 |




FYP FTKW

3.5.2.3 Pendekatan Seni 86
3.6 Kerangka Konseptual 88
3.7 Penutup 89

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN
4.1 Pengenalan 90
4.2 Fenomena Sosial dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Pengkalan Datu, Kelantan*. 90
4.2.1 Budaya 92
4.2.1.1 Kepercayaan terhadap Perkara Mistik 92
4.2.1.2 Sikap dengki dalam Masyarakat 97
4.2.1.3 Bersatu Padu dalam Masyarakat 101
4.2.1.4 Kepercayaan kepada Perubatan Tradisional 104
4.2.1.5 Masyarakat yang Ramah Mesra 108
4.2.1.6 Mempunyai Hubungan dengan Alam Ghaib 112
4.2.1.7 Kepercayaan terhadap Perkara Khurafat 116
4.2.1.8 Inovasi dalam Menghasilkan Produk 119
4.2.1.9 Masyarakat yang Tamak 122
4.2.1.10 Masyarakat yang Dihormati 124
4.2.1.11 Masyarakat yang Berilmu Pengetahuan 127
4.2.1.12 Masyarakat yang Baik Hati 129
4.2.2 Ekonomi 131
4.2.2.1 Kekayaan Sumber Bahan Mentah 131
4.2.2.2 Mempelbagaikan Teknik Perniagaan 134
4.2.2.3 Pembangunan Ekonomi Setempat 137
4.2.3 Agama 140
4.2.3.1 Bencana Alam yang tidak dijangka 140
4.2.4 Politik 143
4.2.4.1 Raja yang Prihatin 143
4.2.4.2 Raja yang Tangkas 147
4.2.4.3 Raja yang Zalim 151
4.2.4.4 Pemerintah yang Bersiap Siaga 154
4.2.4.5 Perkahwinan Demi Menguatkan Kekuasaan 157
4.2.4.6 Kerajaan yang Tidak Kukuh 159
4.2.4.7 Raja yang Bijaksana 162
4.2.4.8 Pemilihan Pemimpin yang Berkaliber 165
4.3 Penutup 169

BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP
5.1 Pengenalan 170
5.2 Rumusan 171
5.3 Cadangan 178
5.4 Penutup 182

BIBLIOGRAFI 183
BIODATA PENULIS 196



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| Senarai Jadual | Halaman |
|---|---|
| Jadual 1.5: Senarai Tajuk Cerita Rakyat dan Fenomena Sosial | 11 |

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| Senarai Jadual | Halaman |
|---|---|

Rajah 1: Teori Pengkaedahan Melayu 84

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| Senarai Jadual | Halaman |
|---|---|

Rajah 3: Jenis Pengkaedahan Alamiah 86

FYP FTKW

| Senarai Jadual | Halaman |
|---|---|
| Rajah 3:Jenis Pengkaedahan Keagamaan | 90 |

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| Senarai Rajah | Halaman |
|---|---|
| Rajah 4: Kerangka Konseptual | 94 |



FYP FTKW

Fenomena Sosial dalam Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu

FYP FTKW

## ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan kisah-kisah pada zaman dahulu yang diceritakan oleh nenek moyang kita dengan menjadikan lisan sebagai perantaraan. Cerita rakyat ini mempunyai pelbagai kisah-kisah yang memberi teladan dan nasihat kepada pembaca. Cerita rakyat juga terdiri daripada beberada jenis genre antaranya sejarah, mistik, tokoh, binatang dan sebagainya. Fenomena sosial juga terkandung di dalam cerita rakyat yang dapat dijadikan contoh dan ikhtibar kepada pembaca. Namun pada hari ini masyarakat dilihat kurang prihatin untuk terhadap perubahan persekitaran sehingga menyebabkan mereka kurang cekap menangani masalah yang tidak dijangka berlaku. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti dan menganalisis fenomena sosial yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Namun begitu, pengkaji telah membataskan kepada 49 cerita rakyat Melayu terpilih menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Selain itu, pengkaji menggunakan keadah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan rujukan teks atau dokumen. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menerapkan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa fenomena sosial yang berlaku di dalam cerita rakyat Melayu ini telah mengubah landskap kehidupan masyarakat Melayu pada hari ini. Hal ini kerana dunia telah berkembang dan maju mengikut kepada peredaran zaman. Hal tersebut telah membuatkan masyarakat Melayu turut sama berubah bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus permodenan. Maka, fenomena sosial telah diambil perhatian oleh masyarakat supaya dapat lebih maju dan berjaya seiring dengan peredaran masa.

Kata kunci: Cerita rakyat Melayu, fenomena sosial, Teori Pengkaedahan Melayu

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Social Phenomenon in Text *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: An Application of The Malay Method Theory


## ABSTRACT

Folklore is the stories of antiquity that our ancestors told by making oral as an intermediate. This folklore has a variety of stories that give an example and advice to the reader. Folklore also consists of genres such as history, mysticism, figures, animals and so on. Social phenomena are also contained in folklore that can be used as an example for the reader. But today the community is seen as less concerned about environmental changes causing them can't solved an unexpected problems. The objective of this study is to identify and analyze the social phenomena found in *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. However, the researchers have limited to 20 selected Malay stories through the text of the Oral Narrative Seuntaian at Sungai Pengkalan Datu Basin, Kelantan. In addition, researchers use qualitative research through the method of library and reference of texts or documents. This study applies the Malay Methodical Theory by applying Nature Methodology and Religious Methodology. The findings of the study found that the social phenomenon in Malay folklore has changed the landscape of the Malay community today. This is because the world has evolved and developed according to the passage of time. This has made the Malay community change to ensure that they are not left behind in the modernisation. Thus, social phenomena have been taken into account by society in order to be more developed and successful as time goes on.



Keywords: Malay folklore, social phenomena, Malay Method Theory



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 1

Pendahuluan

## 1.1 Pengenalan

Menurut Harun Mat Piah (2006) sastera adalah sejenis tulisan yang dinikmati atau dibaca oleh orang melalui kedua-dua cara iaitu lisan dan bertulis. Sastera merupakan suatu cara penyampaian manusia terhadap sesuatu perkara dengan menggunakan cara penyampaian yang mudah untuk difahami. Manakala menurut Ali Ahmad (1994), perkataan sastera memberi makna kitab suci yang berasal daripada perkataan castra atau syastra iaitu perkataan bahasa Sanskrit. Disebabkan itu, sastera dilihat sebagai gambaran atau simbolik terhadap sesuatu kemajuan tamadun dan peradaban yang boleh dilihat pada masyarakat dan memperlihatkan sikap dan pandangan pengarang (Arba'ie Sujud, 2008). Maka, sastera merupakan sebuah komponen penting dalam memeperlihatkan mengenai sudut padang sesebuah pengarang untuk diberikan kepada pembaca supaya dapat mengubah masyarakat menjadi lebih baik.

Naratif lisan merupakan bidang yang besar dalam kesusasteraan Melayu. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa naratif lisan adalah satu cabang dalam kesusasteraan yang yang berkembang dalam masyarakat Melayu. Naratif lisan bermula daripada sebuah kisah turun temurun yang disampaikan melalui lisan. Disebabkan itu naratif lisan yang disampaikan mempunyai sedikit tokok tambah yang menyebabkan berlaku sedikit ketidaksamaan dengan versi asal. Naratif lisan bermula daripada kelompok masyarakat yang tidak mengenal huruf serta mengamalkan cara hidup bersederhana dan gaya hidup tradisional. Hal ini menyebabkan tiada sebarang catatan atau tulisan mengenai sebarang cerita rakyat atau kisah yang dibukukan. Menurut Othma Puteh (1996), naratif lisan wujud berdasarkan kepada keadaan persekitaran dan budaya pada zaman lampau.. Naratif lisan disampaikan kepada orang

FYP FTKW

ramai daripada generasi ke generasi yang lain. Naratif lisan disampaikan melalui seorang penglipur lara kepada orang ramai dengan hanya menggunakan lisan sahaja. Di dalam naratif lisan, kepelbagaian genre telah menyebabkan naratif lisan mempunyai pelbagai variasi penceritaan yang dilihat menarik untuk didengar oleh masyarakat. Kepelbagaian genre dalam naratif lisan membolehkan pembaca dan pendengar untuk mempelbagaikan lagi pengetahuan mereka. Genre seperi seram, mistik, sejarah dan sebagainya akan dapat dilihat pada setiap naratif lisan yang terdapat di Malaysia.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izamni Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) telah menyatakan bahawa naratif lisan telah dilihat sebagai cabang komunikasi yang dibuat oleh ibubapa untuk mendidik anak-anak dengam menceritakan cerita yang berjenis luci, mitos, lagenda dan cerita binatang. Kita dapat lihat bagaimana naratif lisan disemai di dalam jiwa anak-anak  supaya mereka mula meminati karya-lkarya cerita rakyat. Naratif lisan juga dilihat sebagai sebuah kaedah untuk memperlihatkan maksud yang ada pada pemikiran seseorang menerusi pertuturan dengan melakukan sebuah luahan kepada orang muda untuk memberi pengajaran kepada mereka. (Uli Wahyuni & Nurshella Amhar Rasidah, 2019). Naratif sangat sesuai untuk dijadikan sebagai bahan pendidikan kepada kanak-kanak bagi membentuk diri dan sahsiah diri yang baik.

Menurut Hashim Awang (1997), fenomena sosial merupakan sesuatu yang boleh diperhatikan dan dijadikan sebagai objek penelitian dan penyelidikan kemudian menghasilkan sebuah penemuan berbentuk rumusan atau gagasan yang tepat. Fenomena sosial berlaku disebabkan pelbagai aspek. Perkara ini merangkumi aspek ekonomi, masyarakat, budaya dan sebagainya yang berlaku secara nyata dan jelas. Fenomena sosial dilihat berdasarkan kepada perubahan sosial yang berlaku di dalam masyarakat seperti sikap, interaksi, geografi dan sebagainya. Oleh sebab itu, aspek tersebut memainkan peranan di dalam mengubah demografi masyarakat. Walaubagaimanpun, fenomena sosial perlu dilihat daripada pelbagai sudut untuk



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

mengambil ikhtibar daripada fenomena sosial masyarakat dahulu sama ada untuk menjadi lebih baik atau meninggalkan perkara yang buruk.

Dalam masyarakat Melayu, fenomena sosial ini dapat dilihat secara jelas menerusi kejadian sosial daripada sudut ekonomi, politik, agama dan sebagainya. Perubahan tersebut disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dak dielakkan atau berlaku secara semulajadi. Oleh sebab itu, fenomena sosial pada masyarakat Melayu mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri bagi memberikan kesan kepada masyarakat Melayu pada hari ini untuk mempertahankan kehebatan dan kemahsyuran masyarakat Melayu. Menurut Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Apandi & Rosnani Md Zain (2017), menyatakan bahawa fonomena sosial merupakan sebuah kenyataan masyarakat dan perkara yang tidak dapat dielakkan daripada membincangkannya.

Kesimpulannya, penelitian terhadap fenomena sosial di dalam naratif lisan dilihat mampu untuk diterokai dan dikaji bagi memperlihatkan sesuatu hasil penelitian yang lebih baru dan segar. Pengkaji sedang menjalankan kajian mengenai fenomena sosial dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menggunakan teori Pengkaedahan Melayu.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1.2 Penyataan Masalah

Dalam setiap penyelidikan yang dilakukan mempunyai masalah kajian yang tersendiri bagi menghasilkan sebuah kajian yang komprehensif. Maka, pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah dengan kajian-kajian tersebut. Antaranya kurangnya keprihatinan masyarakat terhadap perubahan persekitaran. Masyarakat hari ini dilihat tidak mengambil cakna sebarang perubahan yang berlaku di sekitar sehingga menyebabkan berlaku masalah yang tidak dijangka. Masyarakat dilihat tidak berminat untuk mengambil tahu mengenai isu semasa akibat daripada kurangnya pendedahan terhadap pentingnya mengambil tahu mengenai keadaan di sekeliling.

Selain itu, masyarakat juga dilihat semakin kurang mengambil berat terhadap isu semasa menyebabkan mereka mengalami kekurangan pemahaman mengenai isu semasa. Hal ini disebabkan isu semasa yang berlaku tidak dapat menarik minat masyarakat yang lebih mementingkankan budaya *hedonisme* pada diri mereka. Masyarakat seharusnya peka terhadap isu semasa supaya menjadi masyarakat yang berilmu dan sentiasa bersiap sedia.

Berdasarkan beberapa sorotan kajian, terdapat beberapa pengkaji telah melakukan kajian mengenai cerita rakyat Melayu dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Antara beberapa kajian lepas yang dilihat ialah *Cerita Rakyat Melayu:Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* (2015) oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop. Kajian ini mengupas mengenai peranan cerita rakyat dalam membina jati diri masyarakat Melayu yang mantap dan unggul. Selain itu, kajian lepas berikutnya ialah *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu* (2017) oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhamad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhamad Apandi. Kajian ini mengisahkan mengenai cerminan moral positif yang terkandung di dalam cerita-cerita rakyat Melayu dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Selepas itu, kajian lepas lain ialah



FYP FTKW

*Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman:Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* (2017) oleh Syaidul Aza Kamarudin dan Arbai' e Sujud. Kajian ini menganalisis mengenai Jati Diri Melayu yang ingin ditonjolkan di dalam Puisi A. Aziz Deraman. Seterusnya, kajian lepas selanjutnya ialah *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu* (2018) oleh Che Abdullah Che Ya. Kajian ini merungkai mengenai paparan kehidupan masyarakat Melayu daripada zaman sebelum perang sehingga ke hari ini. Kemudian, kajian lepas lain ialah *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi Pendekatan Dakwah* (2009) oleh Jumali Hj Selamat. Kajian ini menjelaskan mengenai penekanan nilai kehidupan dalam mengejar ketakwaan kepada Allah s.w.t.

Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat bagaimana fenomena sosial dalam cerita rakyat Malaysia dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu diterapkan. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini dapat memberikan nilai tambah di dalam kajian-kajian mengenai cerita rakyat. Cerita rakyat memiliki pelbagai unsur-unsur yang dapat dirungkai berdasarkan kepada perkara yang ingin dikaji. Dalam hal ini, pengkaji melihat fenomena sosial merupakan suatu perkara yang sesuai untuk dikaji disebabkan oleh kekurangan terhadap kajian mengenai fenomena sosial di dalam cerita rakyat Melayu. Di samping itu, pengkaji dapat mendalami secara menyeluruh mengenai fenomena sosial yang berlaku di dalam cerita rakyat yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini kerana di dalam teks tersebut mempunyai pelbagai fenomena sosial yang dapat dirungkai



FYP FTKW

## 1.3 Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan kajian yang timbul dalam kajian yang dijalankan:

1.3.1 Apakah fenomena sosial yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*?

1.3.2 Bagaimanakah pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu di dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*?

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang timbul dalam kajian yang dijalankan:

1.4.1 Mengenalpasti fenomena sosial yang terdapat di teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

1.4.2 Menganalisis penggunaan teori Pengkaedahan Melayu di dalam *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*n.



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.5 Batasan kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji telah membataskan kajian ini dengan menggunakan buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Buku ini mengandungi 51 cerita rakyat yang merangkumi cerita asal usul, cerita mistik, cerita tokoh dan cerita binatang. Cerita-cerita yang dicatatkan oleh pengarang merupakan sebuah himpunan cerita-cerita rakyat di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* diterbitkan oleh Penerbit UMK. Buku ini mengandungi 100 helaian bercetak. Buku ini diterbitkan pada tahun 2021 dan telah diulang cetak selama dua kali. Penulis buku iaitu Mohd Firdaus Bin Che Yaacob merupakan seorang pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan.

Terdapat beberapa justifikasi yang dibuat oleh pengkaji bagi memilih buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* iaitu buku ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan kisah-kisah yang terkandung di dalam buku tersebut. Hal ini kerana, buku ini mempunyai pelbagai fenomena sosial yang dapat pengkaji kaitkan menerusi kajian ini. Hal tersebut telah memudahkan pengkaji mecari bahan kajian dengan lebih sistematik.

Selain itu, buku ini juga menyentuh secara keseluruhan mengenai kisah-kisah rakyat di Pengkalan Datu tersebut. Hal tersebut telah mendorong pengkaji untuk lebih mendalami kisah-kisah rakyat tersebut dengan lebih dekat. Hal ini kerana, pengkaji sangat berminat untuk mengetahui kisah-kisah setempat yang terdapat di Pengkalan Datu. Pengkalan Datu terkandung pelbagai kisah-kisah yang dapat dijadikan intipati terhadap pembangunan cerita rakyat. Bukan itu sahaja, kepelbagaian cerita-cerita di Pengkalan Datu dilihat sesuai untuk dikormesialkan sebagai bahan bacaan melalui pembukuan. Kesannya, pengkaji dapat mengetahui serba sedikit mengenai Pengkalan Datu untuk dijadikan sebagai sebagai pengetahuan am pengkaji. Menerusi buku ini telah memudahkan pengkaji untuk mengetahui mengenai cerita rakyat di Pengkalan Datu.



FYP FTKW

Selepas itu, buku ini juga telah dibahagikan mengikut kepada tema dan memudahkan pengkaji untuk mencerakinkan cerita berdasarkan tema. Hal ini kerana, kajian ini memerlukan kepada pemahaman mengenai penceritaan di dalam kisah rakyat berdasarkan kepada tema-tema tertentu. Penelitian terhadap kesesuaian cerita rakyat mengikut tema adalah penting bagi memastikan cerita rakyat tersebut sesuai dengan kajian yang dilakukan. Menerusi perkara tersebut, pengkaji dapat mengaitkan tajuk cerita rakyat dengan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi tema cerita rakyat tersebut. Kesannya, kajian ini dapat dihasilkan dengan penuh teliti dan terjamin daripada segi kualitinya. Maka menerusi pencerakinan tema ini telah memudahkan pengkaji untuk memahami jenis penceritaan tersebut dengan lebih cepat.

Seterusnya, buku ini dilihat mudah untuk difahami kerana penggunaan ayat yang mudah difahami oleh setiap lapisan umur. Penulis telah menggunakan perkataan-perkataan yang boleh difahami oleh semua lapisan pembaca tanpa memerlukan penguasaan bahasa yang tinggi. Hal ini bukan sahaja memeberi kesan kepada pengkaji tetapi turut memberi kesan kepada pembaca lain yang ingin membaca buku tersebut. Pembaca yang tidak mengira umur akan mudah untuk membaca buku tersebut dan dilihat sesuai untuk dijadikan bahan baccaan kepada kanak-kanak. Hal tersebut telah membantu pengkaji untuk lebih memahami cerita tersebut dengan lebih mudah. Kesannya, pengkaji dapat lebih memahami konteks yang cuba di sampaikan di dalam cerita rakyat dan mudah untuk dianalisis berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.

Akhir sekali, buku ini dilihat mempunyai konsep yang menarik berdasarkan kepada cerita-cerita yang terkandung di dalam buku ini. Konsep yang telah dibawakan di dalam buku ini ialah cerita rakyat yang menumpukan tempat tertentu. Penumpuan cerita rakyat terhadap kawasan tertentu akan menonjolkan lagi kemahsyuran dan sejarah yang pernah berlaku di kawasan tersebut. Perkara ini akan menjadikan kawasan tersebut sebagai tumpuan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk meneroka cerita-cerita rakyat. Hal ini telah menarik minat pengkaji untuk lebih mendekati kisah yang terdapat pada kawasan tersebut.



FYP FTKW

Di dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* terdapat beberapa buah cerita rakyat yang diambil bagi menjawab kepada objektif pengkaji. Antara tajuk cerita rakyat adalah seperti berikut:

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| Fenomena Sosial | Tajuk Cerita Rakyat |
|---|---|
| Kepercayaan Terhadap Perkara Mistik | *Pokok Tanjung & Alat Muzik Yang Bisu*<br>*Keajaiban Si Kera Putih*<br>*Jelmaan Saka Harimau*<br>*Disorok Jin*<br>*Misteri Batu Hampar* |
| Sikap Dengki Dalam Masyarakat | *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*<br>*Misteri Batu Hampar*<br>*Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik* |
| Bersatu Padu Dalam Masyarakat | *Simbolik Rebana*<br>*Misteri Gajah Berkaki Enam* |
| Kepercayaan Kepada Perubatan Tradisional | *Kehebatan Bomoh Siam*<br>*Mok Su Nab Ular*<br>*Kehebatan Pawang Ali* |
| Masyarakat Yang Ramah | *Lipat Sanggul Penempatan Residen British*<br>*Nurani Che Him Dalam Masyarakat*<br>*Asal Usul Wakaf Aik* |
| Mempunyai Hubungan Dengan Alam Ghaib | *Bidan Tok Haji Esah*<br>*Tok Perindu*<br>*Jelmaan Mok Kurus* |
| Kepercayaan Terhadap Perkara Khurafat | *Pemujaan Pantai*<br>*Berpuakakah Pengkalan Parit?* |
| Inovasi Dalam Menghasilkan Produk | *Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas* |
| Masyarakat Yang Tamak | *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* |
| Masyarakat Yang Dihormati | *Tok Guru haji Awang Ulama Tercipta*<br>*Tok Karim Guru Silat Masyhur*<br>*Asal Usul Kampung Babong* |
| Masyarakat Yang Berilmu Pengetahuan | *Haji Long Abdul Rahman* |
| Masyarakat Yang Baik Hati | *Che Deraman*<br>*Kain Sutera Cina* |
| Bencana Alam Yang Tidak Dijangka | *Musibah di Kampung Pulau Gajah*<br>*Keasyikan Suara Buluh Perindu* |
| Kekayaan Sumber Bahan Mentah | *Kegemilangan Pengkalan Datu* |
| Kepelbagaian Teknik Perniagaan | *Kemahsyuran Pantai Pengkalan Datu* |
| Pembangunan Ekonomi Setempat | *Kepesatan Pengkalan Parit* |
| Pemimpin Yang Prihatin | *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah selepas Kedatangan Raja Patani*<br>*Nik Mat Keturunan Raja Banjar* |
| Pemimpin Yang Tangkas | *Tentera Bergajah*<br>*Kebijaksanaan Burung Garuda*<br>*Milik Siapakah Saka Itu?*<br>*Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* |
| Pemimpin Yang Zalim | *Kezaliman Seorang Raja* |
| Pemimpin Yang Cuai | *Pemujaan Tok Mekong* |
| Perkahwinan Demi Menguatkan Jajahan | *Kota Jembal* |
| Kerajaan Yang Tidak Kukuh | *Pengunduran Raja Patani* |
| Pemimpin Yang Bijaksana | *Tengku Mahmud Muhiyuddin* |
| Pemilihan Pemimpin Yang Berkaliber | *Terhempasnya Zero Fighter di Ti Lebar*<br>*Sekumpulan Tupai*<br>*Kehebatan Laksamana Laut* |

Jadual 1.5: Senarai Tajuk Cerita Rakyat dan Fenomena Sosial



FYP FTKW

Di samping itu, Teori Pengkaedahan Melayu merupakan batasan kajian di dalam kajian ini. Pengkaedah Alamiah dan Pengkaedahan Agama adalah dua pecahan metodologi yang membentuk Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan Firasat, Pendekatan Moral, dan Pendekatan Gunaan adalah tiga jenis pendekatan yang dipecahkan dalam Pengkaedahan Alamiah. Terdapat tiga jenis pendekatan utama dalam Pengkaedahan Keagamaan iaitu Pendekatan Kemasyarakatan, Pendekatan Dakwah, dan Pendekatan Seni. Setiap pendekatan mempunyai penghuraian yang berbeza mengikut kepada jenis huraian. Teori Pengkaedahan Melayu akan diaplikasikan dalam cerita rakyat Melayu dalam kajian ini. Melalui kajian ini, para pengkaji dapat menonjolkan budaya dan adat resam masyarakat Melayu melalui teori ini.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 1.6 Kepentingan Kajian

Tajuk kajian ini merupakan sebuah idea baru bagi menelusuri secara lebih mendalam mengenai cerita rakyat yang boleh dibincangkan secara lebih meluas. Menerusi buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah membuka ruang kepada pembaca untuk mengetahui kepelbagaian cerita rakyat daripada pelbagai jenis dan skop cerita. Kesannya, pembaca secara tidak langsung dapat diberi penerangan kepada kepelbagaian kisah di dalam cerita rakyat. Cerita rakyat di dalam buku ini mempunyai pelbagai kisah-kisah yang dirangkumkan bersandarkan kepada jenis cerita yang berbeza. Perbezaan ini telah menyebabkan cerita-cerita di dalam buku ini mempunyai nilai yang berbeza mengikut kepada tajuk. Intipati yang terkandung akan memberikan sebuah pengalaman yang menyeronokkan ketika membaca bukiu ini.

Salah satu perkara yang ingin difokuskan oleh pengkaji adalah fenomena sosial dalam cerita rakyat yang merupakan tumpuan kajian ini. Apabila kajian ini selesai, pengkaji baru akan dapat menggunakannya sebagai contoh apabila mereka melakukan kajian lain. Pengkaji baru dapat menjadikan kajian ini sebagai salah satu rujukan yang baik bagi mendalami kajian fenomena sosial yang terdapat di dalam cerita rakyat yang mempunyai pelbagai jenis penceritaan. Pengkaji baru akan diperlihatkan dengan cara kajian ini dilakukan dengan menuruti beberapa cara kerja yang perlu diikuti menerusi metode yang sesuai. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai suatu penanda aras dalam melakukan kajian yang dapat memberikan contoh kepada pengkaji yang baru. Pengkaji baru dapat diberikan sedikit bayangan menerusi kajian ini untuk melakukan kajian sendiri pada masa akan datang.

Selain itu, kajian ini juga dapat membina sebuah perbincangan mengenai perkara baru dalam cerita rakyat. Perbincangan baharu ini dapat membuka sebuah dimensi baharu terhadap perkara yang dapat dikupas daripada cerita rakyat. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi tanggapan yang baik kepada orang lain mengenai

FYP FTKW

betapa luasnya perbincangan yang boleh dilakukan di dalam sastera. Di dalam cerita rakyat, pelbagai perkara yang dapat dikupas dan dibincangkan berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam cerita rakyat. Jika ditelusuri secara mendalam, pelbagai kupasan tajuk yang dapat dikeluarkan daripada pelbagai aspek seperti agama, sosial dan sebagainya. Apabila perkara ini dapat dikenalpasti, maka secara tidak langsung dapat memperlihatkan bahawa kajian ini akan memberikan inspirasi kepada pengkaji baru untuk terus mendalami cerita rakyat terutamanya cerita rakyat Melayu.

Bukan itu sahaja, kajian ini juga dapat menarik minat secara tidak langsung kepada pengkaji baru untuk mengkaji cerita rakyat. Pengkaji baru dapat melihat bahawa kajian terhadap cerita rakyat dapat diperluaskan lagi berdasarkan kepada perkara yang ingin dikaji. Apabila keterbukaan terhadap kajian mengenai cerita rakyat ini diperluaskan maka secara tidak langsung dapat memberi sebuah inspirasi baru kepada pengkaji lain untuk mengkaji cerita rakyat daripada pelbagai aspek. Kajian mengenai cerita rakyat juga dapat diperbanyakkan dan memberi contoh terutama kepada pengkaji baharu untuk terus mengkaji cerita rakyat daripada pelbagai sudut pandang.

Akhir sekali, menerusi kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti corak perubahan yang berlaku di dalam masyarakat. Hal ini kerana masyarakat pada setiap zaman mempunyai perubahan terhadap sesuatu perkara seperti ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Setiap perubahan yang berlaku mempunyai punca-punca tertentu yang dapat dikenalpasti dan memberikan pengetahuan kepada pengkaji mengenai perubahan tersebut. Apabila sesuatu punca terhadap perubahan dapat dikenalpasti maka secara tidak langsung memberikan kesedaran kepada pengkaji sama ada perubahan yang berlaku memberi kebaikan atau keburukan. Apabila pengkaji dapat mengenal pasti punca maka sesuatu perubahan dapat diperbaiki bagi memberi pengajaran di masa akan datang.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional merupakan salah satu daripada penelitian kajian yang menerangkan terhadap ketidakfahaman terhadap sesuatu perkataan bagi memberikan penjelasan terhadap arah tuju kajian ini dilakukan. Berikut merupakan perkataan yang akan diberi pendefinisian iaitu fenomena sosial, sosial dan cerita rakyat.

### 1.7.1 Fenomena Sosial

Menurut Hassan Shadili (1984), fenomena sosial dapat didefinisikan sebagai sebuah kenyataan yang menceritakan berkaitan masyarakat yang memfokuskan kepada ikatan sosial merangkumi pelbagai kehidupan. Perkara ini meliputi perkara-perkara yang berlaku di persekitaran dengan memperlihatkan beberapa perubahan keliling yang mengubah landskap tempat atau perbuatan.

Menurut Zamroni (1992), fenomena sosial memberi maksud mengenai perilaku seseorang dan perkara-perkara yang merangkumi norma-norma, aturan-aturan, adat istiadat, kebiasaan merupakan sesuatu yang terdapat di dalam masyarakat dan akan memperngaruhi masyarakat. Perkara yang mempengaruhi terhadap fenomena sosial ini juga dapat dikesan menerusi pengaruh-pengaruh yang dibawa oleh dunia luar seperti fesyen, muzik, budaya dan sebagainya

Menurut Azemi Salim (1989), fenomena sosial ialah peraturan-peraturan yang menerangkan mengenai tingkah laku di dalam sesuatu organisasi. Peraturan-peraturan yang wujud memberikan pengaruh kepada manusia dalam menentukan sebuah peradaban dan sosial masyarakat. Perkara ini secara tidak langsung akan membentuk keperibadian seseorang terhadap sesuatu budaya yang diamalkan di dalam masyarakat tersebut.

Maka, berdasarkan kepada pendapat sarjana tersebut dapat disimpulkan bahawa fenomena sosial merupakan sebuah perubahan yang berlaku di dalam masyarakat berdasarkan kepada perkara sosial yang dialami. Hal ini merupakan suatu



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

gambaran yang berlaku di dalam masyarakat yang berlaku secara semulajadi disebabkan oleh perubahan persekitaran.

### 1.7.2 Sosial

Menurut Sidi Gazalba (1967) mengatakan bahawa sosial merupakan masalah sosial yang memperihalkan mengenai pergaulan, hubungan dan kehidupan kelompok manusia yang bermasyarakat untuk mempertahankan segala sistem peraturan dan hubungan antara seseorang dengan orang lain. Pembentukan sifat manusia bermula sejak dari lahir lagi. Persekitaran manusia yang baik dapat membentuk sahsiah mereka untuk berada dalam sebuah sosial yang baik.

Menurut Umar Yunus (1989) menyatakan bahawa sosial ialah sebuah hubungan karya dengan khalayak yang merupakan proses penghasilan sesebuah pergolakan sosial dalam masyarakat itu sendiri. Sosial manusia boleh berubah terhadap perkara-perkara yang dilihat dan didedahkan oleh mereka. Persekitaran memainkan peranan penting dalam membina sosial manusia. Jika manusia hidup dalam persekitaran yang memiliki pemikiran yang terbuka, maka secara tidak langsung sosial mereka juga terbentuk terhadap sesuatu yang lebih terbuka dan tidak jumud. Keluarga sebagai induk masyarakat yang terdekat juga memainkan tugasan yang besar dalam membina sosial seseorang. Masyarakat yang mempunyai tingkat iman yang tinggi dan menjaga pergaulan menjadikan ahli keluarga mereka membina tingkat sosial mereka pada perkara yang sama.

Menurut Taib Osman (1988) menyatakan bahawa sosial merupakan cerminan atau gambaran terhadap segala hal yang menyentuh kekeluargaan, pendidikan, ekonomi, politik, kepercayaan dan agama dalam masyarakat. Sosial manusia terbentuk daripada bagaimana mereka didedahkan kepada masyarakat. Pendedahan kepada masyarakat dapat menjadikan seseorang mudah untuk bergaul dengan orang ramai.

FYP FTKW

Berdasarkan kepada pendapat sarjana dapat disimpulkan bahawa sosial merupakan suatu perilaku yang berlaku kepada manusia. Perilaku tersebut berlaku disebabkan oleh pengaruh persekitaran yang mempengaruhi kepada sikap atau tingkah laku manusia.

### 1.7.3 Cerita Rakyat

Menurut Fatimah Md Yasin (1991), cerita rakyat ialah sastera rakyat yang dipeturunkan dari generasi kepada generasi secara lisan. Cerita rakyat terbina daripada kisah masyarakat di sesuatu kawasan dengan berlaku suatu tragedi atau kejadian yang memberi kesan kepada penduduk. Cerita rakyat yang disampaikan merupakan sebuah kisah yang mempunyai unsur mistik atau sejarah mengenai sesuatu tempat.

Menurut Ismail Hamid (1986), cerita rakyat disampaikan kepada individu ke individu lain secara lisan. Cerita rakyat yang disampaikan merupakan cerita-cerita mengenai sejarah atau kejadian yang memberi kesan kepada kawasan tersebut. Antaranya *Batu Belah Batu Bertangkup, Cik Siti Wan Kembang, Mahsuri* dan sebagainya.

Menurut Mohd Taib Osman (1991), cerita rakyat dimiliki oleh masyarakat dan tidak bersifat individu. Cerita rakyat banyak mengisahkan mengenai kisah yang terjadi di dalam sesebuah masyarakat. Kisah tersebut merupakan kisah secara turun temurun yang menjadi teladan kepada masyarakat.

Maka, berdasarkan pendapat sarjana ini dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat merupakan suatu naratif lisan yang disampaikan secara turun-temurun melalui penyampaian lisan. Cerita rakyat rakyat merupakan suatu medan untuk menyampaikan kejadian atau kisah yang telah berlaku pada zaman dahulu.



FYP FTKW

## 1.8 Organisasi Kajian

Kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab. Dalam setiap bab mempunyai beberapa penghuraian yang dilakukan mengikut kepada penerangan di dalam bab tersebut. Setiap bab ini telah melakukan penelitian secara berkhemah dan dan ditelusuri secara mendalam bagi menghasilkan sebuah laporan kajian yang baik. Laporan kajian yang baik mempengaruhi kepada kualiti yang dihasilkan oleh pengkaji. Pengkaji lain pada masa hadapan dapat diberi manfaat secara langsung.

Bab Satu

Bab satu ini merupakan bahagian yang akan menerangkan mengenai permulaan kepada kajian. Dalam bab satu ini mempunyai bahagian pengenalan, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasi, organisasi kajian dan penutup. Pada bab ini pengkaji akan memperincikan secara lanjut mengenai apakah yang akan dilakukan oleh pengkaji berdasarkan kepada tajuk kajian.

Bab Dua

Bab dua ini akan menerangkan mengenai sorotan kajian. Di dalam bab dua ini mempunyai bahagian pengenalan, pengkajian terhadap cerita-cerita rakyat di Malaysia, pengkajian terhadap pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dalam cerita rakyat dan penutup. Pengkaji akan mengemukakan 100 sorotan kajian di dalam negara bagi menguatkan  lagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bab Tiga

Bab tiga akan menerangkan mengenai metodologi kajian. Di dalam bab tiga ini mengandungi bahagian pengenalan, metodologi kajian, pendekatan teori dan penutup. Pengkaji akan menerangkan secar terperinci mengenai metode yang digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh data-data kajian supaya dapat menguatkan hujah yang dikemukan oleh pengkaji.

Bab Empat.

Bab empat akan menerangkan mengenai dapatan kajian dan perbincangan. Di dalam bab empat ini mengandungi pengenalan, fenomena cerita rakyat, dan penutup. Pengkaji akan menganalisis cerita rakyat yang terkandung di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu di Kelantan* dan mangadaptasikan Teori Pengkaedahan Melayu.

Bab Lima

Bab lima akan menerangkan mengenai kesimpulan secara keseluruhan terhadap kajian yang dilakukan . Di dalam bab lima ini mengandungi pengenalan, rumusan, implikasi kajian, cadangan dan penutup.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.9 Penutup

Cerita rakyat mempunyai pelbagai ruangan skop yang boleh dibincangkan. Hal ini dapat menambahkan lagi kepelbagaian kajian dalam cerita rakyat supaya dapat meneroka pelbagai perkara yang dapat dikupaskan. Fenomena sosial di dalam cerita rakyat ini dapat memberi penjelasan secara jelas mengenai perubahan secara langsung atau tidak langsung di dalam masyarakat Melayu. Fenomena sosial di dalam cerita rakyat ini akan membantu dalam mengenal pasti mengenai punca-punca terhadap perubahan di dalam masyarakat Melayu dan dapat diambil ikhtibar. Oleh itu, pengkaji dapat menjadikan kajian ini sebagai penerus kepada kajian-kajian mengenai cerita rakyat yang lain. Kajian ini mampu untuk dijadikan sebagai salah satu daripada peneraju kepada kajian-kajian terhadap cerita rakyat yang lain.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

# Sorotan Kajian

## 2.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan melihat kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu Fenomena Sosial dalam Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Pengkalan Datu, Kelantan*: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Sorotan kajian dilakukan bagi memberikan gambaran dan maklumat terhadap kajian yang dilakukan oleh pengkaji agar kajian tersebut mempunyai pengukuhan dari segi fakta. Sorotan kajian juga dapat membantu pengkaji dalam mengenalpasti kekurangan terhadap kajian-kajian lepas. Sorotan kajian yang dipilih berdasarkan kepada padanan yang sesuai dengan tajuk. Pemilihan sorotan kajian ini secara tidak langsung dapat menguatkan lagi kajian ini dengan dilampirkan sorotan kajian yang dekat dengan tajuk kajian. Sorotan kajian yang dipilih berkaitan dengan tajuk iaitu instrumen yang dijadikan sandaran pada kajian dan teori yang digunakan di dalam kajian.

Penyelidikan ini akan dihadkan kepada dua bahagian dalam bab ini iaitu kajian cerita rakyat di Malaysia dan Teori Pengkaedahan Melayu dalam Cerita Rakyat. Melalui sorotan kajian ini, para penyelidik dapat menyerlahkan beberapa kajian berkaitan kesusasteraan yang dijalankan oleh para sarjana dan penyelidik. Penelitian dan pemahaman terhadap sorotan kajian ini dapat membantu pengkaji dalam mendalami secara teliti mengenai kajian-kajian lepas seterusnya menjadikan pengkaji dapat melakukan kajian dengan lebih baik dan efisien. Pengkaji juga dapat mengenal beberapa kekurangan yang terdapat pada kajian-kajian lepas agar pengkaji dapat membaiki beberapa kekurangan yang terdapat pada kajian lepas. Kajian lepas ini penting bagi memantapkan lagi hujahan dengan mengemukakan beberapa kajian lepas untuk dijadikan bukti terhadap perlaksanaan kajian. Pengkaji juga perlu mencari



FYP FTKW

beberapa kajian lepas yang bertepatan dan sesuai kerana pelbagai kajian-kajian yang telah ditulis tidak bersesuaian dengan tajuk kajian. Hal ini secara tidak langsung telah pengkaji untuk lebih teliti terhadap pencarian kajian-kajian lepas yang sesuai.

## 2.2 Pengkajian terhadap Cerita-Cerita Rakyat di Malaysia

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) mengkaji *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Masyarakat Melayu amat terkenal dengan sifat sopan santun dan baik hati. Hal ini kerana masyarakat Melayu telah dididik menerusi budaya-budaya yang diamalkan di dalam masyarakat. Masyarakat Melayu juga sangat mementingkan kepada menjaga hati dan perasaan orang lain yang mana perkara tersebut telah dijadikan suatu kewajipan pada masyarakat Melayu. Perkara ini berlaku pada gaya hidup atau penulisan sastera. Jika ditelusuri secara mendalam, masyarakat Melayu tidak akan menegur atau memperkatakan mengenai sesuatu perkara secara terus. Masyarakat Melayu lebih gemar untuk berkata-kata secara kiasan atau berlapik. Hal ini dilakukan bagi memastikan perasaan seseorang tidak tersinggung terhadap kata-katanya. Hal ini juga berlaku pada penulisan sastera Melayu. Mereka juga menyatakan suatu kemarahan atau kesedihan pada puisi, sajak, pantun dan sebagainya. Mereka menggunakan unsur alam bagi dijadikan metafora untuk mengolahkan perasaan yang sedang dirasai. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai murni baik hati dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini telah membataskan kepada beberapa kisah cerita rakyat antaranya *Tuan Puteri Si Helang Bakau, Isteri yang Bongkak, Bismillah* dan *Raja Kuyuk.* Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menjawab analisis kajian.Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu hampir sepenuhnya memiliki nilai baik hati yang sangat penting untuk



FYP FTKW

masyarakat Melayu. Kesimpulannya, cerita rakyat memperlihatkan nilai yang akan dicontohi oleh pembaca dan pendengar.

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Nor Shahila Mansor (2016) mengkaji mengenai *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea*. Cerita rakyat Melayu memiliki nilai-nilai yang mampu untuk memberi nilai-nilai kepada pembaca. Objektif kajian dilakukan bagi mengenalpasti dan membincangkan mengenai persepsi pelajar mengenai cerita Rakyat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis wacana. Kajian ini telah membataskan kepada pelajar-pelajar Korea di Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif dengan melakukan temubual, rakaman, dan menganalisis data. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar Korea menyukai cerita-cerita rakyat yang ditunjukkan kepada mereka. Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu mempunyai tarikan yang mampu menarik orang luar untuk membaca cerita rakyat Melayu.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) mengkaji mengenai *Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19.* Konflik merupakan suatu perkara yang berlaku di dalam mana-mana sepanjang perkembangan manusia. Konflik dalam cerita rakyat banyak diperlihatkan bagi menonjolkam lagi nilai estetika di dalam cerita rakyat. Dalam melakukan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti konflik yang berlaku di dalam cerita rakyat. Kajian ini telah dibataskan kepada buku kanak-kanak berjudul *Soerat hikajat-hikajat jang baik laipoen bergoena di batja oleh anak-anak. (Surat hikayat-hikayat yang baik lagipun berguna di baca oleh anak-anak).* Kajian ini memfokuskan kepada pengurusan konflik yang terkandung di dalam cerita rakyat. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan memfokuskan kepada kaedah kepustakaan. Hasil dapatan kajian yang diperoleh di dalam kajian ini ialah masyarakat Melayu tradisi mempunyai kaedah tertentu dalam menguruskan konflik yang berlaku.



FYP FTKW

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) mengkaji mengenai *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak.* Cerita rakyat ialah sebuah genre kesusasteraan yang berfungsi untuk mengekspresikan budaya masyarakat. Justeru di dalam kajian ini, pengkaji telah meletakkan objektif iaitu mengenalpasti dan menganalisis kesinambungan unsur budaya yang masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat kanak-kanak. Kajian ini telah membataskan kepada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* selenggaraan Othman Puteh dan Aripin Said. Kajian ini bersandarkan kepada tiga unsur budaya dominan iaiti kepercayaan, perubatan dan seni budaya ekspresif. Kajian ini menngunakan kaedah kualitatif menerusi analisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa elemen budaya dalam cerita rakyat akan membuka minda generasi muda untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Kesimpulannya, cerita rakyat dilihat mampu menonjolkan budaya sesuatu masyarakat.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan dan Nor Asiah Muhamad (2017) mengkaji mengenai *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan*. Cerita rakyat sesuai dijadikan medium untuk pembelajaran bagi memelihara budaya dan identiti kanak-kanak orang asli. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti dan kesesuaian cerita rakyat yang berfungsi sebagai medium pembelajaran asas leterasi bagi kanak-kanak orang asli. Kajian ini menggunakan pendekatan Puzzy Delphi menerusi sebagai perantara di dalam kajian ini. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada 12 orang ahli akademik daripada beberapa bidang seperti pendidikan kanak-kanak, pembelajaran bahasa, pendidikan tadika, bahasa Kadazan-Dusun dan pendidikan Orang Asli. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu soal selidik. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat bersesuaian untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran menerusi modul pembelajaran literasi



FYP FTKW

asas. Kesimpulannya, cerita rakyat bersesuaian untuk dijadikan modul pembelajaran di peringkat sekolah.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) mengkaji mengenai *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh.* Falsafah pendidikan negara dibuat bagi mewujudkan arah tuju yang ingin dicapai oleh negara menerusi pendidikan. Maka, kajian ini dibuat bagi mengenalpasti, menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia.* Kajian ini dibataskan oleh teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. Pengkaji menggunakan penerapan FPK (Falsafah Pendidikan Kebangsaan) untuk mengukuhkan lagi analisis kajian. Untuk melancarkan lagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah analisis data. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat dalam teks tersebut kaya akan nilai-nilai murni yang dapat membentuk masyarakat. Kesimpulannya, untuk memumupuk nilai-nilai murni perlu dilakukan menerusi bahan bacaan yang baik.

Sesilia Seli Mohamad dan Mokhtar Abu Hassan (2017) mengkaji mengenai *Nilai-Nilai Tempatan Komuniti Dayak Kanayatn yang Wujud dalam Cerita Rakyat.* Komuniti Dayak Kanayatn memiliki cerita rakyat yang tersendiri yang mengisahkan mengenai kisah-kisah yang berlaku dalam komuniti tersebut. Oleh sebab itu, pengkaji melakukan kajian ini untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai tempatan yang terdapat pada komuniti Dayak Kanayatn yang wujud dalam cerita rakyat. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Pengkaji membataskan kajian kepada 16 cerita rakyat komuniti Dayak Kanayatn. Kajian ini menumpukan kepada nilai-nilai tempatan untuk menguatkan lagi analisis. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa nilai-nilai tempatan berhubung rapat dengan budaya tempatan dan cara hidup masyarakat tempatan. Kesimpulannya, nilai-nilai tempatan



FYP FTKW

dalam sesuatu komuniti mengambarkan kehidupan yang dilakukan oleh komuniti tersebut.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) mengkaji mengenai *Penggunaan Multimedia ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu*. Kajian ini dilakukan bagi menghuraikan peranan multimedia dalam memartabatkan cerita rakyat masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa budaya berfikir positif dan akal budi masyarakat Melayu dapat diperkasakan menerusi pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi. Kesimpulannya, cerita rakyat perlu seiring dengan penggunaan teknologi terkini bagi mengelakkan daripada pupus.

Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim dan Supyan Hussin (2017) mengkaji mengenai *Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah.* Kajian ini dilakukan bagi mengaitkan antara kisah memorat dengan perubatan rohani dan fizikal dalam kalanhgan masyarakat etnik Murut Tahol. Kajian ini menggunakan keadah kualitatif iaitu temu bual. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa etnik Murut Taholpercaya akan mimpi, pelbagai jenis semangat ghaib serta haiwan tertentu dianggap dapat membantu mereka mengubati penyakit rohani. Kesimpulannya, cerita rakyat sesuatu kawasan menonjolkan kepercayaaan dan kearifan tempatan kawasan tersebut.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdullah (2018) mengkaji mengenai *Penerapan Konsep Menjana Minda melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu*. Cerita rakyat Melayu mempunyai kriteria yang sesuai bagi menepati Falsafah Pendidikan Negara untuk mendidik pelajar supaya menjadi seorang yang bertamadun. Cerita rakyat Melayu mempunyai pelbagai nilai-nilai yang bagus untuk diberikan kepada para pelajar untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran. Cerita rakyat Melayu juga mempunyai pelbagai kisah-kisah yang menarik untuk dijadikan teladan dan sempadan kepada pembaca. Pelajar-pelajar yang membaca



FYP FTKW

cerita rakyat Melayu dapat didedahkan kepada adat dan budaya masyarakat Melayu yang patut diamalakan oleh mereka. Perkara ini bukan sahaja membantu kepada pembentukan sahsiah pelajar tetapi dapat membentuk interlektual pelajar menerusi beberapa contoh atau kejadian yang berada di dalam cerita rakyat yang harus diikuti atau dijauhkan daripada melakukannya. Perkara ini secara tidak langsung menjadikan pelajar tidak terlibat dengan gejala negatif seperti merokok, membuli, merosaakkan harta benda awam dan sebagainya. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan merumuskan nilai murni seperti nilai kerajinan dan rasional. Kajian ini dibataskan kepada beberapa cerita rakyat iaitu *Pengorbanan Wasiat Yang Bijaksana, Periuk Kera Ajaib, Puteri Birah Keladi, Pak Tani Menipu Harimau, Hakim Yang Bijaksana dan Takar Emas*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah dokumen analisis. Pengkaji telah menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dagi menguatkan hujah di analisis kajian. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa nilai kerajian dan rasional yang berada di dalam cerita rakyat Melayu menggambarkan interlek orang Melayu yang mempunyai kekuatan akal budi dan kemampuan untuk menilai, melihat dan membuat suatu keputusan secara tepat. Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu akan melatih pelajar agar memiliki keseimbangan dari segi IQ dan EQ. Pelajar yang memiliki keseimbangan IQ dan EQ dapat menjadikan mereka lebih sihat dan dapat melakukan sesuatu dengan penilaian yang lebih baik.

Hazrul Mazran Rusli (2018) mengkaji mengenai *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari*. Kajian ini dilakukan bagi menghasilkan sebuah cetakan blok kayu berdasarkan adaptasi bahan kesusasteraan rakyat Melayu. Kajian ini mengaplikasikan Pendekatan Teori Adaptasi. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah temu bual. Hasil dapatan kajian yang diperoleh mendapati bahawabahan buku teks cerita jenaka kesusasteraan rakyat mempunyai nilai dan potensi untuk diolah ke dalam bentuk karya seni visual. Kesimpulannya, cerita rakyat dan seni cetakan mempunyai kesinambungan dalam mewujudkan sebuah media baharu.



FYP FTKW

Muhammad Safuan Bin Ismail, Roslina Bt Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) mengkaji mengenai *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif.* Kajian ini dilakukan bagi menyanggah pendapat bahawa masyarakat Melayu dianggap lurus, jumud, bodoh dan sebagainya berdasarkan cerita jenaka Melayu dan membuktikan bahawa cerita jenaka Melayu ditunjangi oleh watak yang berpewatakan positif. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan Psikologi Humanistik. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil dapatan kajiaan mendapati bahawa cerita-cerita jenaka Melayu tidak menggambarkan kelemahan masyarakaat Melayu terdahulu malah memiliki kepribadian yang tinggi. Kesimpulannya, cerita jenaka Melayu tidak mengambarkan sikap orang Melayu secara menyeluruh.

Mohd Fahmi Bin Ismail dan Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2018) mengkaji mengenai *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan.* Masyarakat orang Asli Temiar merupakan komuniti yang tinggal di Gua Musang, Kelantan. Orang Asli Temiar kaya dengan warisan cerita rakyat yang menjadi kebanggan masyarakat tersebut. Oleh sebab itu, pengkaji telah melakukan kajian ini menerusi objektif utamanya iaitu menganalisis nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan. Kajian ini membataskan kepada masyarakat Asli Temiar Gua Musang, Kelantan. Pengkaji telah menggunakan Teori Sastera Warisan di dalam kajian sebagai perantara. Bagi melancarkan lagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan menerusi kaedah kajian lapangan. Menerusi hasil dapatan kajian yang diperoleh berjaya memperoleh nilai dan budaya yang terkandung di dalam masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan. Kesimpulannya, masih banyak warisan yang belum ditemui dan harus diterokai oleh pihak tertentu.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Mohd Fahmi Bin Ismail dan Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2018) mengkaji mengenai *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci.* Orang Asli Temiar adalah kelompok yang tinggal di dalam hutan dan hidup dengan gaya hidup yang berbeza dengan masyarakat yang tinggal di bandar dan luar bandar Kajian dilakukan bertujuan untuk meneliti cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelanta berdasarkan kepada objektif kajian iaitu untuk menilai kesan yang tersirat dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Kajian ini dibataskan oleh masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan. Pengaji telah menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci sebagai perantara. Bagi melancarkan lagi kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif menerusi kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat merupakan medium yang sesuai untuk mendidik masyarakat. Kesimpulannya, cerita rakyat perlu terus diperkasa oleh semua pihak bagi mengekalkan kewujudannya.

Laras Anindya dan Ahmad Jum'a Khatib Nur Ali (2019) mengkaji mengenai *Narasi Cerita Rakyat Riau Asal Mula Penamaan Pulau Matang dan Pulau Keras*. Kajian ini dilakukan bagi mengengenalpasti fungsi dan struktur cerita Rakyat Riau di Pulau Matang dan Pulau Keras. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah dokumentasi. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kisah rakyat Riau mempunyai pola penceritaan yang boleh ditiru bagi menghasilkan cerita yang menarik. Kesimpulannya, cerita rakyat ini mampu memberi kesan kepada pembaca.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019) mengkaji mengenai *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia.* Penggunaan digital pada masa kini dilihat semakin penting bagi memastikan negara dapat mengikuti peralihan evolusi ekonomi 4.0. Maka, kajian ini dilakukan bagi menyelidik judul cerita rakyat yang diterbitkan melalui media digital dan menganalisis format yang digunakan oleh penerbit tempatan. Kajian ini dibataskan kepada buku-buku dalam bentuk digital melalui aplikasi dan laman web. Pengkaji menggunakan kaedah



FYP FTKW

kualitati menerusi analisis data bagi melancarkan lagi kajian yang dilakukan. Hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji mendapati bahawa ekosistem yang berada dalam cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang bertepatan dengan kemajuan teknologi yang semakin canggih. Kesimpulannya, usaha yang menyeluruh perlu dilakukan bagi memastikan cerita rakyat dapat didigitalisasikan demi maslahat orang ramai akan datang.

Siti Fatimah Binti Mamat, Roslina Binti Abu Bakar dan Arbai'e bin Sujud (2019) mengkaji mengenai *Kisah Sang Kancil dan Memerang sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak.* Cerita kanak-kanak banyak menggunakan unsusr-unsur haiwan bagi menarik minat kanak-kanak untuk membaca cerita rakyat. Disebabkan, kajian ini dilakukan berpaksikan kepada dua objektif iaitu mengenalpasti elemen adab yang terdapat dalam cerita binatang dan menganalisi kesan peradapan adab dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan cerita binatang iaitu *Kisah Sang Kancil dan Memerang.* Kajian ini dibataskan kepada *Kisah Sang Kancil* dan *Memerang.* Kajian ini telah menggunakan pendekatan Adab berassaskan kerangka pemikiran Syed Naquib Al-Attas. Bagi mengukuhkan lagi kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah temubual. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa watak binatang di dalam cerita rakyat mempunyai perwatakan seperti manusia seperti akal budi dan memberi pengajaran dan tauladan kepada masyarakat Melayu. Kesimpulannya, cerita binatang mempunyai persamaan dari segi cerita rakyat manusia menerusi karakter watak.

Noraini Zainal Abidin, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi and Maizatul Akma Aziz (2019) mengkaji mengenai *Imej Kecendekiaan dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak Malaysia.* Cerita rakyat memiliki nilai-nilai yang menonjolkan imej kecedikiaan kepada pembaca. Dalam kajian ini, pengkaji telah dilakukan bagi mengenalpasti imej kecendekiaan kanak-kanak yang terdapat di dalam *Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia* dan menganalisis hal dan sifat kecerdikan dengan menggunakan pendekatan



FYP FTKW

pengurusan. Dalam menjawab bahagian analisis, pengkaji telah menggunakan pendekatan pengurusan. Pengkaji juga telah membataskan kajian ini kepada buku *Koleksi Terpilih Cerita Rakyat Malaysia* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa golongan kanak-kanak telah dapat mengatasi situasi atau perkara sukar menerusi cerita rakyat kanak-kanak. Kesimpulannya, kecerdikan dapat dipupuk menerusi cerita rakyat.

Jumilah Ahmad dan Sabrina Samsuri (2019) mengkaji mengenai *Penggunaan App Cerita Rakyat Nusantara dalam Membina Kemahiran Interaksi Lisan*. Kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh mana penggunaan aplikasi atau app *Cerita Rakyat Nusantara* membantu membina kemahiran interaksi lisan dalam kalangan murid Tahun 2. Kajian ini menggunakan kaedah eklektik yang mengabungkan pendekatan naratif, kualitatif dan kuantitatif. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa murid suka menggunakan app *Cerita Rakyat Nusantara* atau e-buku ini. Kesimpulannya, penggunaan app membantu dalan membina kemahiran interaksi lisan dalam kalangan murid sekolah rendah.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) mengkaji mengenai *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan*. Naratif lisan pada masyarakat Melayu meengambarkan bahawa masyarakat Melayu memiliki pemikiran yang baik terhadap beberapa perkara. Hal ini mengambarkan bahawa masyarakat Melayu merupakan sebuah bangsa yang hebat dan bertamadun. Akal budi yang wujud dalam masyarakat Melayu menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat menitikberatkan mengenai perkara-perkara yang kecil yang sebenarnya mempengaruhi kepada psikologi manusia. Hal ini dapat dilihat pada budaya masyarakat Melayu. Dalam masyarakat Melayu amat terkenal dengan aktiviti gotong terutamanya di majlis kahwin. Bagi membuat majlis kahwin memerlukan tenaga yang besar untuk menjayakannya. Oleh itu, masyarakat Melayu mengambil



FYP FTKW

tanggungjawab untuk menjayakan majlis perkahwinan tersebut. Perkara ini turut melibatkan jiran tetangga yang duduk berdekatan dengan rumah pengantin. Dapat dilihat bahawa sebenarnya masyarakat Melayu sangat menjaga hubungan dalam masyarakat dengan membantu insan-insan yang memerlukan. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti dan menganalisis akal budi yang terdapat di dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini telah dibataskan kepada beberapa buah cerita rakyat yang diperoleh di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kajian lapangan yang dilakukan di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan kemasyarakatan bagi menguatkan hujah di analisis kajian. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa elemen akal budi yang terkandung di dalam naratif lisan seperti berani kerana benar, rasional, daya usaha dan ikhlas melambangkan keperibadian masyarakat yang kekal wujud dan diamalkan sehingga ke hari ini. Kesimpulannya, naratif lisan Melayu telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu memiliki akal budi yang tiggi dan hebat. Bukan itu sahaja, masyarakat Melayu juga amat mementingkan akal budi dalam kehidupan seharian.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2020) mengkaji mengenai *Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat Hikayat Nakhoda Muda: Analisis Semantik Inkuisitif*. Di dalam cerita rakyat, peristiwa aneh banyak berlaku. Hal ini dapat memberikan pembaca dan pendengar persoalan mengenai perkara yang berlaku di dalam cerita tersebut. Peristiwa aneh yang berlaku seringkali dikaitkan dengan perkara-perkara mistik, hantu, jin dan sebagainya. Peristiwa aneh yang berlaku merupakan satu tanda kepada alam Melayu bahawa terdapat beberapa perkara yang masih belum dirungkai dan diselami secara mendalam. Namun, peristiwa aneh yang berllaku juga dapat dirungkaikan secara saintifik jika dibuat kajian secar menyeluruh. Kejadian aneh yang berlaku kadang kala merupakan suatu ilusi seseorang. Bukan itu sahaja, hal ini juga akan membangkitkan keterujaan disebalik kisah tersebut. Kebanyakkan cerita rakyat yang menonjolkan peristiwa pelik di dalam penceritaan merupakan cerita yang



FYP FTKW

mempunyai genre seram dan sejarah. Walaubagaimanapun, peristiwa pelik yang disampaikan di dalam cerita rakyat berkemungkinan mempunyai mesej yang tersirat atau sesuatu yang tersembunyi. Hal ini bukan sahaja menguji kefahaman terhadap perkara tersirat tetapi turut mencabar kefahaman seseorang mengenai perkara yang berkait. Dalam melakukan kajian ini, pendekatan yang telah pengkaji aplikasikan ialah Semantik Inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) dan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Penggunaan kedua-dua pendekatan ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan data-data yang tepat dan menjadikan kajian lebih menarik. Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif untuk menganalisis dokumen yang telah dibukukan. Bagi memperoleh sumber peroleh data, pengkaji telah menggunakan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu *Antologi Enam Hikayat*. Pengkaji telah membataskan kajian kepada beberapa cerita rakyat iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* yang di dalam kisah ini mempunyai 10 peristiwa aneh. Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa di dalam *Hikayat Nakhoda Muda* mempunyai 10 peritiwa aneh yang telah dikenalpasti dan dapat dijawab oleh pengkaji mengenai sebab kejadian aneh tersebut berlaku berpandukan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang. Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu penuh dengan peristiwa-peristiwa aneh yang belum dirungkai secara lebih jelas dan nyata.

Norfazila Ab. Hamid (2020) menkaji mengenai *Komunikasi Lisan Dialek Melayu Jugra*. Kajian ini dilakukan bagi menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan mendeskripsikan sistem fonologi VKLNG dan VBDR dengan pendengaran bunyi vokal, diftong dan keberadaan alternasi. Kajian ini menyentuh mengenai Varian Kelanang dan Varian Bandar menerusi pendekatan struktural. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sistem fonologi VKLNG dan VBDR masih digunakan dalam ucapan seharian mereka. Kesimpulannya, kajian ini dilihat mampu untuk memelihara jati diri warisan bangsa Melayu Jugra melalui bahasa.



FYP FTKW

Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid (2020) mengkaji mengenai *Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpina".* Rakyat dan pemerintah merupakan suatu entiti yang saling berhubung antara satu sama lain. Hal ini kerana pemerintah akan wujud daripada kalangan rakyat. Kajian ini berpaksikan kepada dua objektif iaitu mengenalpasti hubungan antara rakyat dan pemerintah dalam cerita-cerita rakyat Pahang dan menganalisis kesan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat dalam tradisi lisan. Kajian ini memfokuskan kepada Teori Kepimpinan oleh Northhouse (2013). Pengkaji membataskan kajian ini kepada cerita  rakyat Pahang koleksi Zakaria Hitam. Kajian ini menumpukan kepada kaedah kualitatif dengan kaedah analisis data. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kepimpinan tradisional mempengaruhi kepada hubungan antara rakyat dan pemerintah. Kesimpulannya, pemimpin dan rakyat mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Siti Nursyakirah Saharudin, Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Roslina Abu Bakar (2020) mengkaji mengenai *Animasi Cerita Rakyat Pekaka Bercerita Akim yang Cerdik dan Cengkih.* Animasi merupakan salah satu daripada teknik hiburan yang digunakan pada masa kini berbanding dengan lakonan secara nyata. Pada kajian ini pengkaji telah menyatakan dua objektif iaitu mengenalpasti dan membincangkan mengenai wacana skrip cerita rakyat elemen andaian. Pengkaji telah membataskan kajian ini cerita rakyat animasi iaitu *Akim yang Cerdik* dang *Cengkih.* Kajian ini mengaplikasian teori wacana yang dipopularkan oleh Normaliza Abd Rahim (2019). Kajian ini telah menggunakan kaedah kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan analisis data. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa nilai-nilai di dalam cerita rakyat dilihat berjaya diterapkan dalam kalangan masyarakat terutamanya murid sekolah rendah. Kesimpulannya, animasi memainkan peranan dalam memberikan nilai-nilai kepada penonton.



FYP FTKW

Chitra Suparmaniam dan Maizatul Hayati Mohamad Yatim (2020) mengkaji mengenai *Keberkesanan Animasi Cerita Rakyat India Terhadap Motivasi dalam Kalangan Murid Tahun Lima Di Sjk(T) Daerah Kulim*. Animasi berkesan dalam menyampaikan cerita rakyat kepada masyarakat kerana keupayaan untuk menarik minat orang ramai. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis 12 prinsip animasi dalam tiga siri Animasi Cerita Rakyat India, Menguju keberkesanan Animasi Cerita Rakyat India sebagai bahan pembelajaran dalam kalangan murid Tahun Lima dan mengukur tahap motivasi murid Tahun Lima berlandaskan Model Motivasi ARCS dalam penggunaan Animasi Cerita Rakyat India sebagai bahan pembelajaran. Kajian ini membataskan kajian ini kepada 108 orang murid dari tiga buah sekolah terpilih. Pengkaji juga telah menggunakan Prinsip Animasi yang diperkenalkan oleh animator dari Disney Studio. Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kuantitatif. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa wujud perbezaan secara signifikan dalam ujian pra dan ujuan pasca. Kesimpulannya, Animasi Cerita Rakyat India dilihat memberi kesan kepada murid.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nur Samsiah Mazlan dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, (2021) mengkaji mengenai *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja melalui Media Animasi*. Media animasi merupakan suatu medium di zaman moden ini untuk menyampaikan sesuatu cerita di dalam bentuk animasi. Animasi membantu manusia pada zaman kini untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau cerita yang ingin disampaikan dengan lebih menarik dan interaktif. Kini, animasi merupakan suatu bidang penting yang mana dapat menarik golongan kanak-kanak untuk melihat sesuatu karya. Animasi juga dapat dijadikan sebagai alat untuk menarik golongan ini untuk mula meminati cerita-cerita rakyat menerusi penganimasian cerita-cerita rakyat. Pendedahan terhadap cerita rakyat kepada golongan kanak penting bagi memastikan kelangsungan hidup cerita rakyat terus dipelihara dan dapat memberi nilai murni yang baik kepada golongan kanak-kanak. Kajian ini juga dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis mengenai keberkesanan media animasi dengan menggunakan cerita rakyat yang dilihat oleh kanak-kanak.



FYP FTKW

Keberkesanan media animasi bagi membantu dalam memastikan cerita rakyat dapat dilihat dan ditonton oleh golongan kanak-kanak yang mana golongan ini dilihat lebih berminat melihat cerita berbentuk animasi. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis keberkesasan media animasi kepada golongan kanak-kanak menerusi cerita rakyat. Kajian ini jiga telah dibataskan kepada beberapa kisah di dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* iaitu *Si Luncai dengan Labu-Labunya, Sombong Membawa Padah, Ayam Dogol Membuat Jasa, Bersikap Jujur* dan *Kasih Sayang Keluarga.* Kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji dengan menfokuskan kepada kaedah kepustakaan dan teks. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan gunaan telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa media animasi sangat sesuai untuk dijadikan medium untuk menaikkan martabat cerita rakyat pada golongan kanak-kanak dan remaja. Kesimpulannya, pelbagai alternatif dalam medium penyampaian perlu digunakan secara maksimal supaya cerita rakyat dapat ditunjukkan kepada kanak-kanak dan remaja dan terus kekal selamanya.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek, Muhammad Asyraf Mansor (2021), mengkaji mengenai *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak.* Pendagogi responsif budaya ialah sebuah pendekatan bagi menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku pelajar melalui sebuah teknik pembelajaran dan pengajaran yang bersumberkan rujukan budaya setempat. Pendekatan ini merupakan salah satu cara didikan terhadap pelajar dalam mendekatkan mereka terhadap cerita rakyat. Kaedah ini dapat menjadikan mereka lebih tertumpu kepada cerita rakyat dengan penyampaian yang lebih menarik kepada mereka. Pendedahan cerita rakyat sejak sekolah rendah dilihat mampu untuk memberi mereka pengetahuan terhadap kisah-kisah yang menjadi kebangaan kepada Malaysia. Namun, perkara ini dilihat menjadi cabaran terutama kepada guru-guru di sekolah kerana penguasaan bahasa pengantar yang lemah di kalangan kanak-kanak di sekolah sehingga menyukarkan guru-guru untuk menyampaikan cerita rakyat. Kajian ini



FYP FTKW

telah dilakukan terhadap kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun di tabika yang berada di Tangkak, Johor. Pemilihan kawasan tersebut dilihat sesuai kerana menyasarkan kepada golongan kanak-kanak pada umur yang dilihat matang untuk diberikan pendedahan terhadap cerita rakyat. Pada masa ini, kreativiti guru memainkan peranan dalam cara penyampaian cerita rakyat kepada kanak-kanak agar kanak-kanak dapat ditarik minat mereka untuk mendengar dan membaca cerita rakyat pada masa akan datang. Kajian ini dilakukan bagi melihat pelaksanaan pedagogi responsif budaya terhadap literasi awal kanak-kanak bersandarkan cerita rakyat. Kajian ini telah membataskan kepada kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun di tabika yang berada di Tangkak, Johor. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah temubual dan '*focus group discussion'*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat harus diteruskan bagi dengan daya kreativiti guru yang tinggi dengan menggunakan boneka, bahan maujud atau drama dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini penting bagi meningkatkan penguasaan kemahiran literasi kanak-kanak. Kesimpulannya, pedagogi respondif budaya menerusi cerita rakyat perlu dijalankan di semua tabika agar kanak-kanak mendapat manfaat daripadanya.

Suhaini Md Noor dan Mohd Faizal Musa (2021) mengkaji mengenai *Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat.* Makanan merupakan salah satu keperluan kepada manusia. Makanan berfungsi untuk memberikan tenaga kepada manusia. Pelbagai sumber makanan yang boleh diperolehi seperti daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan. Setiap negara mempunyai keunikan makanan yang tersendiri. Dalam masyarakat Melayu, makanan merupakan elemen wajib bagi menonjolkan keistimewaan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu terkenal akan kepelbagaian jenis makanan terutamanya makanan tradisional yang dilihat mempunyai kelainan berdasarkan negeri-negeri tertentu. Perbezaan jenis makanan tradisional mengikut negeri-negeri ini telah memberikan pelbagai pilihan kepada masyarakat Melayu untuk mendekati dan memahami keistimewaan dan kelainan yang terdapat pada setiap makanan tradisional di Malaysia. Kajian ini telah



FYP FTKW

dilakukan bagi meneliti kepelbagaian makanan yang terdapat di dalam cerita rakyar terpilih iaitu *Musang Berjanggut.* Makanan di dalam cerita ini akan dijadikan sebagai sebuah pemerhatian kepada pengkaji bagi mengenalpasti makanan yang dapat dikaitkan dengan makanan tradisional yang sebenar. Pada kajian ini, pengkaji telah menggunakan kajian kualitatif dengan menggunakan kisah *Musang Berjanggut* sebagai instrumen. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks bagi mengiterpretasi teks *Musang Berjanggut* bagi melihat bagaimana makanan dihasilkan dan fungsi setiap makanan tersebut

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengkaji mengenai *Nilai-Nilai Islam terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak menerusi Cerita Rakyat Melayu*. Dalam pembentukan sosiobudaya kanak-kanak, pelbagai cara yang boleh dilakukan agar sosiobudaya yang diterapkan kepada kanak-kanak mengikut nilai-nilai Islam. Pembentukan sosiobudaya perlu bermula sejak dari kecil supaya mudah dan tidak mengalami kesukaran seperti mana mendidik golongan dewasa. Pembentukan sosiobudaya bagi kanak-kanak ini haruslah selaras dengan nilai-nilai Islam yang mana perkara tersebut menjadi suatu perkara yang mesti diikuti oleh masyarakat Melayu. Penerapan nilai-nilai islam ini dapat membentuk kanak-kanak supaya menjadi lebih terlatih dari segi peradaban dan akhlak. Menerusi cerita rakyat, penyemaian nilai-nilai Islam terhadap pembentukan sosiobudaya kanak dilihat berkesan bertepatan dengan fungsi cerita rakyat yang mempunyai kepelbagaian nilai-nilai Islam. Kajian ini dilakukan bagi menjustifikasikan bahawa cerita rakyat ini kaya akan nilai-nilai keislaman yang mana mampu mendidik dalam pembentukan sosiobudaya dalam kalangan kanak-kanak. Kepelbagaian nilai-nilai Islam di dalam cerita rakyat akan membantu kanak-kanak dalam memahami erti nilai Islam yang sebenar. Teori Takmilah telah digunakan di dalam kajian ini bagi menjalinkan kanak-kanak dengan nilai-nilai Islam. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi memperoleh data-data untuk dijadikan sebagai maklumat di dalam kajian ini.



FYP FTKW

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengkaji mengenai *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah.* Cerita lisan memiliki kepelbagaian nilai-nilai yang memberi contoh yang baik kepada pembaca dan pendengar. Kepelbagaian nilai-nilai ini menunjukkan bahawa cerita lisan ini memiliki manfaat kepada pendengar dan pembaca. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan. Kajian ini telah dibataskan kepada 10 cerita yang telah dipilih berdasarkan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan mengambil tajuk *Perahu Bunga Emas, Tukang Besi dan Tukang Kayu, Wak Sino Tukang Gasing, Bawang Putih Bawang Merah Ular dan Gurunya Buluh, Bukit dan Pokok, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping dan Raja Kuyuk.* Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan kedah keperpustakaan dan teks. Hal ini dilakukan bagi meperoleh data dan maklumat yang lebih utuh. Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan teori Takmilah bagi menguatkan lagi hujah analisis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita lisan penuh akan nilai-nilai kemanusian yang mampu untuk mendidik khalayak ke arah yang lebih bertamadun dan berakhlak. Kesimpulannya, kajian ini akan menjadikan pembaca dan pendengar untuk memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang akan menambahkan sifat manusiawi dalam diri mereka.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021) mengkaji mengenai *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu*. Di dalam cerita lisan Melayu, pelbagai unsur yang boleh dilihat dan diamati secara lebih mendalam. Hal ini telah menjadikan cerita lisan Melayu mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terkandung di dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini telah dibataskan kepada *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan memilih 12 cerita lisan yang dipilih secara rawak iaitu *Pokok Berdarah, Sang Gedembai, Kisah Jambul Belatuk, Puteri Tupai, Ketam Sumpahan, Gunung Bubu, Bayan Dan Puteri Kayangan, Puteri Durian Tunggal, Sungai Sembilang, Seruling Buluh Perindu, Batu Penyu dan Sembilang Kuala Sawah.* Pengkaji telah menggunakan kaedah



FYP FTKW

kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah ini dilakukan bagi memastikan data-data yang diperoleh adalah tepat dan bermanfaat. Pengkaji telah menggunakan teori Sastera Budaya yang telah diperkenalkan oleh Mana Sikana (2005). Hasil dapatan kajian mendapati unsur spiritual seperti sumpahan terdapat dalam beberapa cerita Lisan Melayu.Hal ini sekaligus akan menarik minat kepada masyarakat untuk mengetahui cerita lisan Melayu menerusi penerapan di dalam sistem pendidikan.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengkaji mengenai *Cerita Rakyat sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*. Cerita rakyat memiliki pelbagai perkara-perkara yang masih belum diterokai daripada nilai estetikanya. Nilai estetika ini dilihat mampu untuk menarik minat masyarakat untuk mendengar dan membaca cerita rakyat. Oleh hal demikian, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang berada dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Batasan kajian telah dikenalpasti kepada beberapa cerita rakyat antaranya *Tujuh Bersaudara, Puja Berubat, Sungai Ketapang dan Semangat Laut.* Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual, Pengkaji telah menemu bual beberapa orang penglipur lara. Kaedah ini dilakukan bagi memperoleh data dan maklumat yang lebih tepat dan jitu. Pangkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi menjawab kepada bahagian analisis kajian. Hasil dapatan kajian telah diperolehi bahawa cerita rakyat di Tumpat, Kelantan memiliki nilai ketamadunan yang tinggi dan dapat membentuk jati diri masyarakat Melayu agar menjadi lebih maju. Hal ini sekaligus akan menarik minat masyarakat untuk lebih meminati cerita rakyat.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengkaji Penemuan *Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak*. Dalam cerita lisan Melayu, penerapan terhadap nilai-nilai islam dilihat telah banyak diterapkan di dalam cerita rakyat. Hal ini kerana masyarakat Melayu telah didedahkan terhadap nilai-nilai Islam di dalam kehidupan seharian disebabkan agama Islam merupakan agama wajib bagi bangsa



FYP FTKW

Melayu. Menerusi kajian ini, pengkaji telah menganalisis dan mengenalpasti nilai-nilai dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini telah dibataskan kepada teks *Koleksi 266 Cerita Rakyat Malaysia* dengan memilih beberapa tajuk cerita rakyat di dalam teks tersebut antaranya *Raja Kuyuk, Kaca Bertukar Emas, Bawang Merah Bawang Putih, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping dan Kalimah Bismillah.* Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan teks. Melalui kajian ini juga telah menggunakan teori Takmilah sebagai menjawab analisis kajian. Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa kepada untuk memiliki akhlak yang mulia dan berjiwa besar perlu didedahkan dengan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita lisan Melayu Secara rumusannya, cerita lisan Melayu memiliki keupayaan dalam memberikan nilai-nilai yang boleh membentuk masyarakat agar memiliki sifat-sifat islamiah dalam diri.

Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah (2021) mengkaji mengenai *Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang*, *Malaysia*. Cerita rakyat merupakan suatu medium bagi menyampaikan kisah-kisah yang telah berlaku bersandarkan kepada kepercayaan masing-masing. Cerita rakyat juga memiliki kepelbagaian pemahaman terhadap perkara-perkara yang menyentuh kepada unsur zahir dan batin. Disebabkan itu, kajian ini dilakukan bagi mangenalpasti dan membincagkan mengenai ritual yang terkandung di dalam cerita rakyat di Mukim Babar Pekan, Pahang. Kajian ini telah dibataskan kepada kisah-kisah yang diambil daripada tukang-tukang di sekitar Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif melalui keadah kepustakaan dan kerja lapangan. Kerja lapangan ini telah dilakukan dengan menemu bual tukang-tukang cerita yang berada di sekitar Mukim Bebar, Pekan, Pahang.  Kajian ini menggunakan teori Fungsionalisme bagi menjawab di bahagian analisis kajian. Hasil dapatan kajian yang diperolehi kajian ini telah mendapati bahawa ritual yang didapati  mempunyai hubung kait  dengan masyarakat Melayu berdasarkan cerita rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang dan akan diamalakan dalam kehidupan seharian masyarakat di kampung tersebut hingga ke hari ini. Secara kesimpulannya, ritual di dalam cerita rakyat



FYP FTKW

menunjukkan bahawa cerita rakyat mempunyai nilai estetika tersendiri yang mampu untuk memberi kesan yang mendalam kepada pembaca.

Muhammad Irfan Waqiuddin Hasanudin dan Muhd Norizam Jamian (2021) mengkaji mengenai *Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita Legenda Si Tenggang, Si Malin Kundang, dan Nakhoda Manis.* Kisah *Si Tenggang, Si Malin Kundang* dan *Nakhoda Manis* mempunyai persamaan dari segi konsep penceritaan. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan menghurai struktur cerita serta citra ibu menerusi tiga buah cerita legenda iaitu *Si Tenggang, Si Malin Kundang* dan *Nakhoda Manis*. Kajian ini dibataskan oleh tiga cerita iaitu *Si Tenggang, Si Malin Kundang* dan *Nakhoda*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan. Pengkaji juga menggunakan Pendekatan Struktur Naratologi. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa citra ibu yang ditunjukkan di dalam kisah-kisah tersebut ialah pasrah dengan ketentuan Tuhan dan imej wanita yang setia. Kesimpulannya. Ketiga-tiga cerita legenda ini memberikan output yang baik kepada pembaca.

Muhammad Nur Al- Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Bin Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid dan Siti Aishah Jusoh (2021) mengkaji mengenai *Polemik Dalam Cerita Rakyat sebagai Medium Pendidikan Moral kepada Kanak-Kanak.* Polemik yang wujud di dalam cerita rakyat dapat memberikan kesan terutamanya kepada diri kanak-kanak. Hal ini kerana polemik tersebut akan menyebabkan kanak-kanak terkesan akan perkara tersebut lalu membentuk diri mereka untuk menjadi lebih baik. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis beberapa cerita rakyat terpilih mengenai polemik kepada perilaku moral kanak-kanak. Kajian ini telah dibataskan kepada teks *366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan memilih kisah *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Kapak Emas, Melanggar Janji, Bawang Merah Bawang Putih dan Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur.* Kajian ini menggunakan teori Takmilah dengan menggunakan hubungan karya dengan khalayak bagi menjawab analisis kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan teks. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan moral kanak-kanak



FYP FTKW

dibentuk oleh polemik yang terdapat dalam cerita rakyat. Kesimpulannya, cerita rakyat dapat membina jatidiri kanak-kanak menerusi nilai-nilai di dalam cerita rakyat tersebut.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengkaji mengenai *Cerminan Nilai-Nilai Islam dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah*. Nilai-nilai Islam di dalam cerita rakyat memberi makna yang tersendiri bagi menzahirkan sifat Islam yang sebenar. Perkara ini menyebabkan cerita rakyat mempunyai nilai estetika yang tersendiri yang mana akan mendidik pembaca dan pendengar untuk menjadi lebih baik. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang terdapat di dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia.* Kajian ini telah dibataskan kepada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan memilih kisah *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Bawang Putih Bawang Merah, Kaca Bertukar Emas dan Raja Kuyuk.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan teori Takmilah bagi menjawab analisis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat berpotensi untuk dijadikan bahan di dalam cerita rakyat yang mengandungi nilai-nilai Islam. Kesimpulannya, cerita rakyat menjadi cerminan dalam memperlihatkan nilai-nilai Islam didalamnya.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun dan Mohamad Rodzi Abd Razak (2021) mengkaji mengenai *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan*. Kepelbagaian cerita lisan di Malaysia seharusnya perlu dibukukan agar cerita tersebut tidak hilang terutamanya untuk generasi akan akan. Pemuliharaan terhadap cerita lisan perlu dipandang serius agar kekal di jiwa masyarakat. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis pemuliharaan cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun dalam usaha untuk mengekalkan tradisi. Kajian ini dibataskan oleh temubual yang dilakukan kepada penutur cerita lisan di Kampung Sungai Mok, Rompin Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini menggunakan teknik analisis semantik bagi mendapat data yang tepat. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa



FYP FTKW

usaha pemuliharaan ini telah memberi manfaat untuk kekal dalam kalangan masyarakat Orang Asli Jakun. Kesimpulannya, pemuliharaan cerita lisan perlu diperbanyaakan agar tidak hilang ditelan zaman.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021) mengkaji mengenai *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu.* Dalam naratif lisan, gambaran terhadap sesuatu masyarakat akan diperlihatkan bagi memberi bayangan mengenai kehidupan masyarakat pada ketika itu. Perkara ini akan memberikan bayangan kepada individu tertentu mengenai bagaimana kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan mengenalpasti citra masyarakat Melayu yang terkandung ddalam naratif lisan. Kajian ini telah membataskan kajian pada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan memilih kisah *Lebai Malang, Kampung Rembau, Pemilihan Pengganti, Kalimah Bismillah, Burung Qaf Wau, Asal Usul Sungai Pinggan, Kota Kulit Kerang, Burung Rajawali yang Ganas, Orang Kaya Bakhil dan Kasih Sayang Keluarga.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menerusi kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi menjawab analisis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan adat dan nilai kebudayaan dibentuk melalui citra masyarakat di dalam naratif lisan. Kesimpulannya, gambaran masyarakat di dalam naratif lisan menjadi bayangan terhadap senario yang terjadi pada zaman dahulu.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali, dan Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) mengkaji mengenai *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater*. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti cerita rakyat Melayu Sarawak yang berpotensi sebagai satu karya teater dan menghasilkan dokumentasi kajian. Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif bagi menjalakan kajian ini menerusi kaedah kepustakaan dan temubual. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat yang dipilih akan dijalankan pementasan yang



FYP FTKW

dicadangkan iaitu teater kanak-kanak. Kesimpulannya, cerita rakyat dalam penduduk Melayu Sarawak masih lagi wujud sehingga ke hari ini.

Ick Ellyrenzine Linsap dan Low Kok On (2021) mengkaji mengenai *Tuturan Komburongo dalam Konteks Cerita Lisan dan Kepercayaan Etnik Tobilung di Sabah*. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis unsur-unsur kepercayaan yang terkandung dalam tuturan Komburongo. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan kaedah temu bual.  Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tuturan Komburongo terbahagi kepada mitos atau cerita dalam konteks cerita rakyat. Kesimpulannya, Kamburongo mempunyai kepercayaan pelbagai dari segi kewujudannya.

Siti Aishah Jusoh dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengkaji *mengenai Satu Analisis Pemikiran Mantera Pakaian Diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan*. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis jenis mantera pakaian diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Pengkaji menggunakan Teori Sastera Budaya. Pengkaji turut menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa masyarakat Orang Asli Sungai Rual masih mengamalkan mantera pakaian diri demi keharmonian dan kesejahteraan seharian. Kesimpulannya, mantera pakaian diri merupakan adat yang masih diamalkan sehingga kini.

Muhammad Qawiem Hamizan ,Abdul Walid Ali dan Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) mengkaji mengenai *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater*. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti cerita rakyat Melayu Sarawak yang berpotensi sebagai sebuah karya teater dan menghasilkan dokumentasi kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kedah kepustakaan dan temu bual.  Hasil dapatan kajian mendapati bahawa usaha mengangkat kesenian tempatan telah dilakukan oleh pengkarya tempatan. Kesimpulannya, cerita rakyat hendaklah dipersembahkan dalam pelbagai medium persembahan bagi menarik minat orang ramai.



FYP FTKW

Chitra Suparmaniam dan Maizatul Hayati Mohamad Yatim (2020) mengkaji mengenai *Keberkesanan Animasi Cerita Rakyat India Terhadap Motivasi dalam Kalangan Murid Tahun Lima Di Sjk(T) Daerah Kulim*. Animasi berkesan dalam menyampaikan cerita rakyat kepada masyarakat kerana keupayaan untuk menarik minat orang ramai. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis 12 prinsip animasi dalam tiga siri Animasi Cerita Rakyat India, Menguju keberkesanan Animasi Cerita Rakyat India sebagai bahan pembelajaran dalam kalangan murid Tahun Lima dan mengukur tahap motivasi murid Tahun Lima berlandaskan Model Motivasi ARCS dalam penggunaan Animasi Cerita Rakyat India sebagai bahan pembelajaran. Kajian ini membataskan kajian ini kepada 108 orang murid dari tiga buah sekolah terpilih. Pengkaji juga telah menggunakan Prinsip Animasi yang diperkenalkan oleh animator dari Disney Studio. Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu kuantitatif. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa wujud perbezaan secara signifikan dalam ujian pra dan ujuan pasca. Kesimpulannya, Animasi Cerita Rakyat India dilihat memberi kesan kepada murid.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu*. Pembentukan nilai-nilai Islam dan akhlak pada masyarakat Melayu dapat dilihat berdasarkan kepada sumber kehidupan iaitu cerita Rakyat. Cerita rakyat Melayu Sarat demgam kisah-kisah yang akan memberi contoh yang baik kepada pembaca dan pendengar agar memiliki akhlak yang terpuji dan nilai-nilai Islam pada diri mereka. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Kajian ini telah dibataskan kepada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang merangkumi kisah *Mengapa Bangau Kurus, Kelekatu Sombong, Kalimah Bismillah, Ditelan Yu, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Bukit dan Pokok dan Setiakawan.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Takmilah bagi menjawab di analisis



FYP FTKW

kajian. Hasil dapat kajian ini telah membuktikan bahawa masyarakat pada zaman dahulu telah menerapkan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat untuk membina sebuah masyarakat yang memiliki akhlak yang mulia.. Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu sarata dengan nilai-nilai islam yang akan mebentuk jati diri masyarakat Melayu.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan terhadap Kanak-Kanak dan Remaja*. Di dalam cerita rakyat, pelbagai nilai-nilai yang dapat membentuk jatidiri kanak-kanak dan remaja agar memiliki nilai kepimpinan di dalam diri mereka. Bukan itu sahaja, cerita rakyat juga mampu untuk dijadikan sebagai wadah dalam mendidik kanak-kanak dan remaja untuk mencetus revolusi dalam sifat kepimpinan. Walaubagaimanapun, para sarjana pada hari ini kurang untuk mendedahkan interaksi sosioekonomi di dalam cerita rakyat. Disebabkan itu, kajian ini telah dijajalankan bagi mengenalpasti dan menganalisis interaksi sosioekonomi dalam cerita rakyat *Kilauan Emas* berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini telah dibataskan oleh penelitian di atas aspek kepimpinan dalam karya cerita rakyat yang bertajuk *Kilatan Emas.* Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan memfokuskan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Hal ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan data yang tepat dan berinfomasi. Kajian ini telah memfokuskan kepada teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa cerita rakyat *Kilauan Emas* telah memiliki interaksi sosial yang telah menunjukkan sikap kepimpinan dalam diri kanak-kanak dan remaja remaja dan mampu untuk mengekalkan tradisi budaya masyarakar Melayu. Kesimpulannya, kajian ini dilihat mampu untuk memberikan nilai tambah kepada kanak-kanak dan remaja dalam membentuk dan mencetus revolusi kepimpinan di dalam diri mereka.

FYP FTKW

Mohd Firdaus Che Yaacob, Surianti Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari dan Nasirin Abdullah (2022) mengkaji *mengenai Nilai Murni melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan*. Kajian ini dlakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai murni baik hati berdasarkan kepada keunikan dialek Kelantan yamng terkandung di dalam cerita rakyat Melayu Kelantan di Bachok, Kelantan. Cerita rakyat Melayu banyak dikaji oleh para sarjana pada ketika. Ini. Hal ini kerana nilai estetika yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu yang mampu untuk menarik perhatian para sarjana untuk mengkaji cerita rakyat Melayu. Cerita rakyat Melayu dilihat mampu diangkat martabatnya selaras dengan kehebatan dan keunggulan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Cerita rakyat kaya dengan nilai warisan kebudayaan melayu yang dilihat perlu diketengahkan menerusi kajian ini supaya dapat membuka mata para sarjana untuk meneruskan penyelidikan ke arah cerita rakyat Melayu.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Melayu Di Tumpat, Kelantan Satu Penelitian Takmilah.* Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis fenomena sosial yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu di Tumpat, Kelantan untuk mendedahkan kepada masyarakat mengenai kebaikan fenomena sosial yang telah diterapkan. Pengkaji mengaplikasikan teori Takmilah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, kajian lapangan dan analisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat Melayu di Tumpat mengandungi fenomena sosial yang dapat dijadikan panduan kepada masyarakat. Kesimpulannya. fenomena sosial perlu diberikan pendedahan kepada masyarakat supaya mereka dapat cakna terhadap sebarang fenomena sosial yang berlaku di sekeliling mereka.

FYP FTKW

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Kawalan Sosial Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Pasir Mas, Kelantan*. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis kawalan sosial yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu di Pasir Mas, Kelantan. Kajian ini mengaplikasikan teori Takmilah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, kajian lapangan dan analisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat Melayu di Pasir Mas, Kelantan mempunyai nilai positif yang dapat mendidik jiwa masyarakat ke arah lebih baik. Kesimpulannya, nilai positif daripada cerita rakyat tersebut dapat dijadikan sebai alat kawalan sosial.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Perwatakan Protagonis dalam Cerita Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Hubungan Antara Karya Dengan Khalayak.* Kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan mengenalpasti perwataakan protagonis yang terdapat dalam cerita rakyat di Tumpat Kelantan. Kajian ini mengaplikasikan hubungan antara karya dengan khalayak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan mempunyai nilai positif dan pengajaran dapat diambil daripada watak protagonis. Kesimpulannya, watak protagonis dalam cerita rakyat mempunyai keperibadian yang dapat diambil contoh yang baik kepada pembaca.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Unsur Islam dalam Cerita Rakyat Melayu di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Prinsip Sastera Dengan Ilmu.* Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur Islam dalam cerita rakyat Melayu di daerah Tumpat, Kelantan. Kajian ini mengaplikasikan teori Takmilah. Pengkaji juga menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa unsur Islam yang ditemukan dalam cerita rakyat Melayu di daerah Tumpat, Kelantan mempunyai potensi untuk dijadikan panduan dan ikutan dalam kehidupan. Kesimpulannya, unsur



FYP FTKW

Islam dalam cerita rakyat dapat memperlihatkan cara kehidupan masyarakat Islam yang sebenar.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Kajian Pendidikan Moral dalam Cerita Rakyat Melayu Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan.* Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan membincangkan mengenai pendidikan moral dalam cerita rakyat Melayu terhadap kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini mengaplikasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pendidikan moral dalam cerita Melayu sebagai lambang pembentukan jati diri terhadap keperibadian kanak-kanak. Kesimpulannya, pendidikan moral sangat penting kepada kanak-kanak bagi membentuk keperibadian yang baik.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Akal Budi dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian terhadap Pengkaedahan Alamia*. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini juga turut menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa akal budi yang terkandung di dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan perlu diketengahkan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu. Kesimpulannya, akal budi mempunyai kepentingan dalam membina karakter seseorang.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji *mengenai Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu, Kelantan*. Kajian ini dilakukan bagi membincangkan kepentingan cerita rakyat kepada masyarakat melalui amalan nilai-nilai murni. Kajian ini mengaplikasikan teori Takmilah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kaedah kepustakaan dan, temu bual dan analisis teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa komunikasi dua hala yang digunakan dapat menjelaskan



FYP FTKW

perhubungan di antara cerita rakyat dengan masyarakat melalui nilai-nilai murni. Kesimpulannya, nilai-nilai murni perlu disemai kepada masyarakat bagi membentuk sahsiah yang terpuji.

Nur Erieyana Hassan (2022) mengkaji mengenai *Kepercayaan terhadap Cerita Asal Usul dalam Masyarakat Kampung Gajah, Perak:Satu Kajian Naratif Lisan.* Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti jenis dan versi asal-susl perkampungan lama di daerah kecil Kampung Gajah, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitiu kajian lapangan dan temu ramah. Kajian ini mengaplikasikan Teori Sastera Budaya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kepercayaam masyarakat kampung tentang cerita asal-usul adalah dengan membawa membawa cerita asal ini sebagai naratif lisan yang diterima secara turun temurun. Kesimpulannya,  cerita rakyat dalam sesuatu penempatan mempunyai kisah kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat di sana.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji *mengenai Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini mengaplikasikan konsep rohani yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, temu bual dan analisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penemuan cerita lagenda yang kaya dengan dengan nilai-nilai murni boleh dijadikan panduan hidup dalam kalangan masyarakat. Kesimpulannya, nilai-nilai murni tersebut menjadi pengajaran untuk membentuk masyarakat yang bertamadun.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa.* Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis unsur nilai positif dalam sastera rakyat di kelantan sebagai medium didaktok kepada golongan desa. Kajian ini dmengaplikasikan Teori Takmilah. Kajian ini menggunakan kaedaha kualitatif iaitu



FYP FTKW

kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sastera rakyat Kelantan memiliki kekayaan nilai positif yang berpotensi dijadikan medium didaktik kepada golongan desa. Kesimpulannya, hiburan kepada masyarakat Melayu pada zaman dahulu berpandukan kepada cerita rakyat di kawasan mereka.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Nur Samsiah Mazlan, Siti Aishah Jusoh dan Siti Fatimah Ab Rashid (2022) mengkaji mengenai *Perspektif Pelajar di Universiti Malaysia Kelantan Mengenai Nilai-Nilai Islam yang Terkandung dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan Melalui Aplikasi Quiziz.* Nilai-nilai Islam banyak terdapat di dalam cerita rakyat disebabkan oleh masyarakat Melayu yang menganuti agama Islam. Disebabkan itu secara tidak langsung nilai Islam telah diserap di dalam karya sastera Melayu. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti dan menganalisis mengenai perspektif pelajar di Unuversiti Malaysia Kelatan terhadap nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan dengan menggunakan aplikasi Quizizz. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Takmilah sebagai perantara. Kajian ini juga dibataskan oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Kelantan seramai 38 orang. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, kajian lapangan dan soal selidik. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan teknologi semasa seperti aplikasi kuiz telah menarik minat dan membantu pelajar untuk memahami nilai Islam di dalam cerita Rakyat. Kesimpulannya, penggunaan teknologi pada masa kini sangat penting dalam memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai sesuatu perkara.

Dilah Tuah (2022) mengkaji mengenai *Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya di Sarawak*. Cerita rakyat dilihat berpotensi sebagai produk pelancongan bagi sesebuah negeri. Hal ini dapat dilihat berdasarkan tujuan kajian ini iaitu untuk mendapatkan data mengenai potensi cerita rakyat daripada perspektif kearifan tempatan kepada industri pelancongan



FYP FTKW

budaya di Sarawak. Kajian ini telah dibataskan kepada empat buah cerita rakyat Sarawak daripada *Antalogi Cerita Rakyat Sarawak: Telichu dan Telichai*. Pengkaji memfokuskan kepada kearifan tempatan cerita rakyat dalam pelancongan budaya di dalam kajian ini. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kealitatif iaitu menerusi kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat mempunyai potensi besar dalam mempromosikan pelancongan budaya Sarawak. Kesimpulannya, cerita rakyat perlu dipelbagaikan perananya supaya dapat berperanan kepada masyarakat.

Siti Hajar Sabri dan Muhd Norizam Jamian (2022) mengkaji mengenai *Cerita Legenda dalam Kalangan Masyarakat Cina Peranakan Kelantan.* Cerita legenda merupakan prosa naratif yng menvceritakan mengenai sejarah yang telah berlaku, dipercayai oleh masyarakat tapi tidak dianggap sakral. Pengkaji menjalankan kajian ini untuk merungkai mengenai bagaimanakah perkembangan cerita legenda dalam masyarakat Cina Peranakan Kelantan dan peranan mereka. Kajian ini bersandarkan kepada konsep laegenda yang dibina oleh Mohd Taib Osman (1991). Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, analisis kandungan dan kajian lapangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa peranan cerita legenda memberi kesan kepada masyarakat Cina Peranakan Kelantan. Kesimpulannya, cerita legenda dalam masyarakat Cina Peranakan perlu diperlihara bagi mengekalkan kehebatannya.



FYP FTKW

2.3 Pengkajian Terhadap Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-karya Sastera.

Roslina Abu Bakar dan Aune van Engelenhoven (2016) mengkaji mengenai *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka.* Karya sastera Melayu sangat dekat dengan unsur alam dan budaya yang mana kedua-dua unsur ini mempunyai berkait rapat dengan alam Melayu. Perkara ini sekaligus telah menjadikan karya sastera Melayu mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menuri *Hikayat Pelanduk Jenaka* menerusi proses interaksi sosial serta menganalisis cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* berasaskan pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan. Kajian ini memfokuskan kepada pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang terdapat di dalam teori Pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan kajian mendapati pengarang sebagai kontak sosial primer bertanggungjawab dalam memberi amanat dan pesan. Kesimpulannya, alam dan budaya masyarakat merupakan elemen penting yang perlu ada di dalam sesebuah karya sastera.

Noraini Abd. Shukor (2016) mengkaji mengenai *Padi dan Air sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat.* Sastera Melayu banyak menggunakan unsur alam dalam karya seperti peribahasa Melayu yang banyak menggunakan pembayang berunsurkan alam dan menyampaikan makna yang sebenar. Kajian ini dilakukan bagi memberikan pemahaman kepada masyarakat yang mempunyai hubungan secara langsung dengan suku kaum ini, sebagai salah satu kaedah untuk merapatkan jurang sosiobudaya dalam kalangan masyarakat di negara ini. Kajian ini membataskan kepada peribahasa yang menggunakan peribahasa Melayu berunsur alam dan melakukan kaedah kepustakaan yang berada dalam kaedah kualitatif. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan Alamiah dan



FYP FTKW

pendekatan Keagamaan,. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa peribahasa Melayu menjadi mekanisme yang mengawal masyarakat supaya mengamalkan nilai dan norma yang sepatutnya. Kesimpulannya, unsur alam dalam peribahasa menunjukkan kebijaksanaan orang Melayu dalam menghasilkan seni berbahasa.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) mengkaji mengenai *Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu*. Dalam memeberikan pemahaman terhadap nilai-nilai murni, cerita rakyat Melayu perlu diangkat bagi memperlihatkan nilai-nilai murni seperti nilai kasih sayang, keadilan baik hati dan sebagainya. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan nilai kasih sayang dan keadilan yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Kajian ini juga turut mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dengan membataskan kajian kepada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan memilih kisah *Puteri Pucuk Ketumpang, Batu Belah Batu Bertangkup, Nakhoda Haloba, Kacang dan Telur Ayam, Puteri Kelapa Gading dan Awang Selamat.* Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu . Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat melayu sarat dengan nilai-nilai murni yang memberi pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat. Kesimpulannya, nilai murni dalam cerita cerita rakyat Melayu menjadikan karya sastera memiliki nilai estetika yang tinggi.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) mengkaji mengenai *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu.* Pelbagai peristiwa dan gambaran masyarakat Melayu ditonjolkan di dalam cerita rakyat Melayu dengan kisah-kisah yang menarik terdapat di dalamnya. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat dengan menggunakn teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini dibataskan oleh teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* dengan memilih kisah *Awang Yang Lurus, Padi Berbuah Emas, Raja Kuyuk, Seuncang Padidan*



FYP FTKW

*Penjual Api Yang Lurus.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan kaedah kepustakaan dan teks. Pengkaji telah menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen nilai murni kujujuran jelasdan nilai murni terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu terpilih. Kesimpulannya, cerita rakyat Melayu memberikan cerminan moral kepada pembacanya.

Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) mengkaji mengenai *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu.* Puisi merupakan suatu penulisan bagi menyatakan sesuatu ideologi penulis. Penulis juga dapat mengekspresikan sesuatu yang yang ingin disampaikan dalam bentuk karya sastera. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan* dan *Gelora Nurani.* Kajian ini dibataskan kepada kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan* dan *Gelora Nurani.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah analisis teks. Pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan firasat, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Hasil dapatan kajian menunjukkan A. Aziz Deraman berjaya menonjolkan ketulenan jati diri Melayu melalui penulisan puisi bagi memberi ikhtibar, pengajaran dan nasihat kepada masyarakat . Kesimpulannya, jati diri Melayu telah banyak dizahirkan di dalam karya sastera yang akan menonjolkan sifat semula Kemelayuan.

Chong Ah Fok (2017) mengkaji mengenai *Teori Moral Alamiah:Satu Gagasan.* Pembentukan sesuatu teori dalam alam Melayu bertitik tolak terhadap teori-teori Barat yang dilihat tidak bersesuaian dengan tatacara hidup masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pemikiran baru yang berakat dari Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menumpukan terhadap pengkaitan Teori Moral Alamiah dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif bagi memperoleh data. Hasil dapatan kajian yang diperolehi mendapati bahawa karya sastera mengandungi ilmu



FYP FTKW

mengenai dunia dan akhirat yang dapat membentuk minda dan jiwa seseorang. Kesimpulannya, pembaca harus mengambil ikhtibar daripada karya sastera supaya dapat menjamin kesejahteraan hidup beragama, bermasyarakat dan beragama.

Rabiatul Adawiah Binti Ab. Samad dan Low Kok On (2017) mengkaji *mengenai Unsur Dan dan Kearifan Tempatan Orang Bajau dalam Kumpulan Puisi Iltizam.* Kajian ini dilakukan bagi mengkaji 59 buah puisi pilihan dalam antologi puisi *Iltizam* (2015) yang mengandungi insur dakwah dan kearifan tempatan. Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini bagi memperoleh data. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penghasilan puisi *Iltizam* (2015) yang berunsur Islam tidak hanya melibatkan daya imaginasi dan kreativiti pengarang tetapi dapat menyampaikan mesej kepada pembaca.. Kesimpulan puisi *Iltizam* (2015) mempunyai unsur dakwah dan kearifan tempatan orang Bajau melalui bait-bait puisi yang berfungsi sebagai manifestasi pandangan hidup dan kepercayaan masyarakat Bajau.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizam Jamian dan dan Zubir Idris (2017) mengkaji mengenai *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) berdasarkan Mujarrobat.* Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan mengenai alam kedutan (denyutan) di bahagian tubuh badan manusia berdasarkan *Mujarrobat.* Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Firasat. Pengkaji telah menggunakan kaedah keantitatif dengan melakukan temu bual terhadap penduduk berketurunan Jawa. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa *Kedutan* (denyutan) di badan boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu di bahagian kepala, Muka dan leher, badan, tangan dan kaki. Kesimpulannya, amalan ini masih lagi dipercayai oleh masyarakat Jawa sehingga ke hari ini.

Florina Jumil dan Norjietta Julita Taisin (2017) mengkaji mengenai *Nilai Pendidikan dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun.* Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti nilai pendidikan yang terdapat dalam beberapa *tangon-tangon*



FYP FTKW

Kadazandusun. Penkaji telah menggunakan Teori Pendekatan Moral yang berasakan kepada Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah rujukan teks dan kajian kepustakaan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat banyak nilai pendidikan yang terdapat dalam *tangon-tangon* yang mampu membentuk karakter pembaca terutama kanak-kanak. Kesimpulannya, kajian dapat dijadikan pemangkin dalam mendidik pembaca untuk berfikir secara kreatif dan kritis.

Nurul Nasuha Mohd Rosle dan Zubir Idris (2018) mengkaji mengenai *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan*. Hikayat atau sirah para nabi mempunyai pemahaman dari segi keagamaan yang membawa kepada dakwah Islam kepada masyarakat yang disampaikan dalam pelbagai medium. Kajian ini dlakukan sejarah para nabi  yang terkandung di dalam Al-quran dan hadis bersandarkaan nilai-nilai Islam. Kajian ini dibataskan oleh teks manuskrip *Hikayat Nabi Adam.* Kaedah kepustakaan dan teks yang terdapat dalam kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Keagamaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa naskah ini telah meningkatkan nilai ketakwaan dan ketaatan kepada Allah selaras dengan fungsinya bagi memperkembangkan lagi Islam. Kesimpulannya, manuskrip *Hikayat Nabi Adam* merupakan wadah dalam menyampaikan syiar Islam.

Che Abdullah Che Ya (2018) mengkaji mengenai *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu.* Masyarakat Melayu hidup secara berkelompok di kawasan-kawasan yang mempunyai sumber ekonomi. Masyarakat Melayu juga mengamalkan hidup bermasyarakatan dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Kajian ini dibataskan kepada novel *Bedar Sukma Bisu* karya Faisal Tehrani. Pengkaji menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan alamiah dan pendekatan dakwah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa novel *bedar Sukma*



FYP FTKW

*Bisu* karya Faisal Tehrani banyak mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu yang bergantung kepada alam sebagai sumber inspirasi dan ekonomi. Kesimpulannya, kehidupan masyarakat Melayu memiliki falsafah yang tersendiri.

Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) mengkaji mengenai *Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah.* Sajak merupakan medium bagi seseorang untuk mengekspresikan sesuatu perasaan dalam bentuk penulisan. Sajak juga memerlukan penulis untuk menyampaikan penulisan mereka menggunakan suara dan jiwa agar penulisan mereka dapat dirasai oleh pendengar. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis sajak-sajak Badaruddin H.O yang bertemakan ketuhanan. Pengkaji telah membataskan kapada beberapa sajak Badaruddin H.O antaranya *Meski Rumah Di Akhirat, Istigfar Rejab, Ini Zat Bukan Bayangku, Takdir Itu Begini, Di Malam Kudud Ramadan, Tongkat Putih.* Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Dakwah. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sajak-sajak Badaruddin H.O mengandungi unsur dakwah dan memaparkan kebesaran dan keangungan Allah SWT.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei (2018) mengkaji mengenai *Introspeksi dalam 77 Tuju:Siri Ingatan Kepada Kawan*. Inrospeksi atau muhasabah diri merupakan suatu yang dilakukan oleh pembaca bagi menginsafi diri. Pemahaman terhadap puisi menjadikan pembaca lebih mengenali diri dan dekat kepada Allah SWT. Kajian ini dilakukan bagi memanfaatkan beberapa tanggapan bahawa "introspeksi" mempunyai hubung kait dengan cara berfikir orang Melayu yang didakwa oleh Zaen Kasturi dalam puisinya sehingga membataskan kajian ini kepada kumpulan puisi *77 Tuju:Siri Ingatan Kepada Kawan.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian teks dan analisis data. Pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji mendapati bahawa hasil dapatan kajian mendedahkan bahawa Zaen Kasturi banyak mengajukan pemerihalan intropeksi yang mana telah mengaitkan sudut pandang untuk menumpukan kepada frasa *ingatan kepada kawan* bagi tujuan



FYP FTKW

bermuhasabah. Kesimpulannya, penulis karya sastera memiliki ideologi tersendiri dalam menyampaikan kefahaman kepada orang ramai.

Chong Ah Fok (2018) mengkaji mengenai *Prinsip dan Konsep Teori Moral Alamiah dalam Novel S.A.B.A.* . Kajian ini dilakukan bagi menerapkan prinsip dan konsep teori moral alamiah pada struktur permukaan terhadap novel *S.A.B.A* (2018). Pengkaji telah menggunakan teori moral alamiah yang bersandarkan kepada Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi memperoleh data. Hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian ini ialah penghasilan teks novel ini memperlihatkan kepelbagaian, keseimbangan dan keharmonian. Kesimpulannya, novel ini memperincikan terhadap unsur-unsur dan ketuhanan yang akan memberikan kesedaran rohani kepada pembaca.

Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) telah mengkaji mengenai *Aspek Dakwah dalam Novel Suriati berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Novel digunakan sebagai wadah dalam memberikan buah fikiran penulis terhadap sesuatu perkara. Hal ini kerana penulis sering menyampaikan ideologi, pandangan dan pendapat dalam penulisannya untuk disampaikan kepada pembaca. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji sejauh mana kekuatan dan keberkesanan aspek dakwah yang melatari novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah. Kajian ini dibataskan kepada novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan dakwah bagi menjawab analisis kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dakwah berupaya menimbulkan daya tarikan terhadap agama Islam dan menjadi alat untuk pengembangan agama Islam.Kesimpulannya, novel menjadi sebagai medium kepada penulis bagi menyampaikan ideologi masing-masing.

Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2019) mengkaji mengenai *Pendidikan Anak-Anak menerusi Surah Luqman dam novel Ayahanda.* Al-quran merupakan kitab yang diturunkan kepada umat Islam. Di dalamnya memiliki surah-surah yang



FYP FTKW

memberikan manfaat kepada pembaca jika difahami secara mendalam. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis pendidikan anak-anak menerusi Surah Luqman dengan tujuan memperlihatkan pendidikan yang berasaskan Al-quran. Kajian ini dibatskan oleh novel *Ayahanda* karya Azizi Haji Abdullah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji telah menggunakan teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Kemasyarakatan untuk menjawab analisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pendekatan kemasyarakatan yang diaplikasikan di dalam kajian ini dilihat sesuai sebagai pendedahan kepada permasalahan yang wujud dalam masyarakat. Hal ini dilakukan bagi mencari kebaikan dan keadilan seperti yang dituntut dalam Islam. Kesimpulannya, Al-quran berfungsi untuk memberi didikan kepada pembanya yang menelaah secar mendalam.

Nur Syazwani Bederohisam dan Zubir Idris (2020) mengkaji mengenai *Syair Suka Duka dalam Pelayaran Ke Mekah:Satu Analisis Pengkaedahan Melayu*. Syair merupakan sebuah karya sastera berbentuk puisi. Syair disampaikan secara berlagu yang dilihat berbeza dengan bentuk puisi yang lain. Kajian ini dilakukan bagi membincangkan mengenai syair berunsur Islam yang menjadi wadah untuk menyampaikan dakwah. Kajian ini dibataskan oleh syair *Suka Duka Dalam Pelayaran ke Mekah.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berfokuskan kepada kaedah kepustakaaan. Pengkaji menggubakan teori Pengkaedahan Melayu dengan menumpukan pengkaedahan Keagamaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bagaimana  bagaimana naskah syair ini dapat berperanan sebagai wadah untuk meningkatkan "kehambaan, keimanan, ketakwaan dan ketaatan seorang hamba kepada pencipta-Nya. Kesimpulannya, syair merupakan suatu karya yang harus dipelhara agar tidak mati ditelan zaman.

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker dan Farra Humairah Mohd (2020) mengkaji mengenai *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu karya Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah.* Unsur dakwah di dalam karya sastera dilihat semakin berkembang. Pendekatan dakwah dengan menggunakan



FYP FTKW

cerpen mampu memberi impak terutama kepada pembaca bagi mendekatkan diri kepada Allah. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur dakwah menerusi kumpulan cerpen *Melamar Rindu* karya Osman Ayob. Pengkaji membataskan kajian ini kumpulan cerpen *Melamar Rindu* karya Osman Ayob dengan memilih cerpen *Gangguan, Doanya Termakbul* dan *Menimba Penawar.* Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Keagamaan dan Pendekatan Dakwah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan cerpen *Melamar Rindu* sarat dengan unsur dakwah Islamiah dan nilai keagamaan yang meningkatkan keimanan terhadap Allah SWT dan turut menjadikan ketakwaan manusia semakin bertambah. Kesimpulannya, kumpulan cerpen *Melamar Rindu* karya Osman Ayob membawakan unsur dakwah di dalam karya sasteranya.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim dan Mawar Safei (2020) mengkaji mengenai *Perenungan Diri Dari Sisi Pendekatan Seni dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan karya Zaen Kasturi*. Puisi merupakan wadah dalam menyampaikan unsur kesufian di dalam sastera. Unsur kesufian banyak ditulis dalam bentuk puisi bagi menyampaikan unsur kesenian dalam beragama. Kajian ini dilakukan bagi meneliti kekuatan seni Zaen Kasturi melalui aspek diksi dan gaya bahasa metafora dalam karyanya. Kajian ini dibataskan kepada puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* karya Zaen Kasturi. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Seni. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi tidak mengecualikan kepentingan seni dalam berbahagi makna, khasnya isi yang bernilai introspektif. Kesimpulannya, puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* karya Zaen Kasturi memberi pemahaman yang mendalam terhadap seni berbahasa yang tinggi.

Osman Ayob, Roslan Chin dan Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) dalam kajiannya bertajuk *Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu.* Cerpen merupakan suatu medium bagi menyampaikan sesuatu kisah secara pendek. Cerpen juga memiliki unsur-unsur



FYP FTKW

tersendiri bagi menarik pembaca untuk membeca cerpen. Kajian ini dilakukan bagi membincangkan persoalan dakwah yang berpaksikan kehidupan orang-orang Melayu yang kaya dengan akal budi dan tata susila hidup. Kajian ini telah dibataskan kepada kumpulan cerpen *Papaverine* dengan memilih cerpen *Suatu Subuh yang Bening, Keusangan, dan Taubat Nasuha.* Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah analisis kajian. Kajian ini menggunakan teroti Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Alamiah dan pendekatan Keagamaan bagi menjawab analisis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerpen-cerpen terpilih Rajab F.I terkanandung nilai kemanusiaan yang pelbagai dan kompleks. Oleh itu, kajian Kesimpulan, unsur dakwah dalam cerpen menjajadikan penulisan karya saastera menjadi menarik.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2020) mengkaji mengenai *Kedinamikan Citra Masyarakat dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan.* Kajian ini dilakukan kerana pengkaji menyedari bahawa novel novel seperti *Atukku Pejuang*, *Bening Mata Seorang Dia* dan *Melakar Sinar* kaya dengan kedinamikan citra masyarakat. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif dengan menumpukan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa novel-novel pilihan ini kaya akan nilai murni dani nilai kebudayaan Melayu. Kesimpulannya, gambaran kehidupan masyarakat Melayu dapat dilihat berdasarkan novel-novel pilihan tersebut

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengkaji mengenai *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kemban.* Cerita Cik Siti Wan Kembang berasal dari Kelantan. Kisah ini banyak memberikan nilai-nilai murni yang dapat memberikan contoh yang baik kepada pembaca dan pendengar kisah ini. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam *Cik Siti Wan Kembang*. Kajian ini telah dibataskan kepada kisah lagenda *Cik Siti Wan Kembang.* Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan kaedah kepustakaan dan teks. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita *Cik Siti Wan Kembang* perlu dijadikan bahan bacaan bagi



FYP FTKW

melahirkan masyarakat yang bermoral dan lebih prihatin. Kesimpulannya, cerita rakyat mampu memberi tanggapan positif kepada pembacanya.

Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Nordiana Ab Jabar, Sudirman Kiffli, Farrah Atikah Saari, Suraya Sukri dan Ainul Wahida Radzuan (2021) mengkaji mengenai *Nilai Kemanusiaan dalam Novel Lantai Takdir karya Fida Rohani.* Nilai kemanusiaan dalam novel banyak dihasilkan bagi menunjukkan nilai-nilai kemanusiaan yang sebenar. Karya sastera menjadi wadah dalam menyampaikan mesej kemanusiaan. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan mengemukakan elemen nilai kemanuasiaan yang terdapat dalam novel *Lantai Takdir* karya Fida Rohani. Kajian ini dibataskan oleh novel *Lantai Takdir* karya Fida Rohani. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan kaedah analisis dokumen. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu dengan pendekatan Dakwah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa teks ini mengangkat nilai kemanusiaan seperti nilai kemaafan, nilai kasih sayang, nilai baik hati dan nilai ketaatan terhadap ajaran agama. Kesimpulannya, kajian ini memberi sebuah perspektif baharu terhadap nilai kemanusiaan yang boleh diterapkan di dalam novel.

Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021) mengkaji mengenai *Nilai Kepahlawanan dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah*. *Tangon* (cerita rakyat) mempunyai kepelbagaian jenis cerita berdasarkan kepada sesuatu tempat. Kisah yang terdapat pada sesuatu tempat memiliki pelbagai genre yang berbeza. Kajian ini menganalisis nilai-nilai kepahlawanan yang terkandung di dalam cerita rakyat suku Kimaragang di Sabah. Pengkaji telah membataskan kajian kepada cerita rakyat (tangon) suku Kimaragang menerusi kisah *Si Ganuk, Si Dampayak Pakou* dan *Ih Sambarak om Tasu*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kajian lapangan dan temu bual. Pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menderusi pendekatan Alamiah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa martabat diri dan kehormatan dapat ditingkatkan melalui elemen kepahlawanan. Kesimpulannya, nilai kepahlawanan dalam cerita rakyat menunjukkan bahawa cerita rakyat memiliki unsur adiwira di dalamnya.



FYP FTKW

Fadzillah Kassim dan Norazimah Zakaria (2021) mengkaji mengenai *Fungsi Tumbuhan dalam Pantang Larang Melayu berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tumbuhan merupakan unsur yang sangat dekat dengan masyarakat Melayu kerana masyarakat Melayu banyak menggunakan tumbuhan dalam kehidupan seharian. Maka, kajian ini dilakukan bagi mengkaji makna dan fungsi tumbuhan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini dibataskan oleh buku Pantang Larang Orang Melayu Tradisional (1999). Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Firasat. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tumbuhan mempunyai peranan dalam tanda keakraban masyarakat Melayui dengan alam. Kesimpulan, tumbuhan mempunyai makna tersurat dan tersirat pada masyarakat Melayu.

Nur Samsiah Mazlan dan Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2021) mengkaji mengenai *Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu.* Dalam teromba, pelbagai unsur yang diterapkan bagi memperlihatkan nilai estetika di dalam teromba. Teromba akan memasukkan unsur-unsur kemelayuan yang menonjolkan lagi warisan Melayu di dalam teromba. Kajian ini dilakukan bagi untuk menganlpasti dan menganalisis adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Kajian ini dibataskan kepada teks dalam Teromba karya Mohd Rosli Saludin. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan teks. Pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan Alamiah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan kebudayaan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan menerusi teromba menyebabkan masyarakat dapat memahami dan mengamalkan adat tersebut. Kesimpulannya, teromba berfungsi bagi memperlihatkan unsur-unsur Kemelayuan dalam bentuk penulisan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Phat a/l Awang Deng (2021) mengkaji mengenai *Membaca Firasat Melayu dalam Lirik Lagu Kebangsaan dan Negeri-Negeri di Malaysia.* Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan mengenai makna di sebalik imej manusia atau orang (gelaran), alatan (objek) dan alam (tanah air, wilayah atau pertiwi) dalam lirik lagu kebangsaan, lirik lagu negeri-negeri di semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan serta Sabah dan Sarawak.. Pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kesedaran, kefahaman, semangat dan penerimaan terhadap makna yang tersurat dan tersirat akan menjamin keutuhan unit atau entiti politik. Kesimpulannya. Lirik lagu kebangsaan dan lagu negeri-negeri di Malaysia mempunyai nilai yang mempu menyemai sifat patriotik dalam masyarakat.

Fadzilah Kassim dan Norazimah Zakaria (2021) mengkaji mengenai *Fungsi Binatang dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.* Pantang larang merupakan satu disiplin yang diwarisi secara turun-temurun. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah mengariskan dua objektif iaitu mengenalpasti unsur binatang dan menganalisis fungsi binatang di dalam pantang larang Melayu. Kajian ini telah dibataskan kepada buku *Pantang Larang Orang Tua-tua kepada Anak Cucunya (1948).* Kajian ini menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pengkaedahan Alamiah melalui Pendekatan Firasat. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan. Hasil dapatan Kajian mendapati bahawa fungsi binatang terhadap masyarakat Melayu kepada alam dengan membawa maksud tersirat dan melambangkan kecendikiaan masyarakat Melayu berdasarkan kepada pantang larang yang diamalkan. Kesimpulannya, Pantang larang dan binatang mempunyai perkaitan yang rapat dengan alam Melayu.

Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin (2022) mengkaji mengenai *Uslub Tasybih dalam Gaya Bahasa Kiasan Melayu menerusi Novel Suriati dari Perspektif Pendekatan Seni*. Masyarakat Melayu terkenal dengan penggunaan kiasan dalam perbuatan atau



FYP FTKW

FYP FTKW

berbahasa. Kiasan digunakan dalam masyarakat Melayu untuk menjaga perasaan orang lain. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis *uslub tasyib* dalam konteks bahasa kiasan Melayu yang terdapat dalam novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah teks. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan Keagamaan melalui pendekatan Seni. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek uslub tasyib dalam konteks bahasa kiasan Melayu selari dan mempunyai hubungan secara langsung dengan sesebuah karya berbentuk keislaman. Kesimpulannya, gaya bahasa yang baik menjadikan sesuatu karya sastera lebih dihargai.

Nur Emy Amirah Zawawi (2022) mengkaji mengenai *Analisis Nilai dan Pengajaran dalam Buku ' Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka' karya Azmin Daud*. Nilai dan pengajaran dalam karya sastera diberi penekanan dalam memberikan nilai tambah kepada pembaca. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai dan pengajaran yang terdapat di dalam buku 'Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka' karya Azmin Daud. Kajian ini dibataskan oleh buku 'Pantun Berkait Peri Loka Tanah Merah' karya Azmin Daud. Pengkaji mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi memperoleh data. Hasil dapatan kajian yang didapati ialah nilai dan pengajaran yang terkandung di dalam buku ' Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka' memberi pengajaran kepada individu dan komuniti masyarakat. Kesimpulannya, buku 'Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka' akan memberi nilai positif berdasarkan kandungan di dalam buku tersebut.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) mengkaji mengenai *Unsur Kebudayaan dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti dan menganalisis unsur kebudayaan yang terkandung di dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan di dalam

kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperolehi ialah naratif lisan di Pengkalan Sungai Pengkalan Datu memiliki unsur kebudayaan yang mempamerkan identiti masyarakat Melayu yang lebih dinamik. Kesimpulannya, kajian ini akan memberi impak kepada golongan muda dan kanak-kanak untuk lebih menghargai khazanah warisan negara.

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz dan Mohd Syuja Saedin (2022) mengkaji mengenai *Manifestasi Budaya Peradaban Melayu dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini dilakukan bagi melihat bagaimana faktor persekitaran digarap bagi mengetengahkan persoalan kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam novel *Kasyaf Ain* berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi memperoleh maklumat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperoleh mendapati bahawa novel *Kasyaf Ain* memperlihatkan faktor persekitran yang membentuk kepada cara hidup dan budaya peradaban masyarakat Melayu. Kesimpulannya, novel ini mampu untuk membina jati diri masyarakat menerusi nilai-nilai yang terkandung di dalamnya.

Mastura Othman (2022) mengkaji mengenai *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Novel Srengenge karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan nilai-nilai kemanusiaan yang akan meberi teladan ilmu pengetahuan kepada pembaca. Kajian ini telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji juga telah melakukan kaedah kualitatif di dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa novel *Srengenge* karya Shanon Ahmad ini mengandungi nilai-nilai kemanusiaan yang yang memberi penghayatan kepada pembaca. Kesimpulannya, novel *Srengenge* karya Shanon Ahmad ini mampu memberi teladan yang baik dalam membentuk moral masyarakat.



FYP FTKW

Maizatul Akma Shamsuddin (2022) mengkaji *mengenai Unsur Budaya dalam Tek Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini dilakukan bagi mengaji dan menganalisis unsur budaya dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah, pendekatan moral, dan pendekatan kemasyarakatan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah keperpustakaan dan rujukan teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mempunyai pelbagai unsur budaya yang dapat memberi pengajaran dan membentuk keperibadian masyarakat. Kesimpulannya, pembentukan masyarakat yang baik dapat membina jati diri yang tinggi.

Putri Nur Anis Balqis Yazik (2022) mengkaji mengenai *Transkipsi Puisi Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Nanalisis Nilai- Nilai Murni*. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi Melayu melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Kajian ini telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu . Pengkaji telah melakukan kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pengkaji telah membuktikan bahawa transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat telah memberi impak yang besar kepada pembentukan budaya masyarakat Melayu. Kesimpilannya, kajian ini telah dapat membentuk tingkah laku dan perturan yang baik seiring dengan kemenjadian modal insan yang berguna.

Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi dan Nordiana Ab. Jabar (2022) mengkaji mengenai *Kisah Sang Kancil dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi dalam Kalangan Kanak-Kanak.* Kajian ini dilakukan bagi membuncangkan



FYP FTKW

mengenai watak Sang Kancil sebagai watak utama. Pengkaji mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa watak binatang di dalam cerita haiwan telah disamakan dengan perwatakan manusia untuk memberi pengajaran kepada masyrakat Melayu terutama kanak-kanak. Kesimpulannya, cerita rakyat bukan sahaja disampaikan penceritaan dalam watak manusia tetapi turut menunjukkan watak haiwan bagi menarik minat mereka.

Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek dan Sara Beden (2022) mengkaji mengenai *Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini dilakukan bagi menganalisis mesej keagamaan yang terkandung di dalam novel *Aus benua* karya Noor Ariff Yusoff. Pengakaji mengplikasikan Teori Pengklaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat, pendekatan gunaan, pendekatan kemasyarakatan pendekatan seni, pendekatan moral dan pendekatan dakwah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis teks. Hail dapatan kajian mendapati bahawa mesej keagamaan yang disampaikan oleh pengarang menyeru pembaca untuk mentaati perintah Allah S.W.T. Kesimpulannya, pengarang berjaya dalam menghadirkan unsur-unsur keislaman dalam karyanya.

Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Suraya Sukri, Ainul Wahida Radzuan dan Lim Ying Xuan (2022) mengkaji *mengenai Pendekatan Moral dan Aplikasi Dalam Teks Kumpulan Drama Zaman Yang Mencabar Karya Agi*. Kajian ini dilakukan untuk menginterpretasikan kumpulan drama *Zaman yang Mencabar* karya Abdul Ghaffar Ibrahim berlandaskan pendekatan moral. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif menerusi analisis teks. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pendekatan moral memainkan peranan yang penting dalam mengkategorikan tema dan persoalan-persoalan yang berfungsi melahirkan pemikiran, mesej, falsafah dan premis dalam kumpulan drama Zaman yang Mencabar.



FYP FTKW

Muhammad Syauqi Mat Zawawi (2022) mengkaji mengenai *Transkripsi Lagu Rakyat dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.* Kajian ini dilakukan kerana pengkaji menyedari kelompongan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas yang tidak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Kajian menumpukan kepada pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini juga turut menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah keperpustakaan dan rujukan teks. Hasil dapat kajian mendapati bahawa kirik yang dihasilkan mempunyai beberapa nilai murni yang dapat memberi pengajaran kepada pendengar. Kesimpulannya, penghasilan lagu berdasarkan cerita rakyat perli diperbanyakkan supaya dapat memberi pendedahan kepada masyarakat.

Eiffa Yuhanis Roslan (2022) mengkaji mengenai *Unsur Nilai dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989).* Kajian ini dilakukan bagi mengisi kelompongan terhadap kajian-kajian lepas yang tidak mengetengahkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menerusi aspek nilai dan moral. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini juga turut menggunakan kaedah kualitatif dengan menumpukan kaedah kepustakaan dan analasis kepustakaan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita rakyat kaya dengan nilai-nilai yang mempamerkan kebudayaan masyarakat Melayu. Kesimpulannya, nilai-nilai yang terdapat dalam cerita rakyat mampu memberikan kesan positif kepada pembaca.

FYP FTKW

## 2.4 Penutup

Secara kesimpulannya, sorotan kajian merupakan elemen penting bagi melakukan sebuah kajian. Sorotan kajian merupakan sebuah sandaran pada kajian yang dilakukan bagi memperkukuhkan lagi kajian tersebut. Pelbagai sorotan kajian yang dikumpul telah membuka mata pengkaji bahawa pelbagai kajian-kajian telah dibuat bagi memperkasakan cerita rakyat di dalam arena pendidikan. Pelbagai kajian yang dilakukan bagi mencari solusi terhadap masalah yang timbul bagi memastikan cerita rakyat terus dijulang di mata dunia. Begitu juga dengan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu telah menunjukkan bahwa penggunaan teori tersebut telah menonjolkan lagi elemen-elemen kemelayuan yang terdapat pada cerita rakyat. Penggunaan teori ini haruslah diperluaskan lagi agar dapat menonjolkan lagi unsur kemelayuan yang terdapat di dalam sastera.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 3

# Metodologi Kajian

## 3.1 Pengenalan

Pada bab ini, penjelasan akan dibuat oleh pengkaji secara mendalam mengenai penggunaan metode yang menjadi medium di dalam kajian ini. Bahagian ini akan menerangkan bagaimana pengkaji mencapai objektif dan matlamat kajian menerusi kaedah dan pendekatan yang sesuai. Bahagian ini akan membantu pengkaji supaya dapat mengenal pasti kaedah-kaedah yang digunakan bersesuaian di dalam kajian dan menerapkan pengkaedahan kajian yang lebih sistematik. Pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah kajian bagi mendapatkan data-data yang diperlukan bagi memastikan kajian ini dilakukan secara sistematik. Kaedah kajian ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat-maklumat penting bagi menjadikan kajian ini lebih padat dan infomatif.

Pengkaji akan menggunakan pendekatan teori Pengkaedahan Melayu di dalam kajian ini bagi memperoleh data secara kualitatif. Menerusi data peroleh ini, pengkaji dapat mengaitkan data tersebut dengan teori dan menghasilkan sebuah dapatan kajian. Hal ini membolehkan pengkaji untuk menginterpretasikan data kajian bersesuaian dengan objektif kajian. Hal ini seterusnya dapat menghasilkan sebuah dapatan kajian yang komprehensif dan menyeluruh. Menurut Siti Uzairiah (2017), walaupun pengkaji bertanggungjawab menentukan kaedah kualitatif bagi meginterpretasi data, namun ia perlu dilakukan secara berasas.

Pengkaji telah memilih buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bagi melakukan kajian secara terperinci mengenai fenomena sosial yang terdapat di dalam cerita-cerita rakyat. Pengkaji akan mengaitkan mengenai

fenomena sosial yang berada di dalam cerita rakyat dengan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan Alamiah dan pendekatan Keagamaan.

## 3.2 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan sebuah keadah dan teknik yang perlu dilakukan oleh pengkaji bagi melakukan rekabentuk, mengumpul dan mengganalisis sesuatu data bagi mendapatkan suatu justifikasi di dalam sesuatu kajian. Menurut *Kamus Dewan* (2005) , metodologi didefinisikan sebagai ilmu mengenai metode atau sistem. Pengkaji juga akan menerangkan mengenai kaedah dan prinsip yang perlu digunakan dalam kajian. Metode ialah cara melakukan sesuatu atau sistem. Justifikasi di dalam kajian ini penting bagi membuktikan cara kajian ini dilakukan secara teratur dan sistematik.

Metodologi dilakukan bagi membantu untuk mengaplikasikan kaedah secara terperinci. Metodologi merupakan mekanisme penting bagi memastikan kajian yang dibuat menjadi sistematik dan teratur. Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada kajian teks. Oleh itu, kajian teks memerlukan sebuah penelitian terhadap teks-teks daripada beberapa karya untuk dijadikan rujukan dan panduan. Kajian terhadap teks mengenai cerita-cerita rakyat dijadikan sebagai rujukan supaya selaras dengan tajuk kajian. Pengkaji telah menggunakan teori Pengkaedahan Melayu di dalam kajian ini untuk dijadikan sebagai batasan di dalam kajian ini. Hal ini penting bagi menunjukkan tujuan kajian ini dilakukan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menuruti segala tatacara dan aturan yang terdapat di dalam metodologi. Perkara ini penting bagi memastikan kajian yang dilakukan adalah tepat dan mengikut kepada cara kajian sebenar yang dilakukan. Bukan itu sahaja, metodologi ini juga akan membantu pangkaji lain pada masa akan datang untuk merujuk kajian ini. Hal ini kerana metodologi akan menunjukkan cara kajian dijalankan bagi mendapatkan data-data yang konkrit dan komprehensif. Metodologi yang baik dapat memberikan contoh kepada pengkaji baru dan dapat diikuti oleh



FYP FTKW

mereka. Pengkaji akan membahas mengenai reka bentuk kajian, kaedah kajian, dan teori yang digunakan bagi memperoleh data secara terperinci.

### 3.3 Reka bentuk Kajian

Pada kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi memperolehi data-data yang berkenaan. Menurut I Wayan Koyan (2014), kaedah kualitatif merujuk kepada prosedur meneliti data deskriptif yang mempunyai unsur lisan tulisan dari tingkah laku yang dihasilkan. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang memfokuskan kepada hasil tulisan yang telah dibuat oleh sumber-sumber yang sahin dan dipercayai. Bagi memperoleh sumber tersebut, terdapat beberapa tingkat kaedah yang perlu dijalani bagi menjadi sumber tersebut adalah sahih dan benar. Dalam kaedah kualitatif, terdapat beberapa teknik yang digunakan iaitu kajian kepustakaan, rujukan teks atau dokumen dan temu bual. Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji akan menginterpretasikan data tersebut supaya dapat menjawab kepada objektid kajian.

### 3.4 Kaedah Kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kaedah kajian kepustakaan dan rujukan teks atau dokumen. Kaedah ini digunakan bagi memperoleh data-data bagi mengupas perihal fenomena sosial di dalam cerita rakyat menerusi penggunaan teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji juga menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bagi melakukan kajian mengenai fenomena sosial. Pengkaji memilih 49 buah cerita rakyat yang terkandung di dalam teks *Seuntaian Nararatif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dengan memfokuskan mengenai fenomena sosial yang berada di dalam cerita rakyat pilihan tersebut. Pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu dengan mendasari beberapa pendekatan yang terdapat di dalam cerita rakyat pilihan. Antara pendekataan yang akan digunakan oleh pengkaji ialah



FYP FTKW

Pendekatan Firasat, Pendekatan Moral, Pendekatan Gunaan, Pendekatan Kemasyarakatan, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Seni.

### 3.4.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang berkaitan dengan pencarian data-data yang berkaitan dengan kajian. Kaedah ini meliputi pencarian kepada bahan berbentuk fizikal atau maya yang merangkumi jurnal, tesis, artikel akhbar, buku, laman sesawang dan bahan bertulis yang lain. Pengkaji juga telah menjadikan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan sebagai sumber mendapatkan bahan rujukan bagi memperkukuhkan lagi kajian ini. Sumber-sumber yang diperoleh oleh pengkaji merupakan hasil daripada penelitian terhadap bahan secara berterusan. Pengkaji memulakan pencarian maklumat di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan bermula dari 18 April 2022.

### 3.4.2 Rujukan Teks atau Dokumen

Kaedah rujukan teks dan dokumen dilakukan bagi meneliti sesuatu penulisan secara terperinci. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji bagi menganalisis teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bagi mendapatkan data kajian. Teks ini dipilih bagi membaca dan menganalisis fenomena sosial yang terdapat di dalam cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang diterbitkan oleh Universiti Malaysia Kelantan. (UMK Press). Penulisan teks oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) merupakan hasil daripada kajian lapangan yang dilakukan di beberapa buah kampung antaranya Kampung Pantai Senok, Kampung Kedai Lalat dan Kampung Babong yang berada berhampiran dengan Kampung Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini telah dilakukan penelitian secara berulang bagi memastikan cerita rakyat yang dipilih bersesuaian dan tepat dengan kajian ini. Kombinasi terhadap cerita rakyat yang diperoleh telah menghasilkan pembatasan tajuk mengikut jenis cerita antaranya cerita asal-usul, cerita mistik, cerita tokoh dan cerita



FYP FTKW

binatang. Kegigihan Mohd Firdaus Che Yaacob dalam menghasilkan buku ini seharusnya dikagumi dan dihayati oleh pembaca kerana berjaya mengumpulkan cerita-cerita rakyat yang terdapat di negeri Kelantan dan memberi tambahan rujukan kepada pengkaji.

### 3.5 Teori Pengkaedahan Melayu

Hashim Awang telah mengasaskan Teori Pengkaedahan Melayu pada tahun 1989. Teori ini dibentangkan buat pertama kali di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan *M*elayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Menurut Abdul Halim Ali (2013), teori ini dikemukakan oleh Hashim Awang bersandarkan kepada *Taj-al-Muluk* (terbitan Muktabah Wamatbaah Wal maari'f, Pulau Pinang)". Menurut Hashim Awang teori ini dicipta berdasarkan kepada beberapa aspek antara kekurangan yang terdapat pada teori-teori kritikan yang berasal daripada Barat. Hal ini kerana teori-teori daripada Barat mempunyai kelompongan yang menyebabkan terdapat perkara-perkara penting yang tidak dijelaskan.

Teori Pengkaedahan Melayu diciptakan berasaskkan kepada budaya, cara dan sikap hidup, pandangan dunia, perspektif alam semesta dan agama Islam orang Melayu yang memiliki ciptaan-ciptaan karya sastera mereka yang tinggi lagi unik. (Hashim Awang,1995). Teori ini merangkumi kepada pandangan secara menyeluruh mengenai sudut pandang terhadap perkara-perkara yang dialami dirasai oleh orang Melayu. Menurut Abdul Halim Ali (2013), tujuan teori ini dicipta bagi memastikan penelitian terhadap hasil seni yang dibuat oleh masyarakat Melayu bersesuaian dengan sudut pandang dunia Melayu.

Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Agama. Daripada dua pengkaedahan ini dipecahkan kepada beberapa pendekatan. Pada bahagian Pengkaedahan Alamiah dipecahkan kepada pendekatan firasat, pendekatan moral dan pendekatan gunaan.



FYP FTKW

Pada bahagian Pengkaedahan Keagamaan dipecahkan kepada pendekatan kemasyarakatan, pendekatan dakwah dan pendekatan seni.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa teori Pengkaedahan Melayu ini merupakan suatu teori yang menelusuri dan menyingkap mengenai estetika yang terdapat di dalam karya sastera Melayu menerusi kehalusan dan kesenian dalam berbahasa. Pengkaji telah menggunakan kedua-dua pengkaedahan bagi memastikan kajian ini menekankan setiap bahagian secara menyeluruh.




Rajah 1:Teori Pengkaedahan Melayu

### 3.5.1 Pengkaedahan Alamiah

Menurut Hashim Awang (2002), pengkaedahan alamiah diwujudkan berdasarkan gaya hidup yang menjadikan alam sebagai intipati di dalam diri dan kehidupannya. Pola kehidupanan masyarakat Melayu berpaksikan kepada pergerakan dan pengisian alam. Hal ini umpama mengabdikan diri dan kehidupan kepada alam. Alam merupakan suatu unsur yang sangat dekat dengan masyarakat Melayu. Hal ini kerana masyarakat Melayu menjadikan alam sebagai suatu panduan dan arah tuju dalam menjalani kehidupan seharian. Alam juga sangat bersangkut paut dengan penulisan masyarakat Melayu di mana banyak mengaitkan alam di dalam penulisan. Menurut Hashim Awang



FYP FTKW

(2002) alam merupakan faktor utama dalam melakukan pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebaikan. Jika ditelusuri secara mendalam, masyarakat Melayu dahulu amat percaya kepada kejadian berbentuk animisme dan semangat kerana setiap makhluk itu mempunyai penunggu atau semangat yang luar biasa.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), kepercayaan terhadap semangat dalam dunia Melayu telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu. Perkara tersebut telah memberi kesan kepada masyarakat Melayu kerana mereka sangat sensitif terhadap sekeliling mereka sama ada kejadian, persekitaran, atau peristiwa. Hal ini menyebabkan masyarakat Melayu peka akan perihal mengenai perubahan alam yang memberi maksud yang tertentu. Contohnya, semasa memasuki ke hutan, terdapat beberapa pantang larang yang harus diikuti supaya tidak terkena sebarang masalah atau bala daripada penunggu hutan seperti meminta izin sebelum membuang air kecil, tidak bercakap besar, tidak merosakkan tumbuhan sesuka hati dan sebagainya. Disebabkan itu, kepekaan terhadap alam ini mempengaruhi kepada kesusasteraan orang Melayu di mana telah menjadikan alam sebagai ilham dalam menghasilkan sebuah karya sastera yang berkualiti. Menurut Shafie Abu Bakkar (1995), beliau menyatakan alam merupakan sebuah karya agung jika dilihat pada kaca mata seni kerana ia memberi ilham kepada sasterawan untuk menulis. Pengkaedahan alamiah ini telah dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.




Rajah 2: Jenis Pengkaedahan Alamiah



FYP FTKW

3.5.1.1 Pendekatan Gunaan

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), pendekatan gunaan memperlihatkan karya sastera sebagai suaru objek alam iaitu hasil ciptaan alam. Hal ini bermaksud objek alam merupakan ciptaan Allah SWT dan karya sastera sebagai ciptaan manusia dengan izin Allah SWT. Dalam menghasilkan karya sastera, objek alam dijadikan sebagai rujukan dan panduan. Hal ini kerana objek alam ini mempunyai makna yang mendalam jika ditelusuri secara mendalam daripada kaca mata seni. Kejadian pada sesuatu alam memberikan manfaat kepada manusia dalam meneruskan kehidupan dengan lebih selesa. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan gunaan menekankan kepada kegunaan dan kebajikan sastera sama ada dari aspek isi atau bentuk yang berteraskan kebajikan dan ketatasuliaan. Dalam menghasilkan karya sastera memerlukan idea dan falsafah dalam hidup bersesuaian dengan syarat seorang pelukis. Karya sastera yang dihasilkan perlu meletakkan idea-idea yang bagus selaras dengan kehebatan karya sastera

Pendekatan gunaan juga memberikan ruang kepada pengkritik bagi menerangkan mengenai keindahan dalam penulisan karya sastera. Menurut Hashim Awang (2002), seorang pengkritik dapat melihat dan mengkaji mengenai corak dan ciri keindahan dan kerjayaan yang ditulis di dalam karya sastera. Karya perlu dilihat daripada sudut keindahan yang berfungsi untuk menentukan kepentingan dan kesesuaian dalam isi karya. Keindahan terhadap penulisan karya dapat memberikan sebuah pemahaman yang baik dalam menganalisis mengenai perincian di dalam karya sastera. Pembaca karya sastera dapat menikmati hasil penulisan yang memberikan makna kepada mereka. Penggunaan beberapa elemen alam menunjukkan permaknaan yang tinggi di dalam menganalisis nilai instrinsiknya dan ekstrinsiknya.

FYP FTKW

3.5.1.2 Pendekatan Moral

Menurut Hashim Awang (1999), kesusasteraan didasarkan pada pendekatan yang diterapkan, iaitu kesusasteraan dalam bentuk kejadian atau objek, tetapi kejadiannya berdasarkan pendekatan Moral, yang tidak lagi dalam bentuk kewujudan yang bersamaan dengan alat atau benda yang memberi penggunaan tetapi sebaliknya peristiwa yang bersifat pengalaman hidup manusia. Pendekatan moral adalah berdasarkan pendekatan yang diterapkan iaitu pendekatan gunaan. Pendekatan moral merangkumi perkara-perkara berbentuk sifat yang memberikan contoh kepada manusia. Hal ini merangkumi sifat-sifat yang baik pada diri manusia yang boleh dijadikan teladan. Contohnya, pengalaman seseorang dan maklumat berkaitan dengan manusia seperti kejiwaan, kepercayaan, kebudayaan, kemasyarakatan, kebangsaan dan persekitaran yang melibatkan kekuatan ilmu pengetahuan dan kreativiti. Perkara-perkara ini merupakan nilai yang terdapat di dalam diri manusia yang mana telah mempengaruhi kepada pembentukan jati diri manusia.

Menurut Hashim Awang (2002), beliau telah membuktikan bahawa pendekatan moral seharusnya diteroka dan ditemukan disebalik bentuk, isi dan proses penglahiran. Hal ini termasuk motif adanya pemilihan bentuk baharu dan konvesional, pengisisan manusia dan peristiwa-peristiwa serta maklumat-maklumat diri dan persekitarannya iaitu pengalaman dan kejiwaan serta matlamat pengarang dalam penciptaannya untuk menangapi sastera sebagai seni yang menyingkap dan menyumbang pengalaman serta pengetahuan. Pengalaman tersebut merupakan pengalaman yang disimpan oleh pengarah bagi ditulis di dalam karya sastera yang mempunyai pelbagai ragam atau jenis pemerian dan perlakuan serta perbuatan manusia yang dapat memperkayakan pengalaman dan menjadi cermin perbandingan kepada pembaca. Hal ini juga dapat memberikan pengetahuan kepada pembaca bagi mengenali dan memperbesarkan lagi perspektif terhadap alam yang menjadi sandaran di dalam karya sastera. Perkara ini

FYP FTKW

juga memberikan nilai tambah kepada pembaca mendalami makna sebenar realiti sesuatu perkara yang menjadi asam garam kepada penulis.

3.5.1.3 Pendekatan Firasat

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan firasat berteraskan kepada firasat di mana sastera adalah sesuatu perkara yang dapat memperkayakan pengalaman hidup dan menerusi kejadian alam semesta. Namun pengalaman hidup itu lebih mengarah kepada pengalaman penciptaan karya yang penuh dengan daya kemisterian. Pendekatan firasat merupakan satu pendekatan yang memerlukan pemahaman dari segi pandangan zahir dan batin. Seseorang perlu memiliki suatu pandangan yang mampu mentafsirkan suatu perkara yang halus supaya dapat diterjemahkan dengan tepat dan benar. Kemampuan dalam memahami perkara ini memerlukan pemahaman yang tinggi dan kemahiran dari segi pentafsiran sesuatu mimpi. Hal ini juga berkait rapat dengan pengalaman hidup seseorang yang mana ingin menzahirkan sesuatu perkara secara tersurat dan tersirat menerusi karyanya.

Menurut Hashim Awang (2002), “astera dilihat sebagai mempunyai unsur tersurat dan tersirat kerana memiliki sifat-sifat zahir dan batin. Sifat zahir atau yang tersurat menjadi penanda, atau dalam masyarakat Melayu diisytiharkan sebagai alamat, untuk mendapatkan makna yang tersirat atau makna. Penghasilan karya sastera memerlukan penulisan yang menggunakan cara penyampaian yang tidak terlalu menonjol atau menggunakan makna yang tersirat supaya pembaca dapat berfikir secara kritis mengenai makna yang ingin disampaikan oleh penulis. Perkara ini dapat menghasilkan pembaca yang berfikiran cekap dan maju sesuai dengan fungsi karya sastera. Penulisan karya sastera dapat menambahkan lagi kehebatan penulis dalam menghasilkan penulisan yang lebih baik dan berkualiti. Menurut Hashim Awang (1999), sastera pembentukan wacana yang berpelembagaan haruslah dilihat dan dikaji. Hal ini kerana sastera sangat bersesuaian dengan sifat penggubahan kesusasteraan dan cara



FYP FTKW

berbahasa masyarakat Melayu yang terkenal dengan unsur perlambangan, kiasan sindiran dan perumpamaan. Hal ini menunjukkan bahawa karya sastera dijadikan sebagai wadah dalam menyampaikan sesuatu kefahaman atau mengkritik sesuatu perkara tapi dengan menggunakan bahasa yang mempunyai ayat tersirat supaya perkara tersebut tidak terlalu menonjol dan hanya dirasai oleh golongan tertentu sahaja.

### 3.5.2 Pengkaedahan Keagamaan

Menurut Hashim Awang (1993), pendekatan keagamaan ialah pendekatan yang bersandarkan kepada keimanan dan bersendikan kepada akidah agama Islam. Sumber utama dan paling besar ialah Al-Quran dan hadis. Sumber pembentukannya bersandarkan kepada tujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan terhadapnya. Pendekatan ini menekankan kepada unsur-unsur keislaman yang mana merangkumi kepada akidah, syariat, amalan dan sebagainya. Pendekatan ini juga bersendikan kepada nilai-nilai moral yang menekankan menitikberatkan kepada unsur-unsur keagamaan yang bersandarkan kepada agama Islam. Hal ini juga akan menonjolkan lagi nilai-nilai keislaman yang harus diikuti oleh umat Islam sebagai mana yang dituntut oleh syarak. Menerusi pengkaedahan ini, penulisan yang berbentuk keagamaan dan nilai-nilai moral perlu lebih ditonjolkan supaya bentuk penulisan ini dapat dilihat dan diamati oleh semua pembaca.

Pengkaedahan keagamaan ini juga mementingkan kepada pemahaman seseorang kepada agama Islam. Penganut Islam wajib untuk menuruti dan beriman kepada rukun Islam dan rukun iman. Perkara ini menjadi asas kepada umat dalam menjalani kehidupan seharian supaya diredhai Allah SWT. Hal ini menyebabkan umat Islam mempunyai konsep kehidupan yang mementingkan kepada unsur manusiawi dan silaturahim sesama manusia seperti mana yang dituntut oleh Islam. Perkara ini memberikan tanggapan yang baik kepada umat Islam dan menonjolkan sisi yang baik kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, perkara ini juga menonjolkan lagi estetika dalam



FYP FTKW

kehidupan umat Islam. Menurut Hashim Awang (1994), pengkaedahan keagamaan ini telah dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.




Rajah 3: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

3.5.2.1 Pendekatan Dakwah

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021), pendekatan dakwah menekankan kepada aspek-aspek yang memfokuskan kepada persoalan mengenai kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah yang diaplikasikan dalam kesusasteraan Islam. Kehebatan dan keindahan yang terdapat di dalam Islam menjadikan agama ini mempunyai nilai-nilai yang mampu memberi kebaikan kepada penganutnya. Keimanan dan ketakwaan yang perlu dimiliki oleh penganut Islam memerlukan praktikaliti dalam melakukan suruhan dan ajarannya. Perkara ini juga perlu dihayati oleh umat Islam supaya nilai keislaman itu dapat diperoleh daripada hasil ketekunan dalam melakukan suruhan yang dituntut oleh Allah SWT. Penghayatan terhadap sifat-sifat Allah menjadikan iman seseorang bertambah kuat dan lebih mempercayai terhadap ketentuan oleh-Nya. Menurut Hashim Awang (2002), maksud kudus ditanggapi dengan memiliki sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah SWT serta sastera dihadikan sebagai kitab bagi panduan untuk mengenal tentang diri dan sifat Allah SWT . Hal ini bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan dan keesaan kepada Allah SWT yang suci dan besar. Perkara ini

FYP FTKW

jika ditelusuri secara mendalam menunjukkan bahawa sastera telah memainkan peranan dalam membawakan agama Islam untuk disebar dan diperluaskan menerusi penulisan-penulisan yang memerihalkan mengenai kehebatan dan keunggulan Islam daripada pelbagai sudut seperti nilai, tokoh, unsur dan sebagainya.

Menerusi pendekatan dakwah, nilai-nilai dan unsur keislaman dapat ditonjol dan diperlihatkan kepada pembaca. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan dakwah memperlihatkan persoalan mengenai kehebatan dan kemurniaan agama Islam yang menimbulkan suatu penarik yang besar dan mendalam terhadap kesucian agama Islam. Sama ada golongan Muslim atau bukan Muslim Perkara ini juga turut membantu dari segi aspek memberikan penerangan dan kefahaman secara jelas mengenai Islam yang dapat menambahkan kecintaan dan rasa sayang terhadap agaman Islam.

#### 3.5.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan kemasyarakatan merupakan pendedahan kepada persoalan yang bertujuan untk mencari kebaikan dan keadilan pada masyarakat seperti mana Islam mementingkan keadilan dan kebaikan dalam bermasyarakat. Kemasyarakatan yang dituntut di dalam Islam merupakan masyarakat yang mengamalkan sikap tolong-menolong. Kemasyarakatan tersebut berupa masyarakat yang saling tolong-menolong, rajin, prihatin dan sebagainya seperti mana yang Rasulullah s.a.w memberikan contoh dan teladan dalam hidup bermasyarakat. Dalam menjalani kehidupan bermasyarakat, pelbagai perkara-perkara penting yang perlu diambil kira bagi menjaga keharmonian dan keindahan dalam bermasyarakat antaranya memiliki sifat tolak ansur. Sifat tolak ansur ini penting supaya masyarakat tidak mudah berpecah belah bagi memastikan keharmonian dalam masyarakat. Hal ini bertempatan dengan prinsip *amar makruf nahi mungkar* yang mana masyarakat perlu memastikan dakyah jahat yang wujud di dalam masyarakat dapat dapat dibuang bagi mencapai kebahagiaan yang perlu ada di dalam dalam masyarakat.



FYP FTKW

Menurut Hashim Awang (2002), beliau mengangap bahawa sastera merupakan medium bagi mendedahkan secara jelas, berani dan benar mengenai kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, penindasan,rasuah dan segala permasalahan yang dianggap punca kepada kepincangan masyarakat dan keruntuhan keimanan umat Islam. Pendekatan kemasyarakatan merupakan wadah bagi menonjolkan keadaan sebenar yang berlaku di dalam masyarakat yang mana manusia mempunyai pelbagai ragam dan kerenah yang berlaku di dalam realiti kehidupan. Persoalan kemasyarakatan dapat dilihat daripada kaca mata Islam dan tidak digunakan sebagai bahan propaganda yang membohongi kenyataan realiti melainkan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan serta ketakwaan insan (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, pemerhatian dalam sastera mengenai kehidupan masyarakat sebenar menjadikan pembaca  lebih menghayati dan memahami mengenai rencah hidup dal bermasyarakat.

### 3.5.2.3 Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (1997), pendekatan seni digunakan bagi meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Estetika dapat dilihat pada setiap kehidupan dan bagaimana sesuatu perkara itu bergerak. Keindahan dan ketakjuban pada sesuatu benda menjadikan perkara tersebut mempunyai nilai pada individu yang berbeza. Setiap individu memandang sudut kesenian pada perkara yang berbeza. Antaranya kesenian pada hidupan, gambaran, rekabentuk dan sebagainya. Hal ini telah membawa kepada makna seni iaitu seni bermaksud sesuatu yang abstrak dan tidak tertumpu pada perkara. Oleh hal yang demikian, kesenian itu akan membawakan makna yang berbeza keda setiap individu kerana setiap orang memiliki mata seni yang berbeza. Perbezaan pandangan dalam menilai seni menjadikan citarasa dan daya mentafsir sesuatu seni itu berbeza.



FYP FTKW

Menurut Hashim Awang (1997), pendekatan seni pokok persoalan keindahan di dalam sastera itu dilihat berdasarkan karya seni keindahan yang berlandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam. Perkara tersebut tidak menyalahi nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman agama Islam.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 3.6 Kerangka Konseptual




Carta 4: Kerangka Konseptual

FYP FTKW

3.7 Penutup

Kaedah kajian yang sistematik penting bagi menjadikan kajian yang dilakukan lebih tersusun. Kaedah kajian antara elemen penting dalam melaksanakan kajian kerana akan menentukan corak kajian yang akan dilaksanakan. Kaedah kajian yang dilaksanakan perlu bertepatan dengan objektif kajian supaya dapat mengenalpasti kaedah yang sesuai dilakukan. Menerusi kaedah kajian yang betul, data-data yang diperoleh akan lebih tepat dan dapat membantu pengkaji dalam menghasilkan kajian yang mantap. Data yang diperoleh perlu dianalisis berdasarkan teori yang dipilih. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu untuk diaplikasikan di dalam kajian ini. Teori ini telah mengukuhkan lagi analisis data dan membantu dalam memberi landasan yang tepat bagi menjalankan kajian. Segala data yang diperoleh berdasarkan kepada teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

# Dapatan Kajian dan Perbincangan

## 4.1 Pengenalan

Pada bab ini, pengkaji akan menerangkan mengenai secara terperinci terhadap fenomena sosial dengan terdapat di dalam cerita rakyat Melayu. Dalam penghuraian ini, pengkaji telah mendalami teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Pengkaji juga turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu di dalam kajian ini bagi melakukan analisis dengan lebih terperinci dengan mengaitkan teori ini dengan teks yang digunakan. Melalui perkara ini, maka dapat dilakukan sebuah justifikasi yang kukuh terhadap persoalan kajian dan dapat menghasilkan sebuah dapatan kajian yang lengkap dan bernas dengan bertunjangkan Teori Pengkaedahan Melayu yang dihasilkan oleh Hashim Awang (1989).

## 4.2 Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Melayu

Fenomena sosial merupakan sebuah kajian yang dilakukan terhadap masyarakat dan tingkah laku manusia. (Rohana Yusof, 1996). Penelitian terhadap tingkah laku masyarakat dapat meramalkan petanda terhadap sesuatu perubahan dalam masyarakat. Apabila sesuatu peramalan dilakukan maka akan memudahkan pengenalpastian terhadap punca-punca terhadap sesuatu perubahan tersebut. Fenomena sosial berlaku disebabkan oleh tindakan manusia terhadap sesuatu isu. Antaranya ialah ekonomi di mana manusia akan bertindakbalas terhadap ekonomi kendiri berdasarkan kepada keadaan setempat. Contohnya, apabila berlakunya peperangan di sesuatu kawasan, masyarakat akan terkesan dan menjadikan ekonomi merundum seterusnya menjadi miskin.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kajian terhadap fenomena sosial dilakukan oleh pengkaji bagi menambahkan pengetahuan kepada pengkaji mengenai tingkah laku manusia yang boleh berubah terhadap sesuatu perkara sama ada perkara tersebut berbentuk secara alami ataupun persekitaran. Hal ini juga akan menjadikan pengkaji lebih peka terhadap persekitaran sosial. Kajian ini dapat menyoroti bagaimana manusia dapat memberi respons terhadap perubahan yang berlaku dalam kitaran sosial mereka dengan pelbagai sebab dan alasan yang tertentu. Fenomena sosial ini secara tidak langsung akan memberi gambaran mengenai perubahan manusia yang berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang dikaitkan dengan persekitaran mereka. Jika ditelusuri secara mendalam, persekitaran manusia yang semakin mencekam akan mempengaruhi sosial mereka. Antaranya peperangan, kemusnahan alam sekitar, perubahan iklim akan menyebabkan manusia terpaksa beralih kepada kehidupan yang lebih buruk daripada sebelum ini.

Hasil daripada pengamatan terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, pengkaji dapat mengenalpasti mengenai fenomena sosial yang telah dialami seperti mana yang terkandung di dalam teks dan memberikan pendedahan terhadap pengkaji mengenai bagaimana sesuatu fenomena sosial itu berlaku. Fenomena sosial yang telah diceritakan di dalam teks tersebut akan memberi gambaran yang jelas bagaimana orang Melayu telah dibentuk berdasarkan kepada persekitaran mereka yang penuh dengan adap ketimuran serta kepercayaan yang secara tidak langsung mempengaruhi masyarakat Melayu terutama golongan muda ini untuk turut mempunyai kepercayaan yang sama. Pada kajian ini, pengkaji akan memfokuskan fenomena sosial ini dengan berpaksi kepada 4 perkara iaitu unsur iaitu ekonomi, budaya, agama dan politik. Kempat-empat unsur ini akan diterangkan berdasarkan kepada fenomena sosial yang berlaku berdasarkan 49 kisah yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob



FYP FTKW

#### 4.2.1 Budaya

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan mengenai fenomena sosial dari segi budaya seperti berikut:

##### 4.2.1.1 Kepercayaan terhadap Perkara Mistik

Kepercayaan manusia terhadap sesuatu perkara terbentuk berdasarkan kepada perkara yang difahami dan dihormati oleh mereka. Diantaranya kepercayaan terhadap agama, ideologi, manusia dan sebagainya. Menurut Lewicky dan Wiethoff (2000) definisi kepercayaan ialah suatu keyakinan dan kemahuan seseorang melakukan sesuatu perkara berdasarkan terhadap kata-kata, perlakuan dan keputusan orang lain. Kepercayaan juga terbina berdasarkan terhadap perkara-perkara yang telah dialami dan memberi kesan terhadap diri sendiri. Contohnya, seseorang yang tidak mempercayai terhadap bentuk-bentuk kepercayaan agama atau disebut *atheis* disebabkan mereka hanya mempercayai terhadap perkara-perkara yang bersifat saintifik dan mempunyai fakta. Mereka tidak mempercayai perkara-perkara yang bersifat kerohanian disebakan tiada sebarang fakta saintifik atau kajian yang dilakukan bagi membenarkan perkara tersebut. Disebabkan itu, kebanyakan mereka memiliki sifat materialistik disebabkan ketiadaan sifat ketuhanan di dalam diri mereka.

Namun kepercayaan manusia boleh berubah berdasarkan terhadap kebenaran yang dilihat dan dialami. Hal ini kerana sesuatu kepercayaan yang dianuti mesti mempunyai perkara-perkara yang boleh dipersoalkan oleh diri sendiri. Namun persoalan tersebut boleh dijawab sekiranya mereka mencari jawapan terhadap sesuatu kepercayaan mereka. Contohnya, kepercayaan terhadap agama yang memerlukan pengamatan dan pembelajaran di tahap yang tinggi supaya penganut memahami mengenai agama mereka. Kepercayaan tidak harus tertumpu kepada agama semata-mata tetapi merangkumi kepercayaan kepada tuhan (Muhammad Idrus, 2006). Hal ini dilakukan dengan melakukan ibadah-ibadah yang perlu dilakukan seperti sembahyang, berpuasa dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, pemahaman yang tinggi terhadap



FYP FTKW

kepercayaan dalam agama dapat mengelakkan diri daripada seseorang berpindah-pindah agama atau melakukan sesuatu yang menyebabkan dosa yang besar di dalam beragama. Menjadi kewajipan terhadap semua penganut agama mereka hendak mentaati segala perintah dan suruhan yang telah termaktub di dalam agama mereka. Hal ini bagi menjadikan mereka menjadi seorang yang taat dan dapat meningkatkan kerohanian di dalam diri mereka. Kerohanian manusia diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang mendekatkan diri kepada agama seperti bersukan, berbuat baik kepada manusia, menghormati orang dan sebagainya. Hal-hal seperti ini akan menjadikan diri lebih tenang dan aman. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), kepercayaan kepada tuhan merupakan perasaan berserah kepada Allah S.W.T dengan sepenuh hati.

Menjadi kebiasaan kepada manusia bagi memiliki kepercayaan terhadap perkara mistik. Perkara mistik ialah perkara-perkara yang melibatkan kepada hidupan-hidupan yang tidak hidup di alam nyata. Hal ini wajib dipercayai oleh semua manusia terutamanya umat Islam kerana itu merupakan tanda akidah kepada manusia. Hal ini telah diceritakan di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Hal ini telah diceritakan di dalam kisah *Pokok Tanjung dan Alat Muzik yang Bisu* seperti petikan 1 di bawah:

> Petikan 1
> "…Setibanya di rumah ketua kampung, beliau bersetuju dengan penglibatan kumpulan Mail yang ingin menyertai pertandingan itu dan sekaligus membawa nama kampung ke kampung-kampung lain. Akan tetapi ketua kampung ada menyampaikan pesanan orang dulu-dulu. Kata ketua kampung, "Sebelum kamu dan kumpulan kamu nak ke tempat pertandingan dikir tu nanti, lamu mesti pergi kat pokok tanjung tanjung yang besar dan membuat persembahan di situ dulu. Jika kamu tak lakukan apa yang dipesankan ini nanti segala alat muzik yang kamu gunakan tak akan keluar bunyi…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 5)

Petikan 1 di atas menceritakan mengenai sekumpulan pemuda yang yang ingin memasuki pertandingan dikir barat. Sebelum mereka mengambil keputusan untuk memasuki pertandingan tersebut, mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada ketua kampung terlebih dahulu. Setelah berjumpa dengan ketua kampung, beliau bersetuju untuk membenarkan mereka memasuki pertandingan tersebut. Namun terdapat satu



FYP FTKW

syarat yang harus mereka tunaikan. Mereka hendaklah membuat persembahan di sebuah sebuah pokok tanjung di dalam kampung mereka. Ketua kampung berkata sekiranya mereka tidak melakukan perkara tersebut maka alat muzik mereka tidak akan berbunyi semasa melakukan persembahan. Mail sebagai ketua kumpulan berasa hairan dan pelik terhadap permintaan ketua kampung lantas menolak permintaan tersebut. Kesannya, alat muzik mereka benar benar tidak berbunyi semasa hari kejadian sekaligus ahli kumpulan tersebut menyesal dan meminta maaf kepada ketua kampung. Seterusnya, perkara sama dapat dilihat di dalam kisah kisah *Keajaiban Si Kera Putih* seperti di bawah:

> Petikan 2
> "…Keesokan harinya, apabila Haji Long Abdul Rahman tersedar daripada tidurnya dan dia membuka mata di heningan subuh, alangkah terkejutnya apabila kawasan semak samun dan pokok-pokok yang ditebang dan ditebasnya berada seperti sediakala iaitu seperti semalam…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 83)

Berdasarkan petikan 2 di atas, Haji Long Abdul Rahman sedang membersihkan semak samun dan menebang pokok di kawasan tersebut. Namun, perkara pelik terjadi apabila kawasan yang telah dibersihkan tersebut telah berada dalam keadaan seperti semalam. Hal ini telah mendatangkan kebingungan kepada beliau sehingga menyebabkan beliau terpaksa berjaga malam untuk melihat angkara siapa yang melakukan perkara tersebut. Beliau terlihat seekor kera putih berlegar-legar di tempat tersebut. Disebabkan itu, beliau telah bersumpah kepada beruk tersebut supaya tidak menganggu mereka lagi. Hal ini juga turut berada dalam petikan 3 di dalam kisah *Jelmaan Saka Harimau* seperti di bawah:

> Petikan 3
> "…tidak seberapa lama kemudian, Mastura mendengar seseorang memanggilnya "Mas, tidak mahu pulangkah. Hari sudah mahu malam." Suara itu menanyakannya. Setelah dia berpaling, alangkah gembiranya melihat wajah ibunya. "Ke manakah ibu pergi?" Tanya Mastura kepada ibunya. "Ah! Kamu ini ada-ada sajalah. Bukankah ibu mencuci piring di dapur tadi." Jawab Mok Joh. Hasnah dan Mastura merasa terkejut dengan jawapan Mok Joh itu namun didiamkan sahaja…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 52)



FYP FTKW

Di dalam petikan 3 menceritakan mengenai sebuah keluarga iaitu mastura, Mok joh dan Pok Din. Pada suatu hari Mastura ingin bertanyakan mengenai keberadaan ibunya yang tiada di rumah kepada jirannya. Secara tiba-tiba ibunya memanggil dia. Beliau terkejut kerana ibunya tiada di rumah. Hal ini telah mendatangkan rasa seram kepada dirinya. Mastura telah bertemu dengan Tok Guru Che Mer Tajwid mengenai hal tersebut. Alangkah terkejunya Mastura apabila mengetahui bahawa ibunya menyimpan saka Harimau. Perkara seperti ini juga turut diceritakan di dalam kisah *Disorok Jin* seperti petikan 3 di bawah:

> Petikan 4
> "…kejadian itu masih lagi menjadi misteri kepada penduduk kampung tersebut. Hal ini kerana ia adalah perkara pelik yang pernah berlaku di kampung itu. Namun, orang-orang tua terdahulu berpendapat bahawa Ahmad telah disorokkan oleh jin kerana sikapnya yang nakal itu. Ia adalah untuk memberikan pengajaran kepada masyarakat agar tidak melakukan perkara yang mampu mendatangkan marah orang lain. Sejak hari itu, Ahmad tidak lagi melakukan hal-hal yang nakal terhadap rakannya. Sebaliknya, Ahmad telah meminta maaf atas kesilapannya selama ini. Sejak hari itu, kisah ini diceritakan bagi tujuan memberi pengajaran kepada golongan muda khususnya…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 41)

Petikan 4 di atas, terdapat seorang kanak-kanak yang bernama Ahmad. Dia seorang yang sangat nakal sehingga dia suka menganggu rakan-rakannya. Pada suatu hari, dia telah menyorokkan selipar rakannya. Kemudian dia bersembunyi di balik sebuah pokok. Secara tiba-tiba Ahmad berasa mengantuk sehingga tertido di pokok tersebut. Ibu dan ayahnya yang menunggu kepulangan Ahmad berasa hairan mengapa anaknya tidak pulang sehingga lewat malam. Mereka segera mencari Ahmad dengan bantuan orang kampung. Setelah lama tidak menjumpai sebarang jejak Ahmad, timbul satu idea untuk membelah sebatang buluh yang terdapat jauh di dalam hutan. Perkara mengejutkan berlaku apabila Ahmad dijumpai berada di dalam buluh dalam keadaan lemah dan kaku. Perkara ini juga berlaku di dalam kisah *Misteri Batu Hampar* seperti petikan 5 di bawah:

FYP FTKW

Petikan 5

"…melalui penceritaan orang terdahulu, diceritakan bahawa batu hampar ini sering bergerak dari simpangan sungai ke kuala sungai Pengkalan Datu. Batu ini berwarna putih. Penampakan batu itu jelas kerana aliran air sungai yang jernih dan bersih tidak seperti sekarang keadaannya. Kanak-kanak mampu untuk bermandi-manda di sungai itu dalam keadaan suka ria tanpa perlu risau akan keadaan persekitaran. Kanak-kanak bebas melakukan aksi terjunan dan semuanya dilakukan bersama gelak tawa yang riang…"

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 37)

Berdasarkan petikan 5 di atas, diceritakan bahawa terdapat seorang kanak-kanak yang sangat nakal bernama Sepek. Dia suka mengusik rakan-rakanya sehingga tidak disukai oleh orang lain. Pada suatu hari, dia telah mandi di sebuah sungai dengan mendapatkan batu mudik. Namun, bencana telah berlaku apabila Sepek telah lemas ke dalam sungai tersebut apabila hilang keseimbangan badan. Sepek merasa kakinya telah direntap kuat semasa berenang.

Fenomena sosial yang berlaku dalam kisah ini ialah kepercayaan terhadap perkara mistik. Perkara mistik dalam masyarakat Melayu merupakan perkara yang amat rapat dan biasa hal ini kerana masyarakat Melayu amat mempercayai bahawa sesuatu perkara yang terbina mempunyai sebuah semangat yang membantunhya untuk hidup dan berkembang. Hal ini pula ditambah dengan masyarakat Melayu yang sering mengalami gangguan-gangguan mistik seperti rasuk dan histeria. Masyarakat Melayu percaya bahawa perkara ini mempunyai hubungan dengan hidupan di alam lain seperti jin dan syaitan. Daripada kisah ini, penulis ingin menyampaikan kepada pembaca bagaimana manusia akan mula mempercayai kewujudan perkara mistik setelah mereka telah merasai sendiri pengalaman tersebut. Perkara mistik merupakan suatu yang tidak mudah untuk seseorang mempercayainya disebabkan merupakan sesuatu yang tidak masuk akal. Oleh itu, manusia hendakla mempunyai pengalaman menghadapinya bagi membina kepercayaan terhadap kewujudapn perkara tersebut.



FYP FTKW

Berdasarkan kisah ini, terdapat teori Pengkaedahan Melayu yang telah diterapkan di dalam kisah ini. Pengkaedahan yang digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Gunaan. Pendekatan ini dapat dilihat berdasarkan kepada objek alam yang ditonjolkan. Kisah ini telah mengangkat mengenai kewujudan makhluk halus yang merupakan sebahagian dalam ciptaan Allah s.w.t. Sebagai manusia, kita seharusnya menghormati ciptaan Allah yang lain termasuk juga dengan makhluk halus. Hal ini kerana mereka juga mempunyai kehidupan yang tersendiri yang tidak dapat dilihat oleh manusia biasa. Sebagai seorang manusia, kita seharusnya mengikuti segala larangan yang telah diberitahu oleh orang-orang tua dahulu supaya kita tidak menganggu hidupan mereka. Antara larangan yang sering disebutkankan oleh orang-orang tua dahulu ialah menjaga perkataan semasa memasuki hutan. Hal ini kerana hutan merupakan tempat kediaman mereka. Disebabkan itu, kita perlu memiliki sifat hormat-menghormati termasuk kepada makhluk ini supaya tidak menganggu kenteteraman mereka. Oleh hal demikian, Pendekatan Gunaan ini dilihat sesuai untuk dikaitkan bagi menonjolkan lagi unsur kemelayuan di dalam cerita rakyat.

4.2.1.2 Sikap dengki dalam Masyarakat

Sifat dengki merupakan antara sifat yang wujud di dalam diri manusia. Menurut Al-Ghazali (1995), sifat dengki ialah sifat dalaman yang terdapat pada setiap individu yang menginginkan orang lain untuk kehilangan nikmat dunia atau agama individu lain. Sifat dengki yang wujud di dalam manusia terjadi apabila seseorang tidak senang melihat kebahagiaan atau kekuasaan yang dimiliki oleh orang tertentu. Hal ini akan menyebabkan sesuatu institusi atau hubungan bersama manusia akan rosak dan berpecah belah. Sifat dengki di dalam masyarakat boleh wujud disebabkan persekitaran yang boleh menekan perasaan dan jiwa individu tersebut sekiranya melihat orang lain melebihi dirinya sama ada daripada segi harta, pendidikan, darjat dan sebagainya. Sifat dengki yang berlebihan perlu dikawal oleh manusia sekiranya tidak tidak mahu



FYP FTKW

kerosakan yang lebih teruk sama ada secara nyata atau tudak. Dengki yang berlebihan akan menyebabkan fitnah yang menyebabkan mangsa fitnah tersebut menjadi marah dan merosakan hubungan yang baik dalam masyarakat.

Menurut Hamka (1990), beliau telah menerangkan dengki sebagai sebuah penyakit kritikal yang melibatkan gangguan psikologi jiwa yang meningkatkan heteogen seseorang supaya berfikir di luar batas manusia. Gangguan psikologi manusia disebabkan seseorang terlalu memikirkan terhadap perkara-perkara tertentu hingga menyebabkan wujud perasaan tidak senang hati, marah, sedih dan sebagainya sehingga berlaku satu perilaku yang bertindak balas terhadap perasaan tersebut. Tindak balas yang dilakukan itu boleh berlaku sama ada positif atau negatif bergantung kepada diri individu tersebut. Tindak balas positif yang dilakukan seperti menginginkan perkara yang sama ingin dikecapakan akan memberikan satu motivasi kepada diri supaya dapat mengecap cita-cita tersebut. Namun sekiranya tindak balan tersebut diambil secara negatif maka perilaku seperti ingin menjatuhkan seseorang dengan menabur fitnah akan dilakukan.

Hasad dengki membawa maksud mencari iktiar untuk menghilangkan nikmat pada orang lain (Mohd Azhar Abd Hamid, 2003). Sifat dengki yang wujud dalam diri manusia boleh dikawal sekiranya mereka sentiasa mendekatkan diri mereka dengan Allah s.w.t dengan melakukan suruhan yang telah ditetapkan oleh-Nya. Sifat dengki yang negatif akan membawa kemusnahan dan kerosakan bukan sahaja kepada diri tapi boleh menghancurkan sesebuah kerajaan. Oleh itu, manusia perlu melihat sesuatu kelebihan atau kehebatan seseorang itu sebagai satu motivasi kepada diri supaya dapat meningkatkan diri menjadi lebih baik.

Sifat dengki di dalam masyarakat dilihat seakan sudah sebati dalam budaya masyarakat Melayu. Sifat dengki ini juga dilihat semakin membiak dan menular di dalam masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Sifat ini seakan tiada ubat bagi disembuhkan di dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat dan dicatat oleh Mohd Firdaus Che Yaacob di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelanta*n.



FYP FTKW

Perkara ini telah diceritakan di dalam kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* seperti petikan 6 di bawah:

> Petikan 6
> "…namun, sikap waraknya itu telah menimbulkan hasad dengki seorang pemuda yang merupakan penduduk kampung itu juga. Hal ini kerana dahulunya dikatakan masyarakat kampung sangat menghormati pemuda itu. Pemuda ini bernama Abu sangat dikenali dengan sikap pemurah oleh masyarakat kampung. Namun, hal itu tidak menimbulkan sikap rendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak suka dengan tingkah laku tersebut…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 16)

Petikan di atas menceritakan mengenai seorang imam yang tinggal di Pengkalan Datu. Beliau sangat dihormati oleh masyarakat disebabkan sikapnya yang sentiasa merendah diri dan merupakan pemilik kepada sebuah masjid di sana. Beliau merupakan seorang tokoh agama dan mengajar orang-orang muda di sana mengenai ilmu keagamaan. Namun, terdapat beberapa orang yang iri hati terhadap sikap beliau iaitu Abu. Dia telah berpakat dengan seorang janda untuk perangkap imam tersebut supaya difitnah cuba melakukan maksiat terhadap beliau. Apabila rancangan mereka berjaya, imam tersebut telah dihalau daripada kampung. Namun, bencana berlaku di tempat tersebut sehingga telah menengelamkan masjid tersebut. Hal ini turut diceritakan di dalam kisah *Misteri Batu Hampar* seperti petikan 7 di bawah:

> Petikan 7
> "…Dalam keadaan kanak-kanak sedang bergembira, terdapat seorang kanak-kanak namanya Sepek. Sepek seorang budak yang nakal sifatnya sering mengacau teman-temannya membuatkan tiada sesiapa ingin berkawan dengannya akibat tingkah lakunya yang sering menyusahkan penduduk sekitar…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 37)

Berdasasarkan petikan 7 menceritakan mengenai terdapat seorang kanak-kanak yang bernama Sepek. Sepek merupakan seorang yang sangat nakal. Kenakalan yang dilakukan olehnya menyebabkan kanak-kanak lain tidak ingin berkawan dengan Sepek. Dia sering mengusik rakan-rakannya sehingga menyebabkan rasa tidak selesa wujud dalam diri mereka. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik* berdasarkan petikan 8 di bawah:



FYP FTKW

Petikan 8:

"…Raja Kelantan telah mangkat dan meninggalkan dua orang putera iaitu Putera Mamat dan Putera Ahmad. Kedua-duanya bersaing antara satu sama lain untuk memiliki takhta kerajaan pada ketika itu…"

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: )

Berdasarkan petikan 8 menceritakan mengenai Raja Kelantan yang telah mangkat. Selepas kemangkatan beliau, maka takhta perlu diturunkan kepada pewarisnya. Raja Kelantan mempunyai 2 orang putera iaitu Putera Mamat dan Putera Ahmad. Mereka terpaksa bersaing demi merebut takhta kerajaan Kelantan. Akhirnya Putera Mamat telah kalah teruk sehingga menyebabkan beliau lari ke Terengganu dan menumbuhkan kerajaan di sana.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti terdapat di dalam kisah ini ialah sifat dengki yang berlaku dalam masyarakat. Sifat dengki wujud di dalam diri manusia apabila seseorang tidak boleh melihat orang lain melebihinya daripada pelbagai perkara. Sifat ini adalah contoh yang tidak baik yang harus dibuang oleh diri manusia. Daripada kisah-kisah ini, penulis ingin menyampaikan bagaimana manusia yang telah dihormati oleh masyarakat tidak boleh melihat lain mendapat penghormatan yang lebih daripada. Perubahan sikap ini merupakan suatu perkara yang berlaku dalam diri manusia dan ia boleh dielakkan sekiranya kita bermuhasabah diri dan menjauhi sikap dengki tersebut.

Penulis telah menerapakan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu di dalam kisah ini. Pengkaedahan yang digunakan ialah Pengkaedahan alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Sifat moral yang ditunjukkan merupakan salah satu sikap yang harus dicegah oleh manusia bagi memastikan kehidupan lebih aman dan tenteram. Kehormatan yang diperoleh merupakan suatu ujian kepada manusia bagi menguji tahap keimanan manusia kepada Allah s.w.t. Kehormatan yang diperoleh oleh manusia akan menjadikan mereka lebih sombong atau merendah diri. Ujian ini yang akan menentukan tahap keimanan seseorang. Disebabkan itu, sifat dengki perlu dicegah kerana ia merupakan penyakit hati yang akan merosakkan jiwa manusia. Oleh



FYP FTKW

itu, Pendekatan Moral yang diterapkan akan menjadi kisah ini dapat dicontohi dan mengambil ikhtibar daripadanya.

4.2.1.3 Bersatu Padu dalam Masyarakat

Dalam sebuah komuniti, semangat bersatu padu perlu dipupuk dengan lebih berkesan bagi melahirkan masyarakat yang aman dan makmur. Semangat bersatu pada perlu dipupuk sejak kecil lagi. Pelbagai pihak perlu mengambil peranan dalam membentuk semangat bersatu padu terutamanya kepada generasi muda pada hari ini yang dilihat semakin terhakis sifat bersatu padu di dalam masyarakat. Hal ini berlaku disebabkan oleh gaya hidup masyarakat Malaysia yang kini dilihat lebih bersifat indualistik terutamanya di bandar. Perkara ini dapat dilihat terutamanya di kawasan-kawasan kejiranan yang berada. Mereka ini seakan tidak mempunyai sifat keprihatinan terhadap jiran-jiran mereka disebabkan kesibukan mereka dalam bekerja. Bukan itu sahaja, jurang perumahan mereka yang agak jauh dan besar menjadikan diri mereka seakan tidak ingin berhubung dengan orang luar. Perkara ini secara tidak langsung telah merebak anak-anak mereka dan menjejaskan sifat murni ini.

Oleh itu, perkara ini perlu diatasi bermula dari rumah lagi. Antara solusi bagi memupuk semangat bersatu padu dalam masyarakat ialah dengan menyertai sebarang aktiviti-aktiviti yang berbentuk sosial seperti majlis keramaian, gotong, royong, dan sebagainya. Aktiviti seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama masyarakat bagi memupuk sifat bersatu padu dan semangat kerjasama yang tinggi dalam masyarakat. Kerjama dilakukan menerusi aktiviti secara berkumpulan yang boleh dilakukan di dalam komuniti, masyarakat dan negara untuk memberi kebaikan kepada anggota masyarakat (Jumali Selamat, 2001). Masyarakat pada hari ini perlu mempunyai kesedaran terhadap perkara ini dan perlu berfikiran terbuka mengenai ini supaya tidak hidup dalam dunianya sendiri. Individu juga tidak perlu mempunyai sifat paranoid terhadap persepsi yang negatif terutamanya dalam bercampur dengan masyarakat. Kita



FYP FTKW

harus membenarkan setiap manusia untuk bergaul dengan sesiapa sahaja meskipun berlainan latar belakang dan bangsa.

Sifat bersatu padu dalam masyarakat merupakan elemen penting bagi mewujudkan perpaduan dalam masyarakat kita. Menurut Husein Ahmad (1987), perpaduan merupakan konsep yang diwujudkan bagi memberikan pengertian yang luas dari sudut ilmiah seperti sifat, ciri dan skop yang membawa ke pelbagai bidang yang lebih besar. Perpaduan yang dibawa oleh Malaysia ditunjukkan menerusi sikap saling hormat-menghormati dan bekerjasama tanpa mengira kaum. Menurut Siti Rabiatul Adawaiyah Jaffar (2013), manusia perlu memuliakan dan memberi layanan yang baik kepada orang lain, menghormati hak, keperluan asasi dan adat resam di dalam satu komuniti. Di Malaysia, kewujudan pelbagai kaum ini telah menjadikan Malaysia dipandang hormat oleh negara lain kerana dapat mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Malaysia juga amat berpegang teguh terhadap sifat bersatu padu yang dilihat menjadi tunjang utama yang penting bagi menyatukan kaum-kaum di Malaysia. Meskipun duduk dalam kalangan masyarakat yang majmuk tetapi penerapan nilai-nilai murni dapat menguatkan lagi penerapan elemen bersatu padu dalam rakyat Malaysia.

Sifat bersatu padu dalam masyarakat telah diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan tulisan Mohd Firdaus Che Yaacob di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini telah ditulis di dalam kisah *Simbolik Rebana* berdasarkan petikan 9 di bawah:

> Petikan 9
> "…ahli-ahli yang bermain rebana ini tergolong daripada golongan masyarakat sekitar yang sudah dianggap sebagai adik beradik. Masyarakat setempat akan menginap di rumah yang mengadakan majlis tanpa pulang ke rumah masing-masing. Sikap saling bantu-membantu antara masyarakat ini tidak terhenti pada suatu majlis itu sahaja, sekiranya ada anggota masyarakat lain yang ingin mengadakan majlis mereka akan bersama-sama bermuafakat tanpa mengendahkan penat lelah yang dilalui sepanjang majlis tersebut walaupun tempoh masa untuk sesebuah majlis berlangsung adalah lama…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 18)

FYP FTKW

Petikan di atas menerangkan mengenai masyarakat di Pulau Gajah hidup dalam aman dan makmur. Mereka diumpamakan seperti 'isi dan kuku' ketika seseorang memerlukan bantuan terutamanya ketika majlis keramaian. Setiap kali majlis keramaian diadakan, mereka bermain alat muzik rebana bagi memeriahkan lagi suasana majlis. Rebana ini diumpamakan seperti simbolik kesatuan masyarakat di sana kerana mereka mengangap bermain alatan muzik ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara masyarakat di kampung tersebut. Hal ini telah diceritakan di dalam kisah *Misteri Gajah Berkaki Enam* berdasarkan petikan di bawah:

> Petikan 10:
> "…Mereka hidup secara rukun tanpa sebarang permusuhan. Mereka juga saling bergantung dan memerlukan di antara satu sama lain. Masyarakat di kampung ini hidup dalam suasana yang gembira dan bersuka ria…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 48)

Berdasarkan petikan 10 mengisahkan mengenai penduduk kampung yang sering didanggu oleh seekor gajah berkaki enam. Gajah ini sering masuk ke dalam kampung mereka untuk minum di perigi yang terdapat di kampung tersebut. Hal ini telah mencemaskan penduduk kampung kerana gajah tersebut akan memusnahkan segala barang yang berada disekelilingnya. Akibat mereka mengambil keputusan untuk membunuh gajah tersebut. Setelah berjaya dibunuh, timbul perkara pelik yang berlaku dalam kampung mereka iaitu kematian dalam keadaan yang pelik.

Fenomena sosial yang dapat dikenalpasti di dalam kisah ini ialah sifat bersatu padu dalam masyarakat. Masyarakat bersatu padu ialah masyarakat yang bekerja bersama-sama di dalam melakukan apa-apa sahaja aktiviti yang berbentuk kumpulan seperti majlis kahwin, majlis berkhatan, dan sebagainya. Dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, perkara ini dididik di dalam keluarga. Hal ini kerana keluarga merupakan tunjang yang penting dalam membina karakter individu lain. Keluarga tersebut perlu turun padang membantu masyarakat di kawasan mereka yang memerlukan bantuan. Perkara ini akan memudahkan golongan muda untuk turut mempunyai sikap ringan tulang membantu orang lain. Daripada didikan daripada



FYP FTKW

keluarga akan membantu pembentukan masyarakat dengan sikap bersatu padu. Perubahan sifat ini akan membantu dalam mewujudkan masyarakat yang aman dan makmur.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Pendekatan ini dapat dilihat berdasarkan sifat bersatu padu yang berlaku di dalam masyarakat. Sifat bersatu padu ini merupakan suatu contoh yang baik untuk diamalkan dalam masyarakat. Hal ini kerana sifat bersatu padu amat penting dalam pembentukan negara yang aman dan harmoni. Amalan bersatu padu ini akan membantu mewujudkan nilai-nilai yang baik untuk dicontohi di dalam masyarakat. Malaysia yang mempunyai kepelbagaian kaum ini seharusnya mengamalkan sifat bersatu padu dalam masyarakat kerana sifat ini akan mewujudkan sebuah negara yang aman dan harmoni. Masyarakat Melayu telah dididik dengan sifat ini melalui adat tradisinya. Perkara ini perlu terus diamalkan bagi mengelakkan sikap individualistik terus menebal dalam masyarakat kita terutamanya kepada golongan muda pada hari ini. Oleh itu, Pendekatan Moral dalam kisah ini akan dapat menerapkan nilai murni dalam masyarakat kini.

#### 4.2.1.4 Kepercayaan kepada Perubatan Tradisional

Perubatan merupakan sektor yang sangat penting di seluruh dunia. Sebuah negara akan menjadi tempang sekiranya perubatan tidak dapat digunakan dengan lebih maksimum. Perubatan telah muncul sejak dahulu lagi. Ilmu perubatan ini wujud di semua negara dengan pendekatan yang berbeza. Sebelum wujud perubatan moden, masyarakat di dunia pada zaman dahulu banyak menggunakan teknik perubatan tradisional. Teknik perubatan tradisional mempunyai pelbagai cara dan kaedah yang digunakan berdasarkan tempat-tempat tertentu. Terdapat beberapa tempat yang menggunakan alam semulajadi seperti herba, daun, minyak dan sebagainya untuk dijadikan ubat-



FYP FTKW

ubatan kepada masyarakat. Ada juga beberapa tempat yang menggunakan unsur-unsur sihir dan mistik bagi melakukakan perubatan terutamanya perubatan yang melibatan sawan, rasuk, gangguan makhluk halus dan sebagainya.

Dalam bidang perubatan yang menggunakan alam semulajadi, bahan-bahan yang digunakan untuk perubatan ini biasanya mudah dijumpa. Menurut Noor Eshah Tom Abdul Wahab dan Wan Aminah Haji Hasbullah (2010), masyarakat kuno banyak bergantung kepada tumbuhan herba disebabkan rantau ini kaya dengan alam semulajadi yang menyebabkan mereka dapat mengubati penyakit-penyakit yang wujud ketika itu. Mereka juga dapat menemui pelbagai ubatan-ubatan yang hanya menggunakan tumbuhan di sekitar kawasan perumahan sahaja.

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan kedua-dua kaedah ini untuk menyembuhkan penyakit-penyakit yang dialami oleh pesakit. Penyakit ini pula terbahagi kepada dua iaitu penyakit yang nyata dan penyakit yang tidak nyata. Penyakit nyata ini merupakan penyakit yang boleh dilihat dan mempunyai rawatan dengan menggunakan bahan-bahan tertentu. Manakala penyakit tidak nyata merupakan penyakit yang melibatkan gangguan daripada makhluk halus atau penyakit yang tidak mempunyai kaedah sembuhan daripada bahan-bahan tertentu. Hal ini menyebabkan wujud pelbagai perawat-perawat yang pelbagai dan mempunyai panggilan tertentu berdasarkan cara rawatan yang ditawarkan. Menurut Noor Azlan Mohd Noor (1992), individu yang berkemampuan dalam ilmu perubatan disebut sebagai bomoh, dukun, pawang atau bidan yang setiap daripada mereka mempunyai kemampuan untuk berhubung dengan alam ghaib semasa melakukan perubatan. Masing-masing mempunyai keilmuan yang tersendiri bagi menyembuhkan penyakit. Menurut Dwiloka (2005) manusia yang mempunyai ilme pengetahuan mempunyai kehendak untuk mengembangkan ilmunya demi kesejahteraan sejagat.

Kepercayaan kepada perubatan tradisional merupakan kebiasaan kepada masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di*



FYP FTKW

*Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Perkara ini ditulis di dalam kisah *Kehebatan Bomoh Siam* seperti petikan 11 di bawah:

> Petikan 11
> "…suatu masa dahulu terdapat seorang bomoh Siam yang sangat terkenal dalam ilmu perubatan dan merawat pesakit yang mengalami penyakit pelik. Kehebatannya dalam merawat pesakit melalui kaedah nadi iaitu mengetahui getaran penyakit yang dialami oleh pesakit. Melalui tekanan pada bahagian nadi, bomoh Siam ini dapat menyembuhkan penyakit dalam sekelip mata. Pesakit-pesakit yang pernah datang berubat dengan bomoh Siam ini akan sembuh selepas pulang dari rumahnya…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 40)

Berdasarkan petikan di atas, terdapat kewujudan golongan bomoh Siam yang berupaya untuk menyembuhkan penyakit-penyakit yang dialami oleh masyarakat di suatu kampung. Mereka mahir dalam ilmu perubatan dan menyembuhkan penyakit pelik. Khidmat bomoh tersebut amat diperlukan oleh masyarakat ketika mereka berada dalam sakit. Sepasang suami isteri telah datang kepada bomoh Siam tersebut kerana penyakit yang dialami oleh isterinya masih belum dapat disembuhkan walaupun telah bertemu bermacam-macam bomoh. Mereka telah menjalani rawatan dengan bomoh tersebut walaupun mengambil masa yang lama. Penyakit yang dialami oleh si isteri tersebut ialah akan ketawa secara tiba-tiba tanpa diketahui puncanya. Akhirnya penyakit tersebut dapat disembuhkan oleh bomoh Siam tersebut. Suaminya berasa bersyukur atas kesembuhan isterinya dan telah memberikan sumbangan kepada masjid sebagai tanda syukur atas kesembuhan isterinya. Perkara sama turut diceritaklan di dalam kisah *Mok Su Nab Ular* berdasarkan petikan 12 di bawah:

> Petikan 12
> "…alkisah dalam sebuah kampung terdapat seorang perempuan yang bernama Mok Su Nab. Beliau merupakan seorang yang sangat dikenali oleh masyarakat setempat dan luar. Hal ini kerana, pada waktu itu beliau satu-satunya bomoh yang boleh mengubati orang yang telah dipatuk semua jenis bisa ular. Beliau bersahabat baik dengan Aminah yang juga penduduk kampung itu…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 70)

Berdasarkan petikan 12 menceritakan mengenai Mok Su Nab  yang sangat dikenali orang orang kampung dan orang luar disebabkan kemampuan beliau untuk menyembuhkan penyakit selepas dipatuk oleh ular. Kebolehan ini hanya terdapat pada



FYP FTKW

Mok Su Nab sahaja di dalam keluarga disebabkan mempunyai batu geliga ular untuk merawat penyakit berbisa itu. Pada suatu hari, anak Senah telah dipatuk ular dan telah berjumpa dengan Mok Su Nap untuk diberi rawatan Anak Senah berjaya disembuhkan dan semakin banyak orang mula merawat dipatuk ular dengan beliau. Hal ini juga diceritakan di dalam kisah *Kehebatan Pawang Ali* berdasarkan petikan 13 di bawah:

> Petikan 13
> "…alkisah menceritakan ada sebuah kampung diberi nama Kampung Nilam Baru. Dahulunya kampung ini lebih dikenali sebagai Kampung Pupuk oleh masyarakat setempat. Suatu masa dahulu dalam kampung ini ada seorang lelaki yang telah dimamah usia. Lelaki ini merupakan seorang pawang yang hebat dari segi ilmu dan kebijaksanaannya. Kampung Pupuk sangat menghormati lelaki ini. Pawang ini dikenali sebagai Pawang Ali oleh orang kampung…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 67)

Berdasarkan petikan 13 menceritakan mengenai Pawang Ali yang mempunyai kemempuan untuk mengubati orang sama ada penyakit yang nyata dan halus. Pada suatu hari kedengaran bunyi jeritan di dalam suatu kampung. Hal ini telah mendatangkan rasa takut kepada masyarakat. Maka penduduk kampung mencari punca jeritan itu berlaku. Maka mereka menjumpai 2 orang pemuda iaitu Karim dan Abu yang berada dalam keadaan Ketakutan. Ketua kampung telah memanggil Pawang Ali untuk memulihkan mereka berdua.

Fenomena sosial yang dapat dikenalpasti di dalam kisah ini ialah kepercayaan kepada perubatan tradisional. Perubatan tradisional yang di gunakan oleh masyarakat Melayu tidak hanya  bergantung kepada bahan-bahan alam semulajadi semata-mata tetapi juga menggunakan ilmu perubatan untuk mengubati penyakit-penyakit mistik. Ilmu-ilmu perubatan ini sangat penting bagi memastikan segala penyakit dapat disembuhkan sama ada dari segi zahir dan batin. Penggunaan panggilan bomoh pada zaman dahulu amat sinonim dengan fungsi mereka untuk menyembuhkan penyakit yang berbentuk mistik. Bomoh biasa mempunyai bacaan jampi serapah bagi menyembuhkan penyakit-penyakit mistik. Namun, bomoh pada masa kini sering digambarkan sebagai orang.



FYP FTKW

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Keagamaan yang memfokuskan kepada Pendekatan Kemasyarakatan. Pendekatan ini dapat dilihat berdasarkan bagaimana perubatan tradisional amat diperlukan di dalam masyarakat. Masyarakat memerlukan insan-insan yang mempunyai ilmu perubatan dan mampu untuk untuk merawat pesakit-pesakit dengan pelbagai jenis penyakit. Perkara tersebut merupakan sebuah fardhu ain dalam masyarakat kerana kepentingan perubatan dalam perubatan. Ketiadaan ilmu perubatan pada salah salah seorang dalam masyarakat akan menyebabkan banyak kematian. Oleh sebab itu, masyarakat harus didedahkan dengan pelbagai ilmu supaya mereka dapat berbakti kepada masyarakat dengan ilmu yang dimiliki. Pendekatan Masyarakat ini dilihat akan memberi kebaikan dalam menyemai nilai-nilai murni.

4.2.1.5 Masyarakat yang Ramah Mesra

Ramah mesra menurut Hashim Awang (2002) bermaksud suasana masyarakat yang bersifat mesra yang dapat diwujudkan oleh manusia. Sifat ramah mesra ini merupakan yang sangat sinonim dengan masyarakat Melayu. Sejak dahulu lagi, masyarakat Melayu sangat selesa untuk beramah mesra bersama orang lain terutamanya orang luar. Menurut Mahathir Mohamad (1970), masyarakat Melayu suka melayani orang sekeliling mereka dengan sebuah ikatan perhubungan yang baik. Hal ini berlaku disebabkan oleh masyarakat Melayu mengamalkan aktiviti-aktiviti yang bersifat sosial seperti gotong-royong, ziarah menziarahi, dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti seperti ini dilihat mampu untuk membentuk seseorang supaya memiliki sifat ramah mesra dalam diri mereka. Hal ini secara tidak langsung akan membantu masyarakat Melayu supaya menjadi lebih berani untuk berkomunikasi dengan orang baru terutamanya orang asing. Masyarakat Melayu suka untuk beramah mesra bagi mengeratkan hubungan silaturrahim tanpa mengira taraf dan pangkat (Jeannot Abdul Karim dan Khairul Anuar Reza, 2012)



FYP FTKW

Negara yang mempunyai masyarakat yang mesra dapat membantu dalam menjayakan ekonomi negara dari segi pelancongan. Perkara ini juga turut terjadi di Malaysia yang memiliki rakyat yang ramah. Perkara ini merupakan salah satu perkara yang baik terutamanya kepada kemakmuran negara. Hal ini kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan suku etnik. Walaupun begitu, Malaysia masih dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian yang stabil. Dalam membina sifat ramah dalam kalangan rakyat Malaysia, perkara utama yang perlu diamalkan ialah saling hormat-menghormati dan bertolak ansur. Menerusi amalan ini, sesebuah negara dapat hidup dengan aman tanpa perlu melalui pelbagai persengketaan yang boleh merosakkan keharmonian negara. Masyarakat di Malaysia bukan sahaja terkenal dengan ramahnya dengan orang luar tetapi juga terkenal dengan penguasaan bahasa Inggeris yang baik yang membantu pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia. Melalui pengguasaan bahasa Inggeris yang baik, maka pelancong tidak mempunyai masalah komunikasi sekiranya mereka datang ke melancong di Malaysia. Rakyat Malaysia juga berasa gembira sekiranya mereka dapat membantu pelancong dan orang luar yang datang ke Malaysia.

Sifat ramah mesra dalam masyarakat dalam mengekalkan keharmonian dalam sebuah komuniti. Perkara ini telah ditunjukkan di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob. Hal ini dikisahkan di dalam kisah *Lipat Sanggul Penempatan Residen British* seperti petikan 14 di bawah:

> Petikan 14
> "…biarpun peperangan telah tamat, namun masih ada sebilangan masyarakat British yang masih menetap di kawasan jajahan mereka seperti yang terjadi di Kampung Lipat Sanggul. Terdapat seorang warga British yang masih menetap di kampung tersebut biarpun perang telah tamat. Walaupun Howard Foster Biles merupakan warga British, penduduk Kampung Lipat Sanggul menerima dengan hati terbuka. Howard memiliki sebuah rumah agak besar bagi seorang bekas residen British…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 35)

FYP FTKW

Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa warga British yang masih lagi tinggal di Kampung Lipat Sanggul selapas perang. Walaupun perang sudah lama tamat, namun penduduk di kampung tersebut masih menerima mereka untuk tinggal di kampung mereka dengan hati terbuka walapun mereka mempunyai menjajah di tempat mereka buat seketika.Warga British tersebut hidup dengan aman dan makmur dan mempunyai tempat tinggal yang selesa. Warga British tersebut memiliki sikap yang baik dan fasih berbahasa Melayu. Warga British yang bernama Howard Foster itu pernah membantu seorang warga kampung yang sarat mengandung untuk dibawa ke hospital. Sikap beliau tersebut amat disenangi oleh penduduk kampung. Akhirnya, beliau pulang ke kampung halamannya di British kembali ke pangkuan keluarga. Perkara sama turut diceitakan di dalam kisah *Nurani Che Him Dalam Masyarakat* berdasarkan petikan 15 di bawah:

> Petikan 15
> "…saudagar Cina itu telah menubuhkan sebuah perniagaan kerana dirasakan menjadi seorang petani bukanlah sesuatu yang diminatinya. Perniagaan yang dijalani itu semakin hari semakin mendapat perhatian penduduk sekitarnya…"
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 71)

Berdasarkan petikan 15 menceritalkan mengenai seorang saudagar Cina yang telah menetap di Pengkalan Datu sejak sekian lama. Beliau telah menjalani kehidupan sebagai petani pada mulanya kemudian berniaga. Beliau telah menetap di situ dengan begitu lama sehingga penduduk di sana memanggil beliau dengan nama Che Him. Beliau juga telah mengamalkan gaya hidup masyarakat Melayu. Apabila ada majlis keraian atau kematian, beliau tidak segan membantu dan memberi bantuan. Hal ini juga diceritakan di dalam kisah *Asal Usul Wakaf* Aik berdasarkan petikan 16 di bawah:

> Petikan 16
> "…sikap toleransi yang dibawanya itu telah memperlihatkan keperibadian yang mulia dalam dirinya. Sikap beliau dalam pergaulan sesama masyarakat telah mewujudkan keakraban sesama mereka. Hubungan masyarakat Melayu dan beliau diibaratkan sebagai hubungan adik-beradik. Apa sahaja permasalahan yang melanda masyarakat akan dibantu jika terdaya untuk membantu. Sikap beliau yang tidak mengira keringat yang dikeluarkan itu telah membuatkan hubungan mereka semakin bertambah baik…"
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 3)



FYP FTKW

Berdasarkan petikan 16 menceritakan mengenai asal usul kewujudan wakaf Aik yang telah dicetuskan oleh seorang tokoh Cina yang bernama Pak Cu Abu. Beliau hidup sehingga umur 150 tahun. Beliau mempunyai sikap yang baik dengan masyarakat Melayu di situ. Bliau tidak suka akan pergaduhan kerana ia merupakan sial bagi masyarakat Cina. Pak Cu Abu sering menyertai masyarakat dalam apa sahaja aktiviti yang dijalankan di kampung mereka.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah masyarakat yang ramah mesra. Masyarakat Melayu amat terkenal dengan sikap yang ramah mesra. Sikap ini amat disenangi oleh orang lain termasuk orang dari luar negara. Sikap ramah mesra ini membantu dalam keharmonian dalam suatu masyarakat. Hal ini kerana mereka yang mempunyai sifat ramah mesra memiliki sikap peka terhadap keadaan sekeliling yang membantu dalam mengenalpasti setiap orang yang berada di sekelilingnya. Sifat ramah mesra terhadap masyarakat akan menjadikan seseorang itu mudah untuk dikenali dan disenangi oleh orang lain. Pembentukan sikap ramah mesra ini perlu dipupuk supaya mudah untuk seseorang itu berkomunikasi dengan baik. Sikap ramah mesra ini juga dipupuk melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan majlis keramaian seperti yang diamalkan oleh masyarakat Melayu supaya tidak bersikap pasif dalam sebuah komuniti.

Dalam kisah ini, penulis telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Keagamaan yang memfokuskan kepada Pendekatan Kemasyarakatan. Pendekatan ini dapat melalui kisah kisah di atas yang menekankan terhadap sikap masyarakat yang ramah. Perkara ini sangat dituntut di dalam agama Islam iatu menyuruh umat Islam untuk berlaku baik terhadap semua orang termasuk kepada bekas musuh. Hal ini telah diamalkan di dalam masyarakat dan perkara ini mereka salah satu sikap yang harus dipuji. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan tanggapan yang baik kepada orang luar dan membuatkan mereka berasa kagum terhadap sikap masyarakat Melayu yang ditunjukkan kepada mereka.



FYP FTKW

4.2.1.6 Mempunyai Hubungan dengan Alam Ghaib

Perkara ghaib ialah sesuatu yang tidak dapat dicapai oleh manusia secara zahir. Manusia mempunyai keterbatasan dalam mencapai sesuatu perkara. Perkara ghaib ini ialah sesuatu yang tidak boleh difikirkan secar saintifik dan manusia mempercayainya disebabkan oleh kepercayaan atau kewujudannya. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kepada kepercayaan manusia terhadap hantu yang semakin menular pada hal ini. Hal ini disebabkan banyak pendedahan yang telah dilakukan oleh beberapa bagi merungkai kewujudan entiti ini. Banyak platfom yang digunakan oleh pemberi kandungan ini untuk menunjukkan mengenai kewujudan hantu ini. Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, setiap negara mempunyai hantu yang tersendiri mengikut kepada budaya masyarakat tersebut. Contohnya, seluruh pelusuk Nusantara sering dijuluki dengan hantu ‘pontianak’ manakala di negara Barat dikuluki dengan hantu *Frankenstein*.

Hantu atau jin merupakan suatu kesamaan bagi umat Islam. Hal ini kerana jin akan berubah menjadi sosok yang menakutkan bagi menganggu ketenteraman hidup manusia. Menurut Al-Ashqar (1984) jin merupakan makhluk yang tergolong dalam kategori makhluk ghaib makhluk jin itu dinamakan sedemikian kerana sifat yang ghaib atau terselindungnya susuk makhluk ini daripada pandangan manusia. Jin ini tidak dapat dilihat oleh manusia dengan sembarangan. Hal ini kerana susuk tubuh jin ini dikatakan tidak dapat diterima oleh semua manusia dan menakutkan. Menurut al-Maydani (1966) bahawa jin merupakan makhluk yang mempunyai tabii dan hakikat diri serta perwatakan yang berbeza dengan makhluk lain. Disebabkan itu, hanya manusia-manusia yang telah dipilih Allah sahaja yang mampu untuk melihat jin ini kerana hijab mata mereka telah dibuka bagi melihat jin. Pada masa kini, manusia dilihat seakan berlumba-lumba untuk melihat jin ini disebabkan ini menunjukkan keberanian kepada masyarakat. Perkara ini adalah dilarang dalam Islam kerana perkara tersebut merupakan satu perkara yang tidak baik untuk dilakukan. Manusia seharusnya menghormati setiap kehidupan di dunia ini termasuk alam ghaib bagi mewujudkan keharmonian di suatu tempat. Apabila perkara



FYP FTKW

ini dilakukan maka tidak akan ada gangguan yang akan menyebabkan masalah pada suatu tempat seperti gangguan.

Dalam Islam, kepercayaan kepada perkara ghaib ini adalah wajib dan orang yang tidak mempercayai perkara ghaib dianggap tidak sempurna imannya. Menurut Ayyub (1971), kepentingan akidah dalam kehidupan seharian seorang Muslim umpama batang yang subur kepada sepohon pokok. Perkara ghaib di dalam Islam bukan hanya bersandar kepada hantu dan jin sahaja. Perkara ghaib di dalam Islam merangkumi dosa, pahala, syurga, neraka dan sebagainya. Perkara ini merupakan kepercayaan yang wajib dipercayai oleh umat Islam. Umat Islam yang mempercayai perkara ghaib ini akan menjadi diri mereka lebih kuat imannya dan dapat menguatkan akidahnya.

Masyarakat Melayu sangat terkenal dengan perhubungan dengan alam ghaib. Hal ini dapaat dilihat di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Perkara telah diceritakan di dalam kisah *Bidan Tok Haji Esah* berdasarkan petikan 17 di bawah:

> Petikan 17
> "…alkisah telah menceritakan tentang seorang bidan kamoung yang dahulu kala wujud di Kampung Babong suatu masa dahulu. Bidan ini bernama Tok Haji Esah seorang yang ramah dengan masyarakat sekitar. Orangnya telah tua, wajahnya juga telah dimamah usia. Namun begitu, beliau masih mampu untuk bergaul dengan masyarakat lainnya. Menurut cerita, Tok Haji Esah ini mempunyai "benda" sebagai pendampingnya. Oleh sebab itu, masih ramai yang meminta pertolongan daripadanya kerana kecekapannya…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 65)

Petikan di atas menceritakan mengenai seorang bidan yang bernama Tok Haji Esah tinggal di Kampung Babong. Beliau sangat dihormati oleh masyarakat di sana disebabkan oleh sikap ramahnya dan bantuan yang telah dilakukan olehnya. Walaupun beliau kelihatan sudah dimamah usia namun beliau tetap kelihatan sihat dan cergas. Terdapat ura-ura yang mengatakan bahawa beliau mempunyai pendamping yang menjadikannya sentiasa sihat sejahtera. Selain membantu masyarakat kampung dalam hal bidan, beliau juga handal dalam mengubati penyakit yang disebabkan oleh makhluk ghaib. Beliau menggunakan jampi-jampi serapah bagi membantunya dalam melakukan



FYP FTKW

rawatan terhadap pesakit-pesakit yang diganggu makhluk halus. Beliau sering membantu orang-orang kampung memberi pinjam pingan mangkuk untuk digunakan ketika kenduri. Disebabkan perkara-perkara tersebut, penduduk Kampung Babong sangat menyukai Tok Haji Esah. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Tok Perindu* berdasarkan petikan 18 di bawah:

> Petikan 18
> "…masyarakat dahulu percaya bahawa tanjung ini mempunyai penunggu atau 'tuan penjaga' dan tempat tinggalnya adalah di dalam rumpun-rumpun buluh perindu. Nama Tok Perindu berasal daripada penghuni ghaib yang menetap di dalam rumpun buluh itu. Apabila buluh-buluh ini ditiup angina, batangnya bergeser antara satu sama lain dan mengeluarkan satu suara yang merdu. Suara ini sangat mengasyikkan apabila mendengarnya…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 57)

Berdasarkan petikan 18 menceritakan mengenai kisah-kisah mistik yang wujud di sebalik bulu perindu yang menghasilkan bunyi yang sangat merdu. Antaranya kisah burung yang melalui kawasan buluh tersebut telah mati akibat mendengar bunyi merdu daripada buluh tersebut sehingga tidak makan dan minum. Selain itu kisah tentera bergajah Siam yang juga mati akibat mendengarkan bunyi merdu dari buluh perindu tersebut. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Jelmaan Mok Kurus* berdasarkan petikan 19 di bawah

> Petikan 19
> "…setelah seminggu kematian Mok kurus, ada penduduk kampung mengadu sering diganggu oleh seorang perempuan yang menyerupai Mok Kurus ketika melalui jalan rumah sewa Mok Kurus Terdapat juga yang menyatakan diganggu ketika pergi ke sekolah pada pukul 6 pagi. Terdapat penduduk yang mendakwa mendengar hentakan setempat di bumbung rumah mereka dan suara yang menakutkan sering mengganggu mereka. Diceritakan oleh penduduk gangguan itu masih berlaku sehingga sekarang. Oleh itu, orang-orang tua di Kampung Telipot berpesan kepada anak-anak muda agar tidak merayau pada waktu malam kerana bimbang diganggu oleh jelmaan Mok Kurus itu…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 51)

Berdasarkan petikan 19 mengisahkan mengenai Mok Kurus. Sebelum kematiannya, beliau telah jatu secara tiba-tiba di kawasan rummah sewanya. Ketua rumah sewa tersebut ternampak Mok Kurus tersebut lalu merawatnya. Tidak lama



FYP FTKW

kemudian Mok Kurus meninggal. Namun sesuatu terjadi apabila  penduduk kampung sering diganggu oleh jelmaan halus yang menyerupai Mok Kurus.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah mempunyai hubungan dengan alam ghaib. Alam ghaib merupakan suatu perkara yang tidak boleh dilihat dan dipandang oleh manusia. Manusia tidak mampu untuk mencapai kemahiran dalam melihat alam ghaib walau dengan teknologi yang canggih. Manusia pada zaman dahulu mempunyai kepercayaan dan kebergantungan terhadap perkara-perkara ghaib ini disebabkan oleh pekerjaan, perubatan, kecantikan dan sebagainya. Perkara tersebut akan memudahkan sesuatu urusan dalam mengerjakan sesuatu bidang yang mereka lakukan. Contohnya, pekebun menggunakan jin yang dimiliki mereka untuk menjaga ladang-ladang mereka daripada dicerobohi oleh penceroboh supaya mereka tidak mengalami kerugian. Maka, kebergantungan terhadap alam ghaib bukan semata-semata untuk kepentingan diri tetapi memiliki fungsi tertentu bagi menjaga maslahat sesuatu perkara.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Gunaan. Pendekatan ini dapat dilihat kisah-kisah di atas yang menceritakan mengenai kebergantungan kepada alam ghaib.. Perkara tersebut dilihat sebagai sesuatu yang memberi memberi manfaat kepada pemilik makhluk-makhluk halus. Seseorang yang memiliki makhluk halus sebagai pendampingnya mempunyai tujuan-tujuan tertentu bagi memudahkan pekerjaaan mereka. Hal ini merupakan perkara yang sinonim berlaku di dalam masyarakat melayu kerana memiliki makhluk halus sebagai pendamping akan memudahkan urusan mereka untuk mencapai keinginan mereka. Namun perkara tersebut mempunyai keburukan yang akan menganggu keturunan mereka sekiranya tidak diurus denga baik. Maka, Pendekatan Gunaan ini memberi contoh yang baik kepada pembaca bagi menganalisis kebaikan dan keburukan terhadap alam ghaib.



FYP FTKW

#### 4.2.1.7 Kepercayaan terhadap Perkara Khurafat

Perkara khurafat merupakan perkara yang dilarang di dalam Islam. Khurafat ialah cerita-cerita yang mempersonakan tetapi dicampur-aduk dengan perkara dusta (Ibrahim Mustafa, 1972), khurafat merupakan perkara yang bertentangan dengan agama Islam kerana perkara tersebut diumpamakan dengan menduakan Allah s.w.t kerana mereka meminta pertolongan daripada makhluk lain bergantung harap kepada makhluk lain selain daripada-Nya. Menurut *Al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah* (2012), khurafat ialah cerita yang dusta. Perkara ini menyebabkan seseorang mendapat dosa yang besar dan boleh terkeluar daripada Islam. Hal ini merupakan perkara yang perlu dipandang serius oleh masyarakat terutamanya oleh umat Islam. Pelbagai usaha telah dilakukan terutamanya oleh kerajaan bagi mengatasi perkara khurafat ini daripada menguasai masyarakat. Antaranya ialah menyekat atau membuat fatwa terhadap perkara-perkara yang berbentuk khurafat. Perkara ini secara tidak langsung akan memberikan amaran kepada masyarakat mengenai aktiviti-aktiviti khurafat yang masih diamalkan masih wujud atau tidak.

Terdapat pelbagai upacara cara khurafat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu bagi memanggil semangat atau berhubung dengan alam ghaib. Menurut Noor Azlan Mohd Noor (1992), terdapat beberapa upacara yang dilakukan bagi berkomunikasi dengan alam ghaib antaranya upacara menyembah pantai dan memberi makan hantu. Perkara-perkara khurafat ini dikatakan masih lagi diamalkan di beberapa tempat sehingga ke hari ini. Antaranya acara membuka panggung bagi melakukan beberapa persembahan tradisional. Hal ini telah menunjukkan ketidakbergantungan seseorang kepada Allah s.w.t yang memiliki kekuasaan terhadap sesuatu perkara. Sebagai umat Islam, kita seharusnya kepada Allah s.w.t dan percaya terhadap kekuasaannya.



FYP FTKW

Kepelbagaian perkara khurafat yang diamalkan bermula sejak dahulu lagi. Sebelum kemunculan agama, manusia telah berpegang kepada kepercayaan animisme atau mempercayai kepada alam sahaja.Namun sejak muncul agama di dunia, secara perlahan-lahan fahaman animisme itu telah terhapus dan berpegang kepada kepercayaan agama. Hal ini turut terjadi kepada masyarakat Melayu yang pada asal berpegang kepada kepercayaan animisme. Namun, bukan semua amalan dapat dihapuskan disebabkan kepercayaan terhadap alam itu masih kuat diamalkan terutamanya oleh golongan tua.

Kepercayaan khurafat dalam masyarakat Melayu masih sukar untuk dihapuskan. Perkara ini dapat dilihat di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini diceritakan di dalam kisah *Pemujaan Pantai* seperti petikan 20 di bawah:

> Petikan 20
> "…mengikut orang pada zaman dahulu, sesiapa yang hendak turun ke laut mestilah mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan. Jikalau tidak mahu mengikutinya bala menimpa mereka kerana pernah terjadi dahulu apabila sekumpulan nelayan turun ke laut dan ditimpa bala. Daud terus bertanya kepada Tok Kelahi apakah syarat yang mereka perlu sebelum turun ke laut. Kata Tok Kelahi, "Selepas musim tekujuh, sebelum kamu kamu ingin turun ke laut, kamu mestilah menyembelih seekor kerbau putih. Setiap bahagian kerbau pula akan diletakkan di dalam sampan dan dihanyutkan ke laut untuk diberikan kepada penunggu laut…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 43)

Berdasarkan petikan di atas, telah diceritakan mengenai 4 orang pemuda yang berjiwa kental iaitu Udi, Sofi, Daud, dan Pak Man. Mereka merupakan nelayan dan akan turun ke laut selepas habis musim terkujuh. Mereka berempat sering mengikut Pak Man turun ke laut untuk menangkap ikan. Namun, mereka telah diberi nasihat oleh seorang bomoh mengenai pantang larang yang harus mereka turuti sebelum turun ke laut. Katanya, mereka perlu menyembelih seekor kerbau putih dan memotong kepada tujuh bahagian. Mereka perlu meletakkan daging kerbau tersebut ke dalam layar dan menghanyutkan di laut. Hal ini demikian kerana bagi memberi keberkatan dan perlindungan kepada mereka semasa berada di laut. Perkara tersebut perlu dilakukan



FYP FTKW

selama 7 hari. Selepas mereka selesai melakukan perkara tersebut, mereka akhirnya pulang dari laut dengan selamat dan memperoleh hasil yang lumayan. Sejak itu, orang ramai mula melakukan ritual berkenaan sebelum mereka turun ke laut. Hal ini turut diceritakan di dalam kisah *Berpuakakah Pengkalan Parit?* berdasarkan petikan 21 di bawah:

> Petikan 21
> "…hikayat menceritakan bahawa dahulu Pengkalan Parit merupakan sebuah tempat yang terkenal. Pengkalan ini dikenali sebagai sebuah tempat berpuaka kerana kehidupan masyarakatnya yang banyak mengamalkan kepercayaan dan permainan bagi memuja kedatangan alam ghaib…"
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 54)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai Pengkalan Parit yang dahulunya merupakan terkenal sebagai tempat yang berpuaka disebabkan masyarakat banyak melakukan aktiviti memanggil dan memuja kedatangan alam ghaib. Di sana pelbagai aktiviti dilakukan seperti makyung, permainan teri, menghantar bala, tempat orang berjamu dan sebagainya.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah mempunyai hubungan dengan perkara khurafat. Hal ini dapat dilihat apabila orang ramai mula melakukan ritual untuk menyembelih kerbau putih dan menghanyutkan setiap bahagian lembu tersebut ke laut bagi mendapat perlindungan dan menarik rezeki ketika mereka turun ke laut. Hal ini merupakan sebuah perkara khurafat dan sangat bertentangan dengan agama islam. Orang Islam amat ditegah melakukan perkara-perkara yang menduakan Allah s.w.t dan melanggar syariat Islam. Umat Islam seharusnya percaya bahawa rezeki, ajal dan maut telah ditentukan oleh Allah s.w.t dan tiada sesiapa yang akan terlepas daripadanya. Manusia hanya mampu berikhtiar dengan memperbanyakkan doa dan berusaha. Manusia tidak seharusnya berpegang kepada kuasa lain melainkan Allah s.w.t kerana Allah maha berkuasa terhadap sesuatu. perkara.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Pendekatan ini dapat dilihat pada perkara khurafat yang



FYP FTKW

terdapat di dalam kisah-kisah tersebut. Perkara khurafat merupakan suatu aktiviti yang akan menjatuhkan akidah umat Islam dan menjauhkan diri mereka daripada ajaran Islam yang benar. Sekiranya amalan khurafat terus diamalkan di dalam masyarakat, maka akan lahir golongan yang mungkar terhadap ajaran Islam dan mudah untuk melakukan perkara tidak bermoral yang bertentangan dengan Islam. Hal ini kerana mereka telah dikaburi oleh nikmat dunia dengan jalan yang salah dan menyebabkan perasaan melakukan dosa seperti suatu kebiasaan. Perkara ini perlu dielakkan dengan mendekatkan diri dengan majlis-majlis ilmu bagi memperolehi maklumat mengenai perkara-perkara khurafat. Maka, Pendekatan Moral ini dapat memberikan kesedaran dalam menjauhi perkara-perkara khurafat yang boleh menjauhkan diri daripada Islam.

4.2.1.8 Inovasi dalam Menghasilkan Produk

Dalam penghasilan sesuatu produk, elemen yang paling penting ialah inovasi yang dibina. Menurut Stephen Robbins (2018) menyatakan bahawa inovasi adalah sebuah gagasan untuk memperkasa atau memperbaharui suatu produk. Inovasi yang dilakukan dapat menjadikan sesuatu produk itu dapat digunakan pada fungsi yang pelbagai. Inovasi pada suatu produk dapat menarik orang ramai untuk menggunakan produk tersebut. Dalam sesuatu produk, pencipta dapat mengenalpasti mengenai kekurangan pada sesuatu produk dan melakukan penambahbaikan atau penambahan fungsi pada sesuatu produk. Hal ini amat bagus bagi mempelbagaikan lagi fungsi sesuatu produk. Contohnya, produk basikal yang hanya mempunyai fungsi untuk membawa seseorang untuk menuju ke destinasi yang dituju. Namun, masalah yang dihadapi pada basikal ialah ketiadaan lampu pada basikal yang membantu penunggang untuk berbasikal pada waktu malam. Maka, diwujudkan sebuah teknologi pada basikal iaitu lampu yang dapat digunakan berdasarkan kepada kayuhan penunggang. Hal ini merupakan sebuah inovasi yang sangat hebat.



FYP FTKW

Kreativiti dan inovasi merupakan sesuatu yang sangat diperlukan di dalam bidang kehidupan manusia (Nor Hazrul Mohd Salleh, 2021). Inovasi juga perlu dibuat bagi membantu pengguna untuk mempermudahkan pengguna untuk menggurangkan daya kerja. Hal ini kerana setiap inovasi yang dilakukan pada produk bertujuan untuk menjimatkan pengguna daripada menggunakan pelbagai alatan pada satu masa yang sama. Contohnya, motorsikal pada hari ini banyak menyediakan tempat mengecas telefon yang membantu penunggang untuk mengecas telefon sambil menunggang motorsikal. Hal ini merupakan sebuah inovasi daripada pencipta motorsikal untuk menjimatkan masa penunggang motorsikal untuk mengecas telefon mereka daripada berhenti di sesuatu tempat semata-mata untuk mengecas telefon. Hal ini merupakan suatu inovasi yang sangat membantu pengguna dan dalam masa yang sama menjimatkan masa pengguna. Inovasi tersebut memberikan kebaikan yang sangat besar kepada orang ramai. Oleh itu, budaya inovasi perlu diterapkan dalam kalangan pelajar agar negara memiliki produk berkualiti yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar (Roshlawaty Md Raieh, 2021)

Dunia pada hari ini melihat inovasi sebagai suatu kehendak terutamanya dalam dunia pembinaan. Hal ini kerana inovasi membantu mereka dalam mempelbagaikan lagi teknologi mereka di samping mengurangkan kos pengeluaran. Perkara ini dapat dilihat di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.Hal ini diceritakan di dalam kisah *Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas* seperti petikan 22 di bawah:

> Petikan 22
> "…tentera Jepun telah menggunakan basikal sebagai sistem pengakutan untuk menjajah seluruh Tanah Melayu. Mereka telah melakukan renovasi terhadap basikal yang digunakan. Mereka telah menjadikan basikal kepada motor berkuasa genetik. Motor ini telah digunakan sebagai alat komunikasi antara tentera di Tanah Melayu dan pihak atasan di Jepun. Ianya merupakan satu kelebiha n kepada pihak Jepun kerana berjaya mencipta sesuatu yang berlainan dalam menyusun strategi menakluki tanah jajahan…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 33)



FYP FTKW

Berdasarkan petikan di atas, Jepun memulakan kebangkitan ketika pemerintahan Maharaja Mikado Meiji pada tahun !902. Mereka mula melakukan penjajahan bagi memodenkan melakukan perindustrian sebagai mana yang telah dilakukan oleh negara barat. Ketika itu, Jepun mengalami kekurangan sumber pertanian dan sumber makanan yang menyebabkan mereka terpaksa menjelajah dan menjajah. Tanah Melayu antara lokasi yang disasarkan oleh pihak Jepun bagi menjajah dan mengambil hasil-hasil yang terdapat di sana. Jepun mula menyerang Tanah Melayu dan memelakan penjajahan dari Pantai Mek Mas. Pada tanggal 8 Disember 1941, tentera Jepun mula melakukan serangan ambitu di Kota Bharu dan terus merebak ke seluruh Tanah Melayu. Tentera Jepun menjelajah Tanah Melayu dengan menggunakan basikal. Mereka telah mengubahsuai basikal kepada motor berkuasa genetik bagi menghasilkan alat komunikasi antara pihak tentera Jepun di Tanah dan pihak atasan di Jepun. Bukan itu sahaja, tentera Jepun berjaya menggunakan minyak daripada pokok untuk digunakan sebagai bahan bakar jet pejuang sebagai penganti kepada minyak petrol.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah inovasi dalam menghasilkan produk. Hal ini dapat dilihat apabila tentera Jepun telah menghasilkan sebuah alat komunikasi dengan tentera mereka menerusi ciptaan motor berkuasa genetik. Ciptaan ini dapat menghasilkan sebuah kuasa eletrik untuk memastikan tentera Jepun dapat berhubung dengan askar mereka menerusi ciptaan tersebut. Bukan itu sahaja, tentera Jepun juga berjaya mencipta sebuah jet pejuang yang hanya menggunakan minyak daripada pokok bagi menggantikan minyak petrol. Inovasi ini dilihat sebagai suatu kepintaran dan kreativiti yang terdapat pada tentera Jepun bagi memudahkan mereka untuk menjajah Tanah Melayu. Inovasi yang dilakukan oleh tentera Jepun merupakan suatu ciptaan yang hebat dan menunjukkan kehebatan mereka dalam bidang teknologi dan automotif. Fenomena sosial yang ditunjukkan oleh tentera Jepun ini juga dilihat sangat dikagumi kerana mereka mampu untuk menghasilkan ciptaan yang hebat dan sangat berguna. Fenomena sosial seperti ini perlu dicontohi supaya dapat memajukan segala bidang yang diceburi.



FYP FTKW

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat pada sikap tentera Jepun yang sangat inovatif dalam mempelbagaikan lagi fungsi produk supaya dapat membantu mereka dalam menjajah Tanah Melayu. Sikap seperti ini seharusnya menjadi ikutan yang baik kepada manusia dalam memujukan diri supaya menjadi lebih baik di masa akan datang. Sikap moral yang ditunjukkan ini mampu memberi kelebihan kepada diri kerana akan membantu dalam memajukan diri. Bukan itu sahaja, seseorang yang bersikap inovatif juga dapat membantu dalam penghasilan produk-produk yang lebih ringkas tetapi mempunyai pelbagai guna. Hal ini akan membantu dalam menjadikan sesuatu kerja dapat dipermudah dan diringkaskan untuk kegunaan tertentu. Maka, sikap inovatif ini sangat berguna terutamanya dalam bidang pembinaan dan teknologi. Maka, Pendekatan Moral ini dilihat dapat membantu seseorang dalam menjana kreativiti dalam diri.

4.2.1.9 Masyarakat yang Tamak

Sifat tamak akan merugikan ramai pihak. Tamak menurut Muhsyidin Tahir (2013) ialah suatu kehendak yang dimiliki oleh seseorang untuk mendapat sesuatu lebih daripada apa yang dimiliki untuk kepentingan diri sendiri. Tamak merupakan suatu sifat yang mesti ditegah oleh individu bagi mengelakkan diri mereka terjerumus di dalam perkara buruk. Allah S.W.T melarang manusia untuk memiliki sifat ketamakan kerana sifat tersebut akan menjadikan diri mereka dibenci oleh masyarakat. Kita juga dapat lihat bagaimana sifat ketamakan ini memakan diri sendiri apabila Qarun ditelan bumi disebabkan sifat ketamakannya terhadap harta benda.

Tamak menurut Ahmad Warsoon Al Munawir (1984) memperincikan bahawa perlaku memiliki sifat rakus, keinginan yang tinggi dan mempunyai nafsu serakah. Sifat tamak ini dapat diatasi sekiranya manusia mempunyai sifat kesyukuran yang tinggi



FYP FTKW

dalam diri mereka. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) syukur ialah perasaan cukup di dalam diri dan bersederhana di dalam kehidupan serta mengucapkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T atas nikmat yang diberi. Sifat kesyukuran perlu wujud bagi memastikan diri sentiasa berasa cukup atas segala yang dimiliki dan mengelak sifat tamak.

Masyarakat yang mengamalkan sifat tamak dalam sesuatu komuniti akan menyebabkan keadaan menjadi negatif dan sentiasa bermasalah dalam menyepakati sesuatu perkara. Hal ini telah diceritakan di dalam karya *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Hal ini telah diceritakan di dalam kisah *Kelawar Suka Keluar Waktu Malam* seperti petikan 23 di bawah:

> Petikan 23
> "…begitu juga dengan kehidupan kelawar pada ketika itu. Kelawar juga bebas mencari makanannya. Kelawar sesuka hati memakan pelbagai jenis makanan. Tetapi ada satu hal yang tidak disenangi oleh haiwan lain terhadap kelawar adalah sikap tamaknya itu. Kelawar ini sangat gelojoh dalam mencari makanan. Habis semua jenis makanan dimakannya biarpun belum ranum sepenuhnya…"
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 90)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai kelawar yang mempunyai sikap yang tidak disukai oleh haiwan lain iaitu gelojoh dalam mencari makanan. Habis semua makanan diambil tanpa meninggalkan sisa yang banyak kepada haiwan lain. Oleh itu, mereka memikirkan rancangan untuk memberi pengajaran kepada kelawar. Akhirnya mereka bersepakat untuk mengambil buah-buahan yang diingini oleh mereka dan meninggalkan buah gurah yang tidak sedap kepada kelawar.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah masyarakat yang tamak. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kepada sikap kelawar yang sangat tamak untuk memiliki semua jenis makanan tanpa mengambil kira makanan haiwan lain. Hal ini perlu dielakkan bagi memastikan kita tidak akan rugi. Sesuatu perkara perlu dikong bersama-sama untuk mengeratkan hubungan silaturrahim



FYP FTKW

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat berdasarkan sifat tamak itu diperlihatkan menjadi sesuatu perkara yang merugikan apabila sesuatu itu dimiliki oleh diri sendiri sahaja. Sifat tamak perlu dijauhkan dalam diri setiap orang bagi memastikan setiap orang dapat merasai perkara yang sama. Contohnya apabila mengambil makanan, kita tidak harus mengambil makanan secara berlebihan dan perlu bertimbang rasa terhadap orang lain yang belum mengambil makanan.

4.2.1.10 Masyarakat yang Dihormati

Hormat merupakan suatu tuntutan kepada manusia. Manusia perlu dihormati bagi memastikan keharmonian di dalam masyarakat. Menghormati manusia merupakan suatu adab yang perlu dikekalkan dalam kehidupan. Hal ini kerana menurut Marwan Ibrahim Al- Kaysi (2003) menyatakan bahawa konsep hormat mempunyai kaitan dengan dengan adab dan mengambarkan perbuatuan harian, etika dan perilaku manusia yang dilihat umpama model. Manusia akan dihormati apabila mereka mempunyai sumbangan atau memiliki sikap yang disukai ramai. Menurut Abdul Wahid Baharon (1992), antara cara yang boleh dilakukan bagi menjadikan diri dihormati adalah dengan memberi salam kepada orang lain.

Menerusi perbuatan tersebut, maka akan wujud sebuah masyarakat yang saling hormat menghormati antara satu sama lain. Hormat menghormati ialah seseorang yang memiliki hati yang lembut, berbudi dan memuliakan orang lain sama ada orang yang lebih tua atau berpangkat lebih tinggi (Norita Ariffin, 2006). Penghormatan perlu diberikan kepada semua orang tanpa mengira pangkat dan darjat kerana semua manusia layak untuk dihormati. Sikap ini perlu terus diamalkan bagi mewujudkan suasana yang harmoni.

FYP FTKW

Rasa hormat yang diberikan menjadi seseorang berasa senang dan mudah untuk bergaul. Hal ini telah diceritakan di dalam karya *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Hal ini telah diceritakan di dalam kisah *Tok Guru Haji Awang Ulama Tercipta* seperti petikan 24 di bawah:

> Petikan 24
> "…kehadiran beliau ke kampung ini membawa seribu tuah kepada rakyat jelata untuk mempelajari ilmu agama sebagai ilmu akhirat. Tok Guru Haji Awang Alim merupakan ulama terbilang yang mana beliau merupakan seorang guru agama yang ikhlas. menyampaikan dakwah dan ajaran Islam kepada rakyat jelata di Kampung Atas Banggol. Hatta dalam kesibukan Tok Guru Haji Awang Alim menyampaikan dakwahnya maka didatangi masalah yang mana pada ketika itu tentera-tentera Jepun datang mengganas. Namun begitu, dalam ketakutan yang menyelubungi kehidupan rakyat jelata di Kampung Atas Banggol, ia tidak sedikit pun menggugat kehandalan Tok Guru Haji Awang Alim untuk menyampaikan ilmu-ilmu akhirat…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 69)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai Tok Guru Haji Awang Alim yang sangat disayangi oleh penduduk kampung Hal ini disebabkan beliau membuka pembelajaran agama di tempatnya. Terdapat kisah dimana semasa penaklukan Jepun di Tanah Melayu, madrasah yang dimiliki oleh Tok Guru Haji Awang Alim dibenarkan beroperasi disebabkan tentera Jepun menyukai beliau. Hal ini telah memudahkan beliau untuk menyampaikan ilmu agama kepada penduduk kampung. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Tok Karim Guru Silat Masyhur* berdasarkan petikan 25 di bawah:

> Petikan 25
> "…pernah suatu ketika beliau telah menghulurkan bantuan dari segi kewangan, makanan dan sebagainya kepada penduduk yang tidak mampu untuk menyara kehidupan seharian mereka. Walaupun masyarakat pada ketika itu menyanjungi beliau sebagai seorang tokoh terhormat, namun masih ada sikap merendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang ada. Masyarakat setempat masih menghormatinya kerana sikap yang menjadi tauladan kepada masyarakat…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 66)



FYP FTKW

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai Tok Karim yang merupakan seorang guru silat yang sangat terkenal. Beliau memiliki murid yang ramai yang mahu berguru dengan beliau. Beliau juga sangat berani sehingga akan menentang perkara-perkara yang bertentangan dengan falsafah hidupnya. Walaupun beliau kelihatan gagah dan perkasa namun memiliki sifat baik hati. Beliau sering membantu masyarakat yang ditimpa kesusahan. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Asal Usul Kampung Babong* pada petikan 26 di bawah:

> etikan 26
> "…walaupun begitu, masih terdapat sifatnya yang baik hati dan pemurah telah menyebabkan masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut menghormati dan menyanjung tingginya. Diceritakan dahulu Tok Babong telah banyak membantu golongan yang menghadapi musibah tak terduga. Beliau telah membantu mereka yang ditimpa kesusahan hidup sepanjang hayatnya ada. Beliau juga memiliki hati pemurah kerana sering mengadakan kenduri dan memanggil para: penduduk setempat untuk makan di rumahnya. Ini menyebabkan Tok Babong sangat dihormati oleh masyarakat…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 4)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai kewujudan nama Kampung Babong. Asal usul nama kampung ini berasal daripada orang yang paling berjasa di kampung tersebut iaitu Datuk Babong. Beliau seorang yang berani dalam menentang perkara yang tidak sewajarnya berlaku di kampung tersebut. Meskipun bersikap panas baran tetapi beliau tetap dihormati oleh penduduk kampung tersebut disebabkan beliau begitu baik hati membantu orang yang berada dalam kesusahan di kampung tersebut. Walaupun tidak dikurniaan kekayaan wang tetapi beliau memiliki kekayaan hati yang menyebabkan beliau disukai oleh penduduk kampung.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah masyarakat yang dihormati. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kisah-kisah di atas yang menerapkan nilai kehormatan kepada seseorang. Seseorang yang mendapat penghormatan biasanya memiliki karisma dari segi ilmu dan adap yang dimiliki. Mereka lebih dipandang tinggi disebabkan kebolehan yang dimiliki oleh mereka telah memberi kebaikan kepada orang di sekelilingnya.



FYP FTKW

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat apabila ketiga-tiga kisah di atas menerapkan penghormatan terhadap orang lain perlu diberikan jua. Penghormatan tersebut merupakan suatu tanda terhadap seseorang bahawa mereka dipandang tinggi oleh kita. Maka penghormatan tersebut perlu ditunjukkan kepada semua orang tanpa mengira sesiapapun mereka.

4.2.1.11Masyarakat yang Berilmu Pengetahuan.

Menuntut ilmu merupakan kewajipan kepada manusia. Hal ini kerana ilmu akan membantu manusia untuk keluar daripada kejahilan diri. Dalam melahirkan insan yang berguna, ilmu merupakan suatu unsur yang penting bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan dalam apa jua perkara. Pembentukan manusia yang hebat adalah melalui ilmu yang dimiliki olehnya. Konsep ilmu yang berteraskan agama perlu dijadikan asas kepada dasar dan objektif pendidikan negara bagi melahirkan insan yang berilmu, bermoral dan berkeyakinan (El-Edrus & Syed Muhamad Dawilah, 1993).

Ilmu merupakan suatu komponen penting dalam memastikan manusia dapat menjalankan kehidupan dengan lebih baik di masa depan. Hal ini kerana pembelajaran terhadap sosiologi, kemahiran, sains dan teknologi dapat membuka peluang pekerjaan yang baik di masa hadapan (Anon, 2019). Maka penguasaan terhadap ilmu tersebut perlu diambil perhatian terutama oleh golongan muda bagi menjadikan mereka menjadi insan yang berguna di masa depan.

Ketinggian ilmu seseorang merupakan suatu penghormatan kepada diri. Hal ini kerana maruah dan harga diri seseorang bergantung kepada setinggi mana ilmu yang dimiliki olehnya (Anon, 2019). Hal ini telah diceritakan di dalam karya *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus



FYP FTKW

Che Yaacob. Hal ini telah diceritakan di dalam kisah *Haji Long Abdul Rahman* seperti petikan di bawah:

> Petikan 27
> "…menceritakan bahawa Haji Long Abdul Rahman telah menetap di pulau itu setelah sekian lama. Kampung itu pada peringkat awalnya telah didiami oleh tiga buah keluarga dan akhirnya berkembang pesat. Mereka hidup dalam keadaan rukun dan damai sebagai jiran tetangga. Ramai anak muda yang belajar ilmu agama dengan Haji Long Abdul Rahman ini. Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat…"
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 57)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai Haji Long Abdul Rahman yang merupakan Raja Patani yang dahulu melarikan diri daripada peperangan yang sedang berlaku ketika itu. Namun beliau telah menetap di menetap di Pulau Gajah dan merahsiakan identitinya. Beliau ialah seorang alim ulama dan tinggi ilmu agamanya. Beliau memiliki sebuah madrasah untuk melatih anak-anak muda untuk menghafal Al-Quran. Beliau juga pakar dalam perubatan Islam dan mampu mengubati pesakit.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah inovasi dalam menghasilkan produk. Masyarakat berilmu pengetahuan.  Hal ini dapat dilihat apabila Haji Long Abdul Rahman memiliki ilmu yang tinggi di dalam agama. Bukan itu sahaja, beliau juga telah mengajar anak-anak muda untuk mendekatkan diri kepada pengajaran agama. Hal ini merupakan sesuatu yang bagus bagi melahirkan generasi dan masyarakat yang berilmu. Hal tersebut perlu dijadikan sebagai kayu kepada kita untuk lebih berbakti kepada komuniti.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat apabila masyarat mula menjadi ilmu sebagai panduan kepada diri untuk menjadi lebih baik. Ilmu merupakan penyuluh kepada manusia untuk menjadi insan yang berguna pada masa hadapan. Ilmu juga dapat mengubah masyarakat untuk menjadi lebih baik dan bertamadun. Maka, ilmu merupakan perkara yang penting dalam menjadikan manusia baik dari segi pengetahuan.



FYP FTKW

4.2.1.12 Masyarakat yang Baik Hati

Baik hati merupakan sikap yang sangat disukai oleh orang ramai. Seseorang yang memiliki sikap baik hati akan menjadi mereka mudah untuk didekati dan disenangi oleh orang ramai. Menurut Norita Ariffin (2006), baik hati bermaksud perasaan belas kasihan yang wujud dalam diri seseorang dan perasaan itu telah memberi manfaat kepada dirinya, orang lain dan persekitaran.

Sikap baik hati ini dapat dijelaskan menerusi sikap dan tindak tanduk seseorang (Tajul Ariffin Nordin dan Noe'Aini Dan, 1992). Perbuatan yang perlu ditonjolkan oleh orang yang bersikap baik hati ini ialah sikap sentiasa mengambil terhadap perasaan dan kedudukan orang lain,bersimpati terhadap kesusahan dan penderitaan orang lain, bermurah hati untuk membantu dan menyumbang dalam bentuk kebendaan dan sokongan moral terhadap mereka, sedia memaafkan kesalahan orang lain dan tidak berdendam. (Hashim. Musa, 2008).

Masyarakat yang mengamalkan sikap baik hati dapat memastikan keharmonian di dalam komuniti mereka. Hal ini telah diceritakan di dalam karya *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Hal ini telah diceritakan di dalam kisah *Che Deraman* seperti petikan 28 di bawah:

> Petikan 28
> "…sikap ikhlas, baik hati dan suka membantu yang ada pada Che Deraman menjadi buah mulut dalam kalangan penduduk kampung situ. Cerita mengenai keperibadian Che Deraman tersebar luas kepada penduduk-penduduk di kampung lain. Hal ini membuatkan beliau disenangi…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 60)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai Che Deraman. Beliau merupakan seorang laksamana kepada Raja Kelantan. Beliau ditugaskan untuk melindung raja ketika berada di luar istana. Di luar, Che Deraman merupakan seorang yang sangat dihormati. Beliau banyak membantu masyarakat di sekelilingnya. Bukan setakat itu sahaja, beliau juga mempunyai kepakaran dalam mengubati penyakit orang-



FYP FTKW

orang di kampung. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Kain Sutera Cina* seperti petikan 29 di bawah:

> Petikan 29
> "…salah seorang keluarga kepada Hassan telah mengalami kecederaan yang parah akibat serangan itu. Kecederaan yang dialami sangat serius di mana bahagian betis kanan mengalami luka yang sangat dalam dan sukar untuk diubati melainkan hanya mampu menahan sakit. Bulan demi bulan, luka tersebut masih tidak sembuh dan tidak ada yang dapat mengubatinya. Hassan dan Hussin bertekad untuk masuk ke dalam hutan belantara mencari ikhtiar merawat luka yang dialami oleh anggota keluarga Hassan…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 10)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai Hassan dan Hussin yang telah pergi ke hutan untuk mencari ubat untuk menyembuhkan luka anggota keluarganya yang mengalami kecederaan yang parah. Apabila hampir waktu senja, mereka telah berehat di tepi sungai. Hassan telah bermimpikan seorang puteri yang sangat jelitawan memberikan sehelai kain sutera kepadanya. Katanya kain tersebut boleh menyembuhkan luka. Apabila Hassan tersedar dari tidurnya, kain yang berada dalam mimpinya kini berada di tangan. Maka, mereka segera pulang lalu memberikan kain tersebut kepada anggota keluarganya yang tercedera.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah masyarakat yang baik hati. Hal ini dapat dilihat pada kedua-dua kisah di atas menerapkan rasa baik hati kepada diri manusia. Sifat baik hati ini akan membantu seseorang untuk sentiasa dipandang tinggi oleh orang lain. Masyarakat akan mudah untuk membantu kita apabila menghadapi masalah di masa akan datang. Fenomena sosial seperti ini perlu diamalkan oleh orang lain bagi menjadikan masyarakat lebih hidup harmoni.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat apabila sifat baik hati itu diamalkan di dalam masyarakat. Sifat baik hati akan menjadi contoh kepada orang lain untuk sentiasa melakukan kebaikan dalam apa jua keadaan.

FYP FTKW

### 4.2.2 Ekonomi

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan mengenai fenomena sosial dari segi ekonomi seperti berikut:

#### 4.2.2.1 Kekayaan Sumber Bahan Mentah

Bahan mentah merupakan sumber yang sangat penting di dunia pada masa kini. Bahan mentah sangat diperlukan bagi menjalankan aktiviti ekonomi. Bahan mentah seperti petroleum, arang batu, biji timah dan sebagainya merupakan komponen penting dalam memastikan kelangsungan sesebuah ekonomi negara. Bahan mentah ini merupakan kayu ukur kepada kekayaan sesebuah negara. Contohnya, negara-negara arab seprti Arab Saudi, Qatar, UAE dan sebagai memiliki kekayaan yang berbiliom ringgit disebabkan mempunyai bahan mentah yang tersendiri iaitu petroleum. Petroleum merupakan bahan bakar kepada kenderaan-kenderan di seluruh dunia. Maka, petroleum sangat diperlukan oleh manusia di seluruh dunia bagi menggerakkan kenderaan mereka ke destinasi yang dituju. Begitu pentingnya bahan mentah ini kepada manusia sehingga menjadi keperluan utama bagi manusia untuk hidup. Malaysia juga tidak terkecuali apabila memiliki kemewahan hasil industri perladangan dan komoditi seperti sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf (Hazrol Zainal, 2021)

Pada zaman dahulu, bahan mentah di Tanah Melayu seperti emas, berlian, bauksit, biji timah dan sebagainya sangat banyak. Kekayaan bahan mentah ini telah menjadi Tanah Melayu sebagai sasaran kepada orang luar untuk menjajah tanah Melayu. Sumber hasil bumi seperti bijih timah menjadi antara penyumbang utama skonomi negara (Berita Harian, 2021). Hal ini boleh dilihat bagaimana Tanah Melayu pernah dijajah oleh beberapa kuasa luar antaranya British, Portugis dan Jepun. Mereka mensasarkan Tanah Melayu untuk mendapatkan segala hasil bumi di Tanah Melayu dan membawa pulang hasil tersebut di negara mereka. Hal ini juga turut berlaku di negeri Kelantan di mana pada zaman dahulu, negeri Kelantan terpaksa berperang dengan Patani bagi merebut kerajaan Kelantan kerana mempunyai kepelbagaian bahan yang



FYP FTKW

menguntungkan. Hal ini juga turut berlaku di Melaka apabila Melaka seringkali mndapat tentangan daripada musuh-musuh dari luar yang ingin merampas negeri Melaka disebabkan Melaka memiliki bahan mentah yang banyak di samping merupakan perlabuhan yang sangat strategik pada waktu itu. Maka dapat dilihat bagaimana Tanah Melayu sangat menjadi rebutan kepada negara-negara luar sehingga sanggup untuk berperang bagi mendapatkan keistimewaan tersebut.

Kekayaan sumber bahan mentah menjadi rebutan kepada semua negara. Kesannya, industri komoditi negara dapat berdaya saing dan menyumbang kepada pencapaian yang hebat (Edy Tonnizam Mohamad, 2020). Semakin banyak bahan mentah di negara tersebut maka semakin kaya negara tersebut. Perkara ini dapat dilihat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob .Hal ini diceritakan di dalam kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu* seperti petikan 30 di bawah:

> Petikan 30
> "…tersebutlah kisah mengenai sejarah Pengkalan Datu. Pengkalan Datu ini dikaitkan dengan gelaran kehebatan pembesar-pembesar pada zaman dahulu. Sejarah Pengkalan Datu ini mempunyai perkaitan dengan negeri Perak juga kerana penemuan bijih timah di kawasan larut oleh Long Jaafar. Ia mempunyai persamaan dengan gelaran ketrunan raja-raja di Kelantan iaitu Long Yunus. Diceritakan bahawa Sungai Petani merupakan jalan perhubungan antara masyarakat Kedah, Kelantan dan Perak…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 13)

Petikan di atas menceritakan mengenai Pengkalan Datu dahulunya diperintah oleh golongan pembesar yang hebat-hebat. Pengkalan Datu juga dikaitkan dengan kerajaan negeri Perak di mana penemuan bijih timah oleh Long Jaafar di Larut. Kekayaan bijih timah ini menjadi Pengkalan Datu terkenal suatu ketika dahulu. Pengkalan Datu pada zaman dahulu diperintah oleh Puteri Saadong yang memiliki rupa paras yang cantik. Kepimpinan di bawah Puteri Saadong telah menyebabkan kemajuan kepada Pengkalan Datu sehingga mendatangkan rasa iri hati kepada beberapa pihak termasuk Siam. Pihak Siam telah menyerang Pengkalan Datu sehingga menyebabkan Puteri Saadong lari dan ghaib begitu sahaja, Pemerintahan diteruskan oleh Sultan Omar.



FYP FTKW

Beliau telah menyatukan semula negeri Kelantan termasuk jajahan Pengkalan Datu. Baginda melihat bahawa pengkalan Datu mempunyai potenssi untuk dimajukan. Maka Sultan Omar Mengambil keputusan untuk melakukan penanaman padi dan mengiatkan aktiviti perdagangan. Hal ini telah menarik negeri-negeri luar seperti China, Patani, Jawa dan Terengganu untuk berdangang. Tidak lama kemudian, anak Sultan Omar telah dikahwinkan iaitu Raja Pah. Kemudian, baginda telah menyerahkan jajahan Kota Senang kepada Raja Pah dan suaminya. Tidak berapa lama, heboh mengenai kemngkatan Sultan Omar dan kerajaan telah ditadbir oleh Long Bahar, suami kepada Raja Pah. Sepanjang pemerintahan, Long Bahar telah berpindah ke Kota Jembal dan mangkat di sana. Takhtanya telah diturunkan kepada anaknya, Sultan Sulaiman dan keturunannya meneruskan pemerintahan negeri Kelantan hingga ke hari ini.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah kekayaan sumber bahan mentah. Hal ini dapat dilihat apabila Pengkalan Datu mempunyai bahan mentah iaitu bijih timah yang merupakan bahan mentah yang sangat diingini oleh pemerintah-pemerintah lain pada waktu itu. Kewujudan bijih timah di Pengkalan Dati dianggap sebagai harta karun kerana ia merupakan bahan mentah diburu bukan sahaja oleh pemerintah tetapi oleh penjajah. Hal ini kerana bijih timah digunakan untuk menghasilkan peralatan yang berunsurkan besi seperti peralatan memasak, senjata dan sebagainya. Oleh hal yang demikan, manusia sanggup untuk saling bunuh-membunuh bagi merebut bahan mentah kerana ia sangat berharga.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Gunaan. Hal ini dapat dilihat bagaimana Long Jaafar telah menemui bijih timah di Pengkalan Datu. Bijih iimah merupakan salah satu daripada bahan mentah yang sangat diperlukan dan dicari di seluruh dunia. Hal ini kerana bijih timah mempunyai fungsi yang akan membantu kepada perkembangan ekonomi di sesuatu tempat. Bijih timah banyak dijumpai di Tanah Melayu. Disebabkan itu, Tanah Melayu telah menjadi sasaran kepada penjajah untuk menjajah negara-negara yang mempunyai bahan



FYP FTKW

mentah yang banyak. Manusia sangat memanfaatkan segala objek alam bagi memberi manfaat kepada mereka. Oleh sebab itu, Pendekatan Gunaan dalam teks ini dapat memberi pendedahan mengenai kepentingan memanfaatkan segala objek alam yang telah diciptakan oleh Allah s.w.t.

#### 4.2.2.2 Mempelbagaikan Teknik Perniagaan

Perniagaan merupakan salah satu cabang dalam dunia pekerjaan. Menurut Shuhairimi & et.al (2018), definisi perniagaan dari segi Islam dan Barat dapat dibezakan melalui elemen ketuhanan dan kerohanian. Dalam agama Islam telah menghalakan jual beli dan mengalakkan perniagaan supaya dapay memakmurkan dunia dan menguatkan ekonomi orang Islam (Mohd Khafidz Soroni, 2021). Dalam melakukan perniagaan, pelbagai strategi yang dilakukan bagi menarik minat pelanggan untuk membeli atau menggunakan produk yang dijual. Perniagaan merupakan suatu kebolehan yang mesti dikuasai oleh sesetengah orang. Hal ini kerana kebolehan ini membantu dalam meningkatkan ekonomi sesebuah negara. Semakin banyak perniagaan yang dilakukan maka akan bertambah aliran tunai negara. Perkara ini merupakan perkara penting dalam memastikan negara berada dalam keadaan ekonomi yang stabil. Bukan itu sahaja, perniagaan juga membantu dalam mewujudkan lagi peluang pekerjaan kepada masyarakat. Tanpa pekerja, maka perniagaan itu tidak dapat dilakukan dengan serta merta. Peluang pekerjaan yang dibuka oleh perniagaan ini membantu kepada pengurangan kepada penganguran yang berlaku akibat ketidakcukupan pekerja di bahagian kerajaan atau swasta. Kini. Perniagaan telah bertukar kepada perniagaan digitalisasi. Perniaga di Malaysia telah memulakan lang untuk mendigitalisasikan perniagaan mereka supaya memperoleh keuntungan yang maksimum (Harian Metro, 2021).

Di alam Melayu, perniagaan merupakan suatu kemahiran penting bagi memastikan kelangsungan hidup seseorang. Masyarakat Melayu pada ketika itu ada



FYP FTKW

yang menggunakan sistem barter bagi mendapatkan bekalan makanan yang diperlukan. Apabila sistem kewangan diperkenalkan, maka wujud cara perniagaan yang menukarkan wang kepada barang yang dikehendaki. Pekerja-pekerja seperti petani, pekebun dan pelayan menjalankan perniagaan dengan menjual hasil yang diperolehi mereka di pasar-pasar. Daripada hasil jualan tersebut mereka memperoleh wang ringgit dengan menjalankan perniagaan yang berkenaan. Pemerintah menjalankan perniagaan dengan melakukan perdagangan dengan negara lain. Perdagangan membawa barangan seperti rempah, sutera, tembikar dan sebagai sebagai barangan dagangan dan berlaku pertukaran barang atau wang mengikut kepada persetujuan masing-masing.

Perniagaan merupakan salah satu bentuk kreativiti bagi menarik pelanggan dengan menggunakan teknik yang tertentu. Daya kreativiti yang dibina menerusi gaya pemasaran penting untuk menarik pelanggan. Perkara ini dapat dilihat di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelanta* .Hal ini diceritakan di dalam kisah *Kemahsyuran Pantai Pengkalan Datu* seperti petikan 31 di bawah:

> Petikan 31
> "…setelah tidak seberapa lama, pantai ini mulai membangun dengan pesat. Hal ini telah dilihat jualan di tebing-tebing telah mendapat perhatian daripada golongan pedagang pada ketika itu. Ini kerana mereka tidak perlu memikirkan soal penginapan dan keselamatan barang jualan mereka. Ianya kerana mereka boleh berada dengan barang jualan mereka di atas kapal. Jualan mereka juga telah meningkat dengan adanya jualan sebegini. Secara tidak langsung jualan sebegini telah meningkatkan ekonomi negeri Kelantan pada ketika itu…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 15)

Petikan di atas menceritakan mengenai Pantai Pengkalan Datu merupakan sebuah pusat perdagangan yang pertama berada di Kelantan. Kelantan pada waktu itu telah ditadbir oleh Puteri Saadong telah memajukan Pantai Pengkalan Datu dengan jaya sekali. Beliau juga bijak dalam mengatur pemerintahan negeri. Ramai perdagang yang datang berdagang di negeri tersebut. Walaupun sering dikunjungi oleh pelbagai perdagang namun ia sama sekali tidak menganggu penduduk di tempat tersebut.



FYP FTKW

Walaubagaimanapun, Pantai Pengkalan Datu tidak sepesat negeri-negeri lain. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan penginapan bagi menempatkan para perdagang yang terpaksa tinggal di sana beberapa hari untuk mendapatkan barang dagangan. Hal ini telah mendatangkan kegusaran dan kesedihan kepada Puteri Saadong. Beliau kusut memikirkan solusi bagi menyelesaikan masalah ini. Hal tersebut menyebabkan Puteri Saadong tidak berselera untuk makan dan membimbangkan para pembesar. Tetapi beliau telah menemui jalan penyelesaian setelah melihat seorang nelayan yang pulang dari laut. Apabila timbul idea tersebut, beliau segera memanggil para dan menyatakan hasrat iaitu mellakukan aktiviti perniagaan di atas kapal sahaja. Disebabkan oleh idea yang telah dicadangkan oleh Puteri Saadong, Pantai Pengkalan Datu telah menjadi pesat denga kedatangan para perdangang yang lebih ramai dari sebelum ini. Hal ini telah merancakkan ekonomi di Pantai pengkalan Datu.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah kepelbagaian teknik perniagaan. Hal ini dapat dilihat apabila Puteri Saadong mengubah cara perniagaan di Pantai Pengkalan Datu berfokuskan peniagaan di darat kepada perniagaan di atas bot. Perkara ini merupakan suatu daya kreativiti yang ditunjukkan oleh Puteri Saadong bagi meningkatkan lagi perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Dalam perniagaan, teknik yang digunakan di dalam perniagaan sering berlaku perubahan dari zaman ke zaman. Jika pada dahulu kala perniagaan hanya berdasarkan kepada jualan secara fizikal sahaja. Tetapi teknik perniagaan kini banyak bersandarkan kepada teknik digital dan penjualan secara fizikal dan atas talian sahaja. Bukan itu sahaja, wujud pula sebuah teknik di dalam perniagaan iaitu pemasaran yang sangat perlu dikuasai oleh peniaga pada zaman kini. Hal ini sangat berbeza dengan cara perniagaan tradisional yang hanya menjual barangan keperluan kepada pengguna. Fenomena sosial seperti ini dilihat membantu dalam menjadikan perniagaan lebih kompetitif dan berdaya saing.



FYP FTKW

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Keagamaan yang memfokuskan kepada Pendekatan Kemasyarakatan. Hal ini dapat dilihat bagaimana kepelbagaian teknik perniagaan ini akan menyebabkan masyarakat menjadi lebih kreatif dalam memasarkan perniagaan mereka. Kita dapat lihat bagaimana teknik perniagaan yang diubah mampu memberikan keuntungan kepada perniaga di Pantai Pengkalan Datu. Maka, Pendekatan Kemasyarakatan ini dilihat akan memberi manfaat yang besar kepada perniaga di Pantai Pengkalan Datu.

4.2.2.3 Pembangunan Ekonomi Setempat

Ekonomi setempat amat penting dalam menaikkan taraf hidup sesebuah komuniti. Hal ini kerana ekonomi setempat merupakan faktor penting dalam menjadikan masyarakat dapat hidup dengan mempunyai pendapatan yang diperlukan oleh masyarakat. Menurut Strong & Bartelmus (1994), pembangunan ekonomi berfungsi untuk membaiki taraf kehidupan bagi menjaga kkebajikan masyarakat untuk generasi pada hari ini dan akan datang. Pendapatan yang diperoleh daripada perkejaan yang dilakukan akan membantu kepada peningkatan ekonomi negara. Oleh itu, amat penting bagi sesebuah negara untuk memastikan bahawa pembagunan ekonomi setempat itu dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya masyarakat dapat melakukan tindakan ekonomi dengan lebih mampan lagi. Kestabilan dan pembangunan ekonomi setempat dapat ,mengalakkan orang ramai untun berbelanja (Siti Nurazlina Jamaludin, 2022). Menurut Asan Ali (2008), pembangunan ialah proses peralihan ke hadapan kepada keseluruhan sistem sosial. Pemerintah juga perlu melakukan tindakan seperti menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara bagi meningkatkan daya ekonomi negara menerusi penyediaan pekerjaan kepada rakyat.



FYP FTKW

Dalam kehidupan Tanah Melayu pada zaman dahulu, masyarakat banyak melakukan perniagaan dengan penjualan makanan, hasil hutan, hasil tangkapan dan sebagainya bagi meneruskan kelangsungan hidup. Barangan yang dijual merupakan barangan yang segar dan mempunyai jangka hayat ketahanan yang pendek. Perkara ini dilihat sebagai keterbatasan dalam penjualan barangan kerana barangan tersebut tidak bertahan lama. Oleh sebab itu, wujud perdagangan dengan negara luar yang menjual barangan yang berbeza dengan barangan tempatan. Bukan itu sahaja, masyarakat tempatan juga dapat mempelajari teknologi yang digunakan oleh para perdangang bagi menambahkan jangka hayat barangan mereka daripada rosak dalam jangka masa yang pendek. Perdagang menjual barangan yang mempunyai jangka hayat yang lama disebabkan masa pelayaran yang panjang. Bukan itu sahaja, ekonomi setempat juga dapat ditingkatkan menerusi kepelbagaian barangan jualan sama dari dalam atau luar.

Pembangunan ekonomi setempat ini dapat memastikan kemajuan ekonomi negara menjadi lebih kukuh dan dapat berdaya saing dengan negara lain. Perkara ini dapat dilihat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob .Hal ini diceritakan di dalam kisah *Kepesatan Pengkalan Parit* seperti petikan 32 di bawah:

> Petikan 32
> "…alkisah menceritakan bahawa suatu ketika dahulu telah berlakunya aktiviti perdagangan di sekitar Sungai Babong. Banyak barang dagangan yang terdapat di kawasan sungai tersebut seperti rotan, budu, air garam dan sebagainya. Pada waktu dahulu dikatakan terdapat sebuah Pengkalan di Sungai Babong ini yang dikenali sebagai Pengkalan Parit. Pengkalan ini dibina bertujuan untuk memudahkan urusan dagangan dan jual beli serta proses-proses penghantaran barangan dagangan daripada pihak luar ke dalam negeri tersebut. Pelbagai lapisan masyaraakat telah datang ke sungai ini untuk mendapatkan bekalan barangan keperluan harian dan golongan masyarakat ini bukan sahaja terdiri daripada penduduk setempat, bahkan dari negeri luar seperti Siam, Patani dan daerah-daerah lain…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 34)

Petikan di atas menderitakan mengenai Pengkalan Parit merupakan suatu tempat yang sangat gah dari segi ekonominya. Hal ini kerana pada waktu itu pelbagai barang dagangan yang dijual di sana seperti rotan, budu, air, garam dan sebagainya.



FYP FTKW

Hal ini kerana Pengkalan Parit tersebut dibina bagi memudahkan urusan jual beli dan dagangan serta proses penghantaran barang daripada pihak luar kedalam negeri tersebut, Hal ini telah menjadikan Pengkalan Parit  menjadi pesat dengan aktiviti ekonominya sehingga menarik perdagang dari luar seperti Siam, Patani, dan daerah-daerah lain. Pengkalan Parit tersebut mempunyai aliran sungai yang membantu perdagang dan masyarakat setempat untuk membeli barangan keperluan harian. Dikatakan juga penggunaan beberapa buah perahu kayuh telah membantu masyarakat setempat dan luar untuk mencari keperluan harian di sana. Di sana juga terdapat kemudahan untuk pengunjungnya bermalam untuk menunggu kelengkapan barangan yang diinginkan mencukupi. Bukan sahaja sekadar infrastruktur yang mencukupi, air sungai di sana juga sanagt jernih menjadikan pengunjung bertambah selesa untuk mengunjungi Pengkalan Parit tersebut.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah pembangunan ekonomi setempat. Hal ini dapat dilihat apabila Pengkalan Parit sangat maju dengan aktiviti jual beli seoerti rotan, budu, air garam dan sebagainya. Kemajuan aktiviti jual beli ini dilihat sebagai satu kelebihan kepada Pengkalan Parit kerana pembangunan ekonomi setempat yang dilihat baik dan mampu menerik perdagang luar untuk berdagang di Pengkalan Parit. Bukan itu sahaja, Pengkalan Parit juga telah menjadi tarikan kepada negara luar seperti Patani, Siam dan daerah-daerah lain untuk dagang berdagang membeli barangan di Pengkalan Parit. Hal ini sangat menunjukkan petanda positif kepada pembangunan ekonomi setempat kerana pelbagai pelangan yang datang dari pelbagai tempat bagi membeli di Pengkalan Parit. Fenomena sosial seperti ini dilihat mampu menaikkan lagi taraf ekonomi di Pengakalan Parit ini.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Keagamaan yang memfokuskan kepada Pendekatan Kemasyarakatan. Hal ini dapat dilihat bagaimana masyarakat di Pengkalan Parit ini dapat membangunkan ekonomi setempat mereka dengan menjalankan jual beli barangan di sana. Hal ini merupakan cara yang baik dalam



FYP FTKW

memberikan masyarakat dapat menjalani kehidupan dengan menjalankan perniagaan untuk memperoleh pendapatan. Oleh itu, Pendekatan Masyarakat ini dilihat mampu untuk meningkat taraf hidup masyarakat dengan memastikan pembangunan ekonomi setempat sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa.

#### 4.2.3 Agama

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan mengenai fenomena sosial dari segi agama seperti berikut:

##### 4.2.3.1 Bencana Alam yang tidak dijangka

Bencana alam merupakan kejadian yang tidak dapat dikawal. Bencana alam berlaku tanpa boleh dijangka. Menurut Parker (1992), bencana ialah kejadian yang jarang berlaku disebabkan oleh alam atau manusia. Bencana alam seperti gempa bumi sering berlaku di negara-negara yang berada di bawah Lingkaran Api Pasifik atau negara-negara yang mempunyai gunung berapi. Gunung berapi berlaku disebabkan pergerakan plat di perut bumi menyebabkan gegaran tanah itu berlaku. Meskipun manusia mempunyai teknologi yang dapat mengesan kejadian bencana, namun tiada sebarang teknologi yang dapat menghalang bencana alam daripada berlaku. Pada hari ini, telah berlaku pelbagai bencana alam yang disebabkan oleh alam semula jadi atau tindakan manusia. Manusia pada hari ini banyak melakukan melakukan pelbagai kemajuan sehingga mengabaikan alam sekitar seperti penerbangan pokok, pencemaran udara, pencemaran sungai dan sebagainya. Hal ini perlu segera diambil tindakan oleh pihak berwajib supaya perkara ini dapat dikawal dan dibanteras.Kejadian seperti banjir kilat, tanah runtuh dan rekahan di jalan raya antara kejiadian bencana alam yang disebabkan oleh manusia disebabkan oleh ketidakprihatinan mereka kepada alam sekitar. Hal ini menimbulkan rasa tawakkal yang tinggi kepada diri sendiri. Menurut As-Sayyid Sabiq

FYP FTKW

(1985), tawakal ialah rasa percaya, yakin, bergantung dan berserah kepada Allah S.W.T atas segala apa yang berlaku.

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu juga banyak mengalami bencana alam seperti banjir. Banjir merupakan bencana yang tidak dapat dihalang akibat daripada kejadian alam secara semulajadi seperti hujan yang lebat atau hakisan di pantai. Kejadian bencana alam ini amat merugikan sesebuah tempat kerana ia boleh mengakibatkan kehancuran kepada harta benda masing-masing. Disebabkan itu, masyarakat dahulu sering berpindah-randah apabila penempatan mereka berlaku bencana alam seperti banjir. Maka, wujud rasa keinsafan kepada diri untuk sentiasa mensyukuri nikmat yang masih dimiliki. Kesyukuran ialah menggunakan sesuatu yang telah diberikan Allah S.W.T berdasarkan fungsinya yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T (Hamka, 1983)

Kejadian bencana alam ini tidak ingin dialami oleh manusia disebabkan oleh kesan yang akan dialami selepas kejadian tersebut dialami. Perkara ini dapat dilihat di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini diceritakan di dalam kisah *Musibah di Kampung Pulau Gajah* seperti petikan 33 di bawah:

> Petikan 33
> "…pada sekitar tahun 1700, terdapat tujuh buah rumah yang menetap di Pulau Gajah Kecil. Masyarakat setempat melakukan aktiviti pertanian sebagai punca pencarian mereka bagi meneruskan kehidupan seharian. Tidak seberapa lama kemudian, Kampung Pulau Kecil telah ditimpa musibah iaitu berlakunya air pasang besar yang telah mengakibatkan banjir besar melanda kampung ini. Rumah-rumah yang terdapat di Kampung Pulau Kecil musnah dibaham ombak besar. Tebing-tebing di pulai ini turut terhakis teruk dan menyebabkan pulau menjadi semakin mengecil…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 24)

Petikan di atas menceritakan mengenai bencana alam yang berlaku di Kampung Pulau Gajah. Kampung Pulau Gajah ini merupakan gabungan daripada daripada 3 pecahan tersendiri iaitu Pulah Gajah Besar, Pulau Dato' dan Pulau Gajah Kecil. Kaampung Pulau Gajah berhampiran dengan beberapa pulau iaitu Pulau Datuk dan Pulau Layat. Di Pulau Gajah Kecil terdapat beberapa keluarga yang menetap di sana



FYP FTKW

dan melakukan beberapa aktiviti pertanian sebagai punca. Namun, pada suatu hari Kampung Gajah Kecil telah dilanda sebuah banjir besar yang disebabkan oleh air pasang besar. Akibat daripada perkara tersebut, tebing-tebing di pantai tersebut telah terhakis dan tidak dapat menahan ayunan ombak dari laut. Hal ini secara tidak langsung telah mengakibatkan Kampung Gajah Kecil terus dibaham oleh ombak dan mengakibatkan banjir besar. Penduduk Kampung Gajah Kecil telah berpindah ke Kampung Gajah Besar dengan bantuan penduduk Kampaung Gajah Besar. Penduduk Kampung Gajah Besar telah memberi layanan yang baik kepada mangsa-mangsa banjir berkenaan. Disebabkan trauma yang masih ada pada mangsa banjir tersebut, mereka telah bersepakat untuk menetap di Kampung Gajah Besar. Setelah berbincang dengan Tok Penggawa Kampung Gajah Besar, akhornya mereka bersetuju dan berkembanglah penduduk di kampung Gajah Besar tersebut. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Keasyikan Suara Buluh Perindu* seperti petikan 34 di bawah:

> Petikan 34
> "…pada suatu hari, satu kejadian yang tidak disangka telah berlaku di petempatan yang dibina oleh lelaki itu dan beberapa keluarga lagi. Satu kejadian banjir telah berlaku. Banjir tersebut telah menyebabkan ancaman hakisan ombak yang melenyapkan rumah- rumah yang mereka bina…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 28)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai kawasan Pulau Gajah yang diduduki oleh seorang lekaki. Dia membina penempatan baharu di situ dan orang ramai mula berhijrah ke situ. Namun pada suatu hari banjir besar telah menimpa kawasan tersebut yang menyebabkan mereka terpaksa berpindah ke tempat lain dan membina penempatan baru di sana.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini bencana alam yang tidak dijangka. Hal ini dapat dilihat pada kisah-kisah tersebut yang menceritakan berkenaan bencana alam yang berlaku di tempat masing-masing. Hal ini merupakan kesan daripada bencana tersebut dan kesan akan diaalami oleh manusia. Bencana yang berlaku akan memberikan kesan terhadap psikologi manusia sehingga mendatangkan trauma kepada mereka. Bencana seperti ini tidak dapat dijangka oleh manusia akibat



FYP FTKW

daripada kekurangan pengalaman terhadap tanda-tanda berlakunya sesuatu bencana. Sebelum berlaku sesuatu bencana, kebiasaannya akan berlaku tanda-tanda yang memberi isyarat kepada manusia. Antaranya ialah ikan yang naik ke darat secara tiba-tiba merupakan petanda terhadap berlakunya tsunami. Menerusi fenomena sosial ini dapat membantu dalam mengenalpasti punca-punca kepada berlakunya bencana alam.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Gunaan. Hal ini dapat dilihat apabila banjir besar yang berlaku di dalam kisah-kisah berikut. Namun mereka telah diberi bantuan oleh penduduk kampung agar dapat meneruskan hidup. Hal ini merupakan antara sikap yang boleh dicontohi bagi mewujudkan suasana yang aman dan harmoni. Bukan itu sahaja, terdapat hikmah yang berlaku apabila sesuatu bencana atau musibah berlaku dan perkara tersebut perlu diterima dengan hati yang terbuka dan redha dalam menghadapi ujian. Maka, Pendekatan Gunaan ini dapat membantu dalam menjadikan manusia memiliki sifat berserah diri kepada Allah s.w.t sepenuhnya atas ujian yang diberikan.

### 4.2.4 Politik

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan mengenai fenomena sosial dari segi politik seperti berikut:

#### 4.2.4.1 Pemimpin yang Prihatin

Prihatin menurut *Kamus Dewan* (2005) ialah seseorang yang mempunyai sifat mengambil berat terhadap sesuatu di sekeliling. Prihatin merupakan sikap yang perlu wujud di dalam diri setiap orang. Sifat prihatin dalam setiap diri manusia merupakan elemen penting dalam menjadikan sesuatu masyarakat atau komuniti dapat hidup dengan aman dan makmur. Sifat prihatin membantu seseorang dalam mendekatkan diri dengan orang lain. Melalui sifat prihatin ini dapat membantu diri dalam mengenalpasti keadaan sekeliling dengan lebih dekat. Sikap prihatin terhadap masyarakat dapat



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

mengurangkan masalah-masalah sosial dalam masyarakat kita. Masalah sosial seperti mencuri, merompak, menghisap dadah dapat ditangani sekiranya masyarakat mempunyai sikap prihatin di dalam diri. Keprihatinan masyarakat ini setidak-tidaknya dapat membantu pesalah-pesalah ini untuk kembali kepada jalan yang benar. Mereka akan berasa dihargai dan diperlukan di dalam masyarakat dan dapat menabur bakti kembali kepada masyarakat dan negara.

Sikap prihatin dalam masyarakat juga dapat membantu golongan yang memerlukan. Contohnya seperti golongan miskin, gelandangan dan sebagainya dapat dibantu apabila masyarakat mula prihati terhadap mereka. Golongan-golongan seperti ini memerlukan perhatian yang lebih daripada masyarakat disebabkan mereka memerlukan sokongan dan dorangan untuk terus hidup. Sekiranya golongan tidak mendapat perhatian dan bantuan daripada masyarakat, mereka akan terus dipinggirkan dan menjadi lebih teruk di mata masyarakat. Hal ini telah diamalkan di dalam Islam di mana islam telah mewajibkan zakat kepada golongan yang berkemampuan. Zakat ini akan diberikan kepada golongan yang memerlukan seperti fakir, miskin, muallaf dan sebagainya. Sifat keprihatinan yang telah diamalkan di dalam Islam akan membentuk seseorang untuk mempunyai perasaan mudah untuk membantu orang lain. Hal ini akan melahirkan umat Islam yang mempunyai daya empati yang tinggi. Sikap keprihatinan ini mendatangkan rasa kesyukuran di dalam diri di atas nikmat yang sudah diberikan Allah S.W.T. Kesyukuran ialah perbuatan menghargai dan menyanjung tinggi sumbangan, pemberian dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh seseorang (Imam Ghazali, 1991)

Dalam pemerintahan, pemimpin perlu mempunyai sifat prihatin yang tinggi pada masyarakat kerana ia merupakan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang pemimpin. Tanggungjawab ialah melakukan tugasan dengan penuh komited (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Hal ini kerana pemimpin mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan rakyat dapat hidup dalam keadaan yang aman dan mencukupi. Pemimpin Seharusnya peka terhadap isu dan keperluan rakyat tidak melihat rakyat



FYP FTKW

hidup sengsara tanpa melakukan apa-apa tindakan. Keprihatinan raja kepada rakyat akan menjadilkan raja disayangi rakyat dan kerajaan akan menjadi aman.

Raja yang memiliki sifat prihatin memberi contoh yang baik kepada masyarakat. Perkara ini telah diceritakan di dalam karya *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Perkara ini telah dikisahkan di dalam cerita *Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* berdasarkan petikan 35 di bawah:

> Petikan 35
> "…kebanyakkan mereka terdiri daripada golongan pembesar dan rakyat yang masih setia kepada rajanya. Mereka menebas segala pohon-pohon yang tumbuh di hutan belantara untuk dijadikan tempat berteduh. Mereka hidup dalam suasana yang aman sentosa tanpa merasa takut dengan peperangan yang berlaku di Patani pada ketika itu. Raja Patani pada ketika itu turut bersama-sama membantu mereka dalam menyiapkan penempatan mereka. Baginda sanggup mencemar duli dalam aktiviti gotong royong bersama-sama dengan rakyat jelata…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:28)

Berdasarkan petikan di atas, rakyat yang berasal dari Patani telah melarikan diri daripada Patani disebabkan oleh peperangan yang berlaku di sana. Mereka telah pergi ke sebuah perkampungan kecil yang jauh daripada Patani bagi bersembunyi dan mengelakkan diri daripada musuh-musuh. Raja Patani juga turut bersama rakyat lari dari Patani. Mereka telah memulakan hidup baru di kampung tersebut yang dikenali sebagai Pengkalan Datu. Mereka telah  memulakan kehidupan mereka dengan  membina penempatan. Mereka juga telah melakukan aktiviti bercucuk tanam dan dan menjala ikan. Namun, Raja Patani telah mencamar duli untuk turun melakukan aktiviti tersebut bersama-sama rakyat. Hal ini dilihat amat mengejutkan disebabkan status yang dimiliki oleh Raja Patani. Namun beliau amat prihatin terhadap rakyatnya dan sanggup untuk bersusah-payah bersama rakyat dalam membina semula penempatan baharu. Beliau juga sanggup berpanas ketika melakukan pekerjaan bersama-sama rakyat dan tidak kekok untuk bergaul bersama rakyat. Lama kelamaan kampung Pengkalan Datu dapat dibina dan dihidupakan oleh rakyat. Ekonomi rakyat setempat juga dapat  dibina dan



FYP FTKW

menjadi tempat penyebaran ilmu agama Islam. Hal ini turut diceritakan di dalam kisah *Nik Mat Keturrunan Raja Banjar* berdasarkan petikan 36 di bawah:

> Petikan 36
> "…terdapat suatu ketika, seorang rakyatnya telah datang menemui baginda sewaktu baginda sedang bersemayam di istana untuk menceritakan permasalahan yang telah berlaku terhadap dirinya. Baginda telah mendengar sedaya upaya akan permasalahan yang dibicarakan. Baginda telah meminta datuk bendahara untuk membantu menguruskan permasalahan yang dibawa oleh rakyat tersebut…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 78)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai seorang raja yang bernama Raja Jembal yang merupakan keturunan Raja Banjar. Beliau tidak menyukai dirinya dipanggil denganpanggilan yang tinggi. Akibatnya beliau menukar namanya kepada Nik Mat Alim agar rakyat tidak perlu menghormatinya dengan panggilan diraja.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah raja yang prihatin. Hal ini dapat dilihat apabila kisah-kisah berikut mengetengahkan mengenai sikap raja yang prihatin terhadap rakyat. Hal ini telah menunjukkan kepada rakyat bahawa seorang pemimpin akan lebih dihormati oleh orang bawahan sekiranya mereka mempunyai sifat dan nilai kemanusiaan yang tinggi di dalam diri. Walaupun gelaran raja tersebut boleh dijadikan sebagai satu kelebihan pada diri seseorang namun beliau tidak merasakan bahawa gelaran berikut akan terus dihormati sekiranya tidak bersusah-payah bersama rakyat untuk membina tempat yang lebih baik. Sikap keprihatinan tersebut amat disukai terutamanya rakyat kerana mereka memerlukan sokongan yang kuat dalam membina terutamanya dalam membina penempatan yanh baharu.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Pendekatan ini dapat dilihat pada sikap raja yang prihatin terhadap kepayahan dan kesusahan rakyat. Sebagai seorang raja, mereka perlu cakna terhadap situasi yang dihadapi oleh rakyat sekiranya berlaku perkara yang buruk, raja boleh mengambil tindakan bagi mengatasi masalah tersebut. Raja perlu mengambil tindakan terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat kerana raja berfungsi untuk



FYP FTKW

membantu rakyat yang berada di dalam kesusahan dan sebuah kerajaan tidak akan terbentuk tanpa kehadiran rakyat. Maka,sikap prihatin ini perlu disemai dalam sifat seorang raja supaya rakyat mempunyai tempat bergantung ketika mereka menghadapi kesusahan. Pendekatan moral yang terdapat dalam kisah ini seharusnya dapat memupuk pembaca supaya mempunyai sifat prihatin dalam diri mereka.

4.2.4.2 Pemimpin yang Tangkas

Sifat tangkas dalam melakukan sesuatu perkara merupakan kelebihan kepada seseorang. Ketangkasan seseorang dalam melakukan sesuatu kerja dapat membantu dalam mempercepatkan sesuatu perkara. Menurut Burhanuddin Jalal (2016), pemimpin yang baik memiliki daya fikiran yang memandang jauh ke hadapan dan berwawasan. Bukan itu sahaja, tindakan yang tangkas juga dapat menyelesaikan sesuatu perkara dengan lebih pantas dan cekap. Ketangkasan ini dibina berdasarkan pengalaman seseorang dalam melakukan suatu kerja dan keberanian dalam membuat keputusan. Keberanian ialah seseorang yang sanggup mengambil risiko dan cabaran (Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan, 1992) Semakin lama seseorang mendalami pekerjaan yang dilakukan maka akan bertambah pengalaman seseorang itu dalam menghadapai apa jua situasi pekerjaan. Contohnya, seseorang yang bekerja dalam bidang buruh binaan. Syarikat yang mempunyai pengalaman dan lama dalam industri ini akan mendapat keyakinan yang tinggi daripada orang luar untuk memilih syarikat mereka berbanding syarikat yang baru ditubuhkan. Disebalik pengalaman yang lama, ketangkasan pekerja juga dapat memainkan peranan yang penting pada syarikat tersebut. Hal ini kerana pekerja mempunyai banyak pengalaman kerja di bidang tersebut dan memperoleh ilmu yang banyak.

Dalam sesebuah pemerintahan, ketangkasan raja atau pemerintah dalam mentadbir sesebuah kerajaan sangat penting. Hal ini kerana segala keputusan dan tindakan yang dilakukan akan memberi kesan yang besar sekiranya raja atau pemerintah tersebut silap dalam membuat percaturan. Hal ini akan memberi kesan yang



FYP FTKW

buruk kepada sesebuah kerajaan sekiranya ditadbir oleh pemerintah yang bersikap sambil lewa. Maka, tindakan rasional perlu diambil bagi memastikan tiada kerugian yang berlaku. Rasional ialah pemahaman seseorang dalam mencapai keputusan yang baik kepada semua pihak (Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan, dan Bahiyah Abdul Hamid, 2018). Sikap raja atau pemerintah yang tangkas dapat membantu dalam memastikan sesebuah negara aman dan makmur kerana mereka dapat membuat keputusan yang betul dan tepat dalam memastikan kerajaan mereka terus makmur dan berfungsi. Raja atau pemerintah perlu bijak dalam segala mengatur tindak tanduk supaya tidak terjerat dalam sebarang masalah atau perkara yang boleh menjatuhkan negara.

Pemerintah atau raja dalam kerajaan Melayu terdahulu banyak menampilkan sikap-sikap raja yang terpuji. Hal ini boleh dilihat di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Perkara ini telah ditulis di dalam kisah *Tentera Bergajah* seperti petikan 37 di bawah:

> Petikan 37
> "…segera Raja Patani mengarahkan sekumpulan tentera kecil mengawal tempat gajah-gajah ini untuk berkumpul. Segala peralatan untuk mengalihkan gajah-gajah itu disediakan. Ada yang membuat beberapa kapal besar bagi memuatkan bilangan gajah yang masih tidak dijangkiti itu dan ada yang menyiapkan bekalan makanan sepanjang mereka berada di sana serta peralatan tentera mereka juga dibersihkan. Mereka saling membantu antara satu sama lain biarpun dalam keadaan sedang berperang waktu itu…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 73)

Berdasarkan petikan di atas, telah berlaku suatu pergolakan hebat di dalam kerajaan Patani di mana berlaku pergolakan di antara pemerintah dan para pembesar. Hal ini disebabkan oleh ketidakpuasan para pembesar terhadap perlantikan raja mereka yang dilihat tidak layak dan belum mencapai umur yang selayaknya untuk memerintah sebuah kerajaan. Hal ini telah mendatangkan ketidakpuasan hati kepada mereka dan mereka telah berpakat dengan musuh kerajaan Patani untuk menyerang kerajaan Patani. Beberapa strategi telah dirancang oleh musuh antaranya menyerang gajah-



FYP FTKW

gajah yang dimiliki oleh kerajaaan Patani dengan menyebarkan virus. Hal ini telah meresahkan Raja Patani kerana kerajaan tersebut telah diserang oleh musuh beberapa kali dan gajah-gajah tidak dapat digunakan disebabkan virus yang telah menyerang mereka. Disebabkan itu, Raja Patani telah melakukan pembincangan dengan para pembesar bagi mengatasi masalah ini. Namun, wujud cadangan iaitu memindahkan gajah-gajah tersebut di tempat yang tersembunyi dan dijaga oleh tentera kecil bagi mengurangkan lagi penyebaran virus. Hal ini telah dipersetujui oleh Raja Patani dan segera melakukan tindakan tersebut. Kesannya, gajah-gajah yang sihat dapat diselamatkan dan dapat digunakan untuk berperang. Akhirnya, kerajaan Patani dapat diselamatkan dan sistem keselamatan kerajaan Patani dapat diperbaiki. Hal ini turut diceritakan di dalam kisah *Kebijaksanaan Burung Hantu* pada petikan 38 di bawah:

> Petikan 38
> "…perkara ini telah mendatangkan marah dalam diri penduduk kerana habis semua haiwan peliharaan dibahamnya. Ianya telah menjadi mimpi ngeri penduduk kampung ketika itu. Semua penduduk kampung mula berkurung dalam rumah mereka kerana takut dengan burung garuda tersebut. Perkara ini telah membuatkan raja yang memerintah ketika itu merasa murka dengan sikap garuda tersebut. Bagi membunuh garuda itu, raja telah meminta semua askar dan hulubalang untuk menyerang garuda tersebut…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 88)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai kisah seekor garuda yang sering menganggu ketenteraman penduduk kampung kerana sering memakan haiwan ternakan. Raja merasa murka lalu mengarahkan para hulubalang untuk membunuh garuda tersebut tapi tidak berjaya. Lalu diciptakan suatu helah untuk menarik garuda lalu membunuhnya tetapi tidak juga berjaya. Perkara ini turut diceritakan di dalam kisah *Milik Siapakah Saka Itu?* Berdasarkan petikan 39 di bawah:

> Petikan 39
> "…selepas kejadian tersebut berlaku kepada Rahim dan Saiful, ketua kampung telah mengadakan satu perjumpaan bersama penduduk untuk menangani masalah yang berlaku di kampung mereka. Semasa perjumpaan diadakan, mereka memberitahu kelibat yang dilihat oleh Rahim dan Saiful itu kemungkinan saka menjelma sebagai dua orang budak. Ketua kampung juga melarang penduduk kampung agar tidak keluar sehingga lewat malam terutama melepak di tebing sungai. Mereka bertekad untuk mencari siapakah pemilik saka itu. Pernah suatu ketika dahulu penduduk kampung itu mendengar khabar angin



FYP FTKW

> bahawa di kawasan tebing sungai itu adalah tempat orang membuang saka dan hantu raya…”
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 46)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai kisah saka Pak Leman yang menganggu penduduk kampung akibat kebunnya telah dicerobohi oleh pencuri. Hal ini telah mendatangkan kerisauan kepada penduduk kampung sehingga menyebabkan ada penduduk kampung yang demam panas akibat diganggu saka Pak Leman. Namun saka tersebut tidak dapat diwariskan akibat Pak Leman yang telah meninggal dunia secara tiba-tiba. Kesannya, saka tersebut terus menganggu penduduk kampung tersebut. Hal ini turut berlaku dalam *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* berdasarkan petikan 40 di bawah:

> Petikan 40
>
> “…beting pasir yang dibina telah membuatkan kapal tersebut tidak mampu bergerak ke mana-mana. Ia telah membuatkan para lanun menjadi panik tidak tahu untuk melakukan apa-apa tindakan. Melihatkan kapal lanun telah tersekat semua pedagang turun bagi menangkap lanun-lanun tersebut. Mereka cuba untuk melarikan diri supaya tidak ditangkap oleh para pedagang tetapi tidak berjaya…”
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 12)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai Pengkalan Datu yang sangat maju sebagai pusat dagangan. Hal ini telah mendatangkan rasa iri hati terhadap beberapa pihak. Beberapa orang lanun telah merancangkan untuk menyerang Pengkalan Datu. Apabila mereka ingin mula menyerang tiba-tiba kapal mereka tersangkut. Hal ini mendatangkan rasa cemas pada lanun-lanun tersebut dan telah ditangkap. Namu atas belas kasihan Puteri Saadong lanun tersebut telah dibebaskan.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah raja yang tangkas. Hal ini dapat dilihat apabila kisah-kisah tersebut menceritakan mengenai pemimpin yang tangkas dalam melakukan tindakan. Sebagai seorang pemimpin, tindakan yang tangkas perlu dilakukan supaya tidak menganggu perkara-perkara lain yang sedang berlaku. Contohnya, sekirannya Raja Patani tidak bertindak pantas dalam



FYP FTKW

membuat keputusan untuk menyembunyikan gajah-gajah tersebut, sistem pertahanan pasti akan goyah kerana gajah-gajah tersebut lambat untuk pulih seperti sediakala.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat bagaimana kisah-kisah tersebut mengisahkan pemimpin segera membuat keputusan terhadap masalah yang dihadapi. Keputusan yang pantas dan tepat dapat mengurangkan risiko terhadap kerugian yang akan dialami oleh sesebuah kerajaan. Hal ini kerana sebarang keputusan pantas yang dilakukan memerlukan pengalaman dan penelitian yang mendalam bagi mengelakkan sebarang kerugian yang akan berlaku. Oleh hal yang demikian, ketangkasan dalam membuat keputusan perlu dilatih menerusi mengaktifkan diri dalam pelbagai persatuan atau kelab supaya dan melatih sikap tersebut kepada diri. Bukan itu sahaja. Menerusi penglibatan dalam aktiviti tersebut akan mengumpul pengalaman kepada seseorang sebelum menjadi seorang pemimpin yang sebenar. Maka, Pengkaedahan Moral ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca betapa pentingkan sifat tangkas ini diterapkan dalam diri seseorang terutamanya kepada seorang pemimpin.

4.2.4.3 Pemimpin yang Zalim

Kezaliman berlaku di mana-mana sahaja di seluruh pelusuk bumu. Kezaliman ini merupakan perkara yang akan membawa kemungkaran terhadap sesuatu kerajaan atau empayar yang dibina. Kezaliman ini wujud dalam bentuk pemerintahan. Raja yang mengamalkan pemerintahan 'kuku besi' memberikan ketakutan kepada rakyat. Menurut James Gribben (1972) kepimpinan merupakan suatu proses untuk mempengaruhi sebuah kumpulan bagi merangsang mereka untuk mencapat matlamat bersama. Hal ini kerana pemerintahan yang berbentuk seperti ini dapat menjadikan rakyat patuh terhadap raja dan kurang berani dalaam melakukan pemberontakan. Raja juga dapat membentuk sesebuah kerajaan dengan lebih mudah tanpa berlaku sebarang halangan



FYP FTKW

atau pemberontakan dari rakyat. Raja yang zalim sering menggunakan metod atau cara memerintah yang kejam. Antaranya membunuh sesuka hati, mengambil hak milik rakyat, melakukan hukuman yang kejam dan sebagainya dengan tidak memiliki sikap belas kasihan. Belas kasihan ialah sikap mempunyai rasa belas kasihan terhadap masyarakat yang mengalami kesusahan hidup (Adli Yacob & Khuzaihan Zakaria, 2008). Perkara seperti ini secara tidak langsung akan menjadikan rakyat patuh kepada raja dan mempunyai perasaan takut yang tinggi.

Kerajaan yang dipimpin oleh raja yang bersikap zalim ini tidak akan dipandang mulia oleh rakyat. Hal ini kerana rakyat akan berasa jelek dan benci terhadap raja yang tidak adil kepada mereka. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), adil ialah perlakuan, pertuturan dan keputusanyang saksama dan tidak berat sebelah. Sikap raja yang seperti ini bukan suatu contoh yang baik bagi dimiliki oleh seorang raja. Sikap seperti ini akan menjadikan pemerintah dipandang rendah oleh rakyat dan akan menyebabkan keamanan negara akan tergugat. Kezaliman dalam pemerintahan akan menyebabkan rakyat kehilangan kepercayaan kepada raja kerana kredibiliti pemerintah tidak dapat dihormati oleh masyarakat. Kezaliman yang dilakukan oleh raja kepada rakyat akan menyebabkan kesengsaraan yang lebih teruk kerana mereka yang menerima impak daripada pemerintahan tersebut.

Kezaliman yang berlaku di dalam pemerintahan dalam alam Melayu juga wujud secara tidak langsung. Hal ini kerana banyak catatan-catatan mengenai pemerintahan yang dikuasai oleh raja zalim. Raja kadang kala bertindak mengenakan ufti dan hukuman yang tidak masuk akal yang menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan sengsara. Terdapat juga beberapa raja yang lari ketika kerajaannya bertungkus lumus dalam mempertahankan kawasan mereka. Bukan sahaja terlihat mementingkan diri tetapi kezalimanya dapat dilihat kerana raja tidak berjuang bersama rakyatnya dan memilih untuk melarikan diri.



FYP FTKW

Kezaliman seorang raja bukan sesuatu yang asing dalam alam Melayu. Hal ini dapat dilihat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* karya Mohd Firdaus Che Yaacob. Perkara ini diceritakan di dalam kisah *Kezaliman Seorang Raja* berdasarkan petikan 41 di bawah:

> Petikan 41
> "…diceritakan bahawa Sultan Abdul Rahim merupakan raja yang ke-10 dalam salasilah pemerintahan dan pentadbiran raja- raja di negeri Kelantan. Baginda juga merupakan raja yang keempat dalam sistem pemerintahan kerajaan Jembal Kelantan yang dikatakan berpusat di Kota Mahligai. Semasa pemerintahan di bawah naungan baginda Sultan Abdul Rahim, Kota Mahligai tidak lagi aman seperti sediakala kerana telah berlakunya kezaliman dan kejahatan Sultan Abdul Rahim terhadap rakyat jelatanya. Sultan Abdul Rahim dikatakan telah menyeksa rakyat jelata dan memeras ugut atas hasil pertanian mereka…."
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 75)

Petikan di atas menceritakan mengenai Puteri Saadong telah memberikan kerajaannya kepada Sultan Abdul Rahim setelah kematian suaminya. Suami Puteri Saadong telah mati akibat daripada tikaman yang telah dibuat oleh Puteri Saadong akibat tidak setia kepadanya. Puteri Saadong berasa hiba dan mengambil keputusan bersemayam di Bukit Marak. Di bawah pemerintahan Sultan Abdul Rahim, beliau telah mentadbir kerajaan dengan sangat kejam. Sultan Abdul Rahim telah memeras ugut dan menyeksa rakyatnya dengan kejam. Hal ini telah mendatangkan ketidaktenteraman kepada kerajaan tersebut. Ramai daripada rakyat telah mengambil keputusan untuk berpindah dari kerajaan tersebut kerana tidak tahan akan siksaan yang dihadapi oleh mereka. Puteri Saadong yang ketika itu sedang bersemayam berasa terganggu dan telah mengambil keputusan untuk berpindah dari Bukit Marak ke Gunung Ayam. Disebabkan kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Abdul Rahim, Sultan Omar telah murka dan bertindak untuk menyerang Sultan Abdul Rahim. Akibatnya, Sultan Abdul Rahim berjaya dibunuh dan kerajaan tersebut berjaya dibaiki.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah raja yang zalim. Hal ini dapat dilihat apabila Sultan Abdul Halim memerintah kerajaan Kelantan pada ketika itu dengan zalim. Beliau telah memeras ugut rakyat di atas hasil pertanian yang



FYP FTKW

diperoleh oleh rakyat. Hal ini mendatangkan kemarahan kepada rakyat dan menyebabkan mereka lari daripada kerajaan tersebut. Hal ini ini seringkali berlaku kepada kerajaan yang memeiliki pemimpin yang tidak memiliki sikap simpati dan dan ikhsan. Mereka akan melakukan apa sahaja demi mendapat sesuatu yang diinginkan meskipun terpaksa mengorbankan orang lain. Sikap pemimpin seperti ini tidak boleh wujud dalam diri pemimpin kerana pemimpin bertanggungjawab untuk melindungi orang bawahan daripada mengalami kesusahan dan bukan mengambil kesempatan atas kuasa yang diperoleh. Sikap seperti ini seharusnya dibendung dan ditolak kerana kelak ia akan merugikan diri. Masyarakat juga akan membenci pemimpin tersebut dan tidak sudi untuk bekerjasama sekiranya kerajaan tersebut diserang oleh negra luar. Maka, fenomena sosial seperti ini merupaka suatu contoh yang tidak harus dicontohi oleh orang lain.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat apabila Sultan Abdul Halim bersikap kejam, terhadap rakyat. Sifat seperti ini perlu dielakkan oleh seseorang bagi membina hubungan yang baik dengan orang lain. Sebagai seorang manusia, kita perlu memiliki sifat prihatin dan empati terhadap orang lain kerana sifat tersebut menjadikan orang lain lebih selesa dengan kita. Masyarakat Melayu juga tidak seharusnya memiliki sifat ini dalam komuniti bagi menjaga hubungan dengan orang lain. Maka, Pendekkatan moral ini dapat memberikan contoh yang terhadap sikap yang tidak diikuti oleh manusia.

#### 4.2.4.4 Pemimpin yang Bersiap Siaga

Kecuaian merupakan perkara yang sering terjadi pada mana-mana manusia. Kecuaian adalah sifat semulajadi manusia. Kecuaian berlaku disebabkan sikap memandang rendah atau tidak peka terhadap beberapa perkara. Kecuaian sering berlaku ketika seseorang melakukan kerja. Kesan kepada kecuaian yang berlaku akan menyebabkan



FYP FTKW

kerugian atau kecerderaan. Kecuaian perlu dielakkan dalam mana-mana perkara yang dilakukan. Kecuaian bukan sahaja merugikan diri tetapi akan memberi kesan buruk kepada orang lain juga. Kesuaian yang melampau perlu dielakkan supaya tidak dijadikan sebagai suatu sikap kepada diri. Sekiranya kecuaian menjadi kebiasaan kepada diri, ditakuti kecuaian itu akan sentiasa diulanggi sehingga mendapat keburukan kepada diri. Oleh yang demikian, kecuaian perlu diatasi oleh seseorang yang mengalami masalah ini kerana ia akan mempengaruhi persepsi orang terhadap diri seseorang. Pemimpin perlu memiliki rasa tanggunjawab ke atas diri sendiri bagi memastikan amanah yang dipegang dilakukan dengan baik. Pemimpin bertanggungjawab dalam melakukan tugasan yang dipikul dengan melakukannya dengan penuh komited, bersungguh-sungguh dan bersemangat. (Hashim Musa, 2008). Maka, fokus yang penuh perlu diberikan dan peka terhadap setiap perkara yang dilakukan bagi mengelakkan sebarang kecuaian.

Oleh hal yang demikian, sikap kecuaian itu perlu diganti dengan sikap sentiasa bersiap siaga terhadap sesuatu kemungkinan. Seorang pemimpin perlu mempunyai sikap peka dan memandang lebih jauh ke hadapan dalam mengenalpasti sebarang keberangkalian yang berlaku bagi mengelakkan masalah pada masa hadapan. Menurut Aminuddin Mohd Yusof (1970) pemimpin perlu memberikan sepenuh perhatian terhadap tugas-tugas pemerintah yang memerlukan keupayaan teknikal dan memerlukan perhatian bagi mencapai piawaian rakyat. Bagi mengatasi masalah ini, pemimpin perlu ikhlas dalam menerima amanah yang dipegang kerana perkara ini akan menyebabkan pemimpin lebih peka dalam melakukan tugasan. Menurut Mohd Ali Hashimi (1992), keikhlasan bermaksud pemimpin rela melakukan amanah yang diberi tanpa mengharapkan balasan.

Pemerintah yang cuai akan menyebabkan kehancuran kepada negara. Perkara ini telah dikisahkan di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang *bertajuk Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Perkara ini diceritakan di dalam kisah *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* berdasarkan petikan 42 di bawah.



FYP FTKW

Petikan 42

"…beting pasir yang dibina telah membuatkan kapal tersebut tidak mampu bergerak ke mana-mana. Ia telah membuatkan para lanun menjadi panik tidak tahu untuk melakukan apa-apa tindakan. Melihatkan kapal lanun telah tersekat semua pedagang turun bagi menangkap lanun-lanun tersebut. Mereka cuba untuk melarikan diri supaya tidak ditangkap oleh para pedagang tetapi tidak berjaya…"

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 12)

Petikan di atas menceritakan mengenai Pengkalan Datu yang ditadbir oleh Puteri Saadong merupakan sebuah tempat perdagangan di negeri Kelantan yang sangat makhsyur pada ketika itu. Hal ini kerana banyak perdagang yang datang berdagang di Pengkalan Datu berasa selamat dan selesa disebabkan oleh sistem pertahanan yang mantap. Kepesatan dan kemajuan Pengkalan Datu telah mendatangkan rasa iri hati dan tidak senang kepada beberapa pihak. Terdapat lanun yang merancang untuk menyerang Pengkalan apabila air sudah surut. Mereka telah melakukan serangan seperti mana yang telah dirancang. Apabila mereka ingin sampai ke pelabuhan Pengkalan Datu, mereka terkejut kerana kapal mereka tidak dapat bergerak. Hal ini telah mendatangkan kegusaran kepada kapten kapal dan mengarahkan anak kapal untuk memeriksa kapal. Rupanya kapal mereka telah tersekat pada benteng pasir yang dibuat oleh pihak Pengkalan Datu. Askar segera menangkap lanun tersebut dan membawa mereka berjumpa dengan Puteri Saadang. Para lanun merayu kepada Puteri Saadong supaya melepaskan mereka daripada ditangkap. Puteri Saadong berfikir sebentar dan mengambil keputusan untuk melepaskan mereka. Namun, beliau telah meletakkan syarat kepada lanun tersebut supaya tidak menyerang Pengkalan Datu lagi. Para lanun berasa bersyukur dan tidak lagi menganggiu Pengkalan Datu.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah raja yang bersiap siaga. Hal ini dapat dilihat apabila negeri Kelantan telah diserang oleh lanun. Namun, dibebkan oleh sikap pemerintah yang bersiap siaga, mereka telah memasang perangkan agar lanun tersebut tidak dapat mendekati negeri mereka. Kesiapsiagaan terhadap ancaman itu perlu dilakukan bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini berlaku dan dapat menyelamatkan diri daripada ditimpa musibah. Dalam melakukan



FYP FTKW

pelbagai hal, kesiapsiagaan perlu ada dalam sikap seseorang terutamanya pemimpin. Fenomena sosial ini akan menyelamatkan lebih ramai orang daripada ditimpa masalah.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini kerana sikap kesiapsiagaan yang dimiliki oleh Puteri Saadong tersebut harus dijadikan ikutan kepada pemimpin bagi mentadbir sesebuah negara supaya menjadi lebih aman dan makmur. Pendekatan Moral ini akhirnya akan memberi teladan yang baik kepada orang lain.

4.2.4.5 Perkahwinan Demi Menguatkan Kekuasaan

Perkahwinan merupakan penyatuan di antara lelaki dan wanita dengan ikatan yang sah. Ikatan yang disatukan wujud atas rasa ikhlas yang timbul di dalam diri. Perasaan ikhlas wujud berdasarkan keluhuran hati yang dizahirkan perbuatan mulia oleh seseorang individu. (Noresah Baharom, 2010). Perkahwinan disambut berdasarkan kepada budaya dan adat setempat. Bangsa Melayu menyambut perkahwinan dengan membuat kenduri yang besar bagi meraikan pasangan pengantin. Pasangan akan diraikan dengan diiringi paluan kompang dan beberapa persembahan silat yang dilakukan oleh masyarakat setempat. Antara adat yang mesti dilakukan kepada pengantin ialah merenjis air mawar kepada pengantin bagi memberikan keberkatan kepada pengantin. Kemudian pengantin akan dijamu dengan makanan di meja beradap dan bersantap di sana. Perkahwinan ini wujud di atas rasa cinta dan kasih sayang di antara lelaki dan wanita dan tiada sebarang paksaan yang dilakukan untuk bersama kerana perkahwinan merupakan suatu fasa baharu dalam kehidupan. Kasih sayang merupakan sebuah perasaan halus dan belas kasihan yang timbul dalam hati terhadap orang lain dan berusaha meringankan bebanan yang dihadapinya. (Norita Arifin, 2006)

FYP FTKW

Dalam menjaga keturunan, perkahwinan amat digalakkan supaya keturunan tersebut tidak terputus dan terus berkembang hingga ke penghujung dunia. Hal ini turut dilakukan oleh keturunan diraja kerana keturunan ini perlu sentiasa wujud supaya takhta kerajaan tidak jatuh ke tangan yang salah. Menurut Mustaffa Suhaimi (1993), kepimpinan wujud menerusi kegiatan manusia dalam masyarakat dengan terbentuknya unit pertama daripada kumpulan manusia menerusi sistem kekeluargaan dan membentuk masyarakat dan negara.

Perkara ini telah dikisahkan di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Perkara ini diceritakan di dalam kisah *Kota Jembal* berdasarkan petikan petikan 43 di bawah:

> Petikan 43
> "…kemudian diceritakan lagi bahawa keturunan Raja Jembal ini akhirnya telah dikembangkan apabila Raja Besar mengahwinkan Raja Sakti dengan Puteri Mani Kemenyan. Maka dari situ bermulanya perkembangan salasilah Raja Jembal di Kelantan. Sejak dari itu, Kelantan mula berkembang maju dan pesat melalui aktiviti perdagangan…."
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 9)

Petikan di atas menceritakan mengenai rombongan yang datang ke Kedai Lalat telah berhijrah dari Kedah. Mereka merupakan rombongan diraja daripada keturunan Raja Bersiong yang lari daripada kerajaan disebebkan berlaku pergolakan di sana. Mereka tida di Kedai Lalat setelah meredah sungai di Pengkalan Datu. Setelah penat berjalan, mereka berehat di sekitar Sungai Pengkalan Datu tersebut. Raja yang ketika itu membawa beberapa hulubalang dan cucunya telah berfikir mengenai hasratnya untuk membuka sebuah penempatan. Cucunya yang masih bertenaga telah bermain dengan riang di bawah pokok jambu. Mereka berehat di pohon pokok jambu setelah penat bermain. Setelah habis berfikir, beliau telah mengambil keputusan untuk membina sebuah penempatan di kawasan tersebut. Beliau telah mengarahkan para hulubalang untuk bersiap membuat penempatan di tempat tersebut. Setelah tahun ke tahun, penempatan yang dikenali sebagai Kota Jembal berdasarkan kepada peristiwa cucu



FYP FTKW

baginda yang lelap di bawah jambu atau dipanggil sebagai pokok Jembal telahmaju secara berperingkat. Semakin ramai masyarakat yang mula membina penempatan di tempat berkenaan. Raja juga telah menunbuhkan Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan bagi menguatkan lagi keutuhan keluarga kerabat Raja Jembal dan identiti keluarga berkenaan. Cucu baginda iaitu Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan telah disatukan bagi mengembangkan lagi keturunan Raja Jembal.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah perkahwinan demi menguatkan kekuasaan. Hal ini dapat dilihat apabila Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan telah dikahwinkan. Hal ini merupakan perkara yang perlu dilakukan bagi menguatkan lagi kekuasaan sesuatu pemerintahan. Hal ini kerana dalam pemerintahan diraja, takhta akan diberikan kepada pewaris bagi mentadbir pada masa kan datang. Maka melalui perkahwinan, pemerintahan dapat dikukuhkan menerusi kewujudan pewaris. Makan fonomena sosial ini memperlihatkan bagaimana kerajaan diraja itu memperkuatkan kekuasaan kerajaan melalui perkahwinan.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Keagamaan yang memfokuskan kepada Pendekatan Kemasyarakatan. Hal ini dapat dilihat apabila perkahwinan antara Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan dilakukan bagi menguatkan kekuasaan empayar pemerintahan. Perkahwinan merupakan perkara yang dituntut dalam agama bagi meneruskan salasiah keluarga. Maka, Pendekatan Kemasyarakatan ini penting bagi mengukuhkan salasiah keluarga di masa akan datang.

4.2.4.6 Kerajaan yang Tidak Kukuh

Kerajaan dapat berdiri berdiri kukuh menerusi pemerintahan yang yang diyakini dan berkaliber. Kerajaan yang kukuh ini mesti diketuai oleh pemerintah yang boleh dipercayai oleh rakyat. Hal ini kerana pemerintah yang tidak mempunyai kepercayaan daripada rakyatnya akan mudah untuk dijatuhkan sama ada oleh rakyat atau kakitangan



FYP FTKW

pemerintah. Menurut Mayer & et.al (1995), faktor terhadap pembinaan kepercayaan terhadap seseorang berdasarkan tiga ciri iaitu kemampuan, intergriti dan baik hati. Tindakan tidak rasional oleh pemimpin menjadikan faktor kegoyahan dalam pimpinannya. Pemimpin perlu memiliki perlakuan berhati-hati dalam membuat sebarang pertimbangan supaya tidak merugikan orang lain (Adli Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008) Oleh hal yang demikian, untuk menjadi sebagai pemerintah, seseorang itu perlu mencapai beberapa ciri-ciri untuk menjadi sebagai seorang pemimpin. Antaranya ialah mesti mencapai umur yang ditetapkan. Hal ini kerana pemimpin negara perlu dilihat sebagai orang yang dihormati daripada sudut fizikal dan pemikiran. Sekiranya pemimpin dilantik daripada golongan kanak-kanak akan menjadikan rakyat tidak yakin dan tiada rasa hormat disebabkan pemimpin tersebut tidak dilihat sebagai orang yang dihormati. Hormat didefinisikan sebagai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberi layanan yang sopan, khidmat dan takzim. (*Kamus Dewan,* 2005)

Perkara ini telah dikisahkan di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantamn*. Perkara ini diceritakan di dalam kisah *Pengunduran Raja Patani* berdasarkan petikan 44 di bawah:

> Petikan 44
> "…adapun tidak seberapa lama baginda sultan gering. Sultan Ismail Shah Zolallah Fi' Alam telah pun mangkat. Kemangkatan baginda ditangisi oleh seluruh rakyat jelata. Setelah kemangkatan Sultan Ismail ini diangkat pula anaknya sebagai pemerintah negeri menggantikan raja. Anaknya yang masih muda telah diangkat sebagai raja. Pelantikan takhta pemerintahan yang baru ini menimbulkan rasa iri hati para pembesar negeri. Perasaan iri antara pembesar menyebabkan berlakunya komplot untuk menjatuhkan raja di atas takhta pada ketika itu. Para pembesar telah mengirimkan utusan kepada beberapa negeri yang terdiri daripada musuh negeri Patani. Para pembesar berjaya memujuk raja negeri Kubang Labu dan negeri Legas untuk menakluki negeri Patani kerana mereka tidak ingin raja baharu ini memerintah mereka. Hal ini kerana mereka tidak yakin dengan kebolehan yang ada pada anak almarhum Sultan Ismail ini. Mereka merasakan tidak sesuai kedudukan anak muda seperti itu diangkat sebagai sultan. Mereka merasakan kedudukan mereka tergugat dengan adanya sistem pemerintahan yang baharu…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 79)



FYP FTKW

Berdasarkan petikan di atas, kerajaan Patani dahulunya ditadbir oleh Raja Phya Tu Nakpa atau dikenali sebagai Sultan Ismail Shah Zolallah Fi" Alam setelah memeluk agama Islam. Beliau mentadbir negara dengan penuh dedikasi dan hebat sehingga kerajaan Patani dilihat sangat gah di mata dunia. Bukan itu sahaja, kemegahan dan kemahsyuran negeri Patani ini juga dipandang hebat berdasarkan strategi peperangan yang hebat sehingga digeruni oleh penakluk lain. Setelah beberapa tahun lamanya, Sultan Ismail Shah Zilallah Fi' Alam telah gering. Hal ini mendatangkan kegusaran dan kesedihan kepada rakyat Patani. Akhirnya, raja telah mangkat. Pewaris bagi takhta pemerintah Patani telah diberi kepada anaknya. Namun, beberapa isu timbul apabila pengganti Raja Patani yang baharu tidak layak menjawat gelaran tersebut disebabkan beliau masih terlalu muda. Hal ini telah menyebabkan berlaku perselisihan faham dan pemberontakan dikalangan pembesar. Akhirnya, pelbagai serangan telah dilakukan kepada kerajaan Patani sama ada dari luar atau dalam. Hal ini telah menyebabkan Raja Patani berundur bersama beberapa pengikutnya ke sebuah penempatan yang baharu.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah kerajaan yang tidak kukuh. Hal ini dapat dilihat apabila selepas kemangkatan Sultan Ismail, takhta telah dikurniakan kepada anaknya yang dilihat belum dianggap layak pada ketika itu disebabkan umurnya yang sangat muda. Perkara ini seharusnya dielakkan bagi menjaga politik semasa kerana ia boleh mengoyahkan pemerintahan negara. Bukan sehaja tidak dihormati tetapi akan setiap keputusan yang dilakukan oleh pemerintah tersebut akan diragui dan dipertikaikan. Maka, fenomena sosial seperti ini seharusnya dielakkan oleh orang lain.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat menerusi pelantikan pemimpin yang tidak layak memimpin negara. Dalammelantik seseorang pemimpin, mereka harus menepati ciri-ciri yang tertentu. Pemimpin tidak harus dilantik berdasarkan pewarisan semata-mata kerana ditakuti terdapat kekurangan yang menyebabkan mereka tidak layak



FYP FTKW

memimpin. Maka, Pendekatan Moral ini dapat mendedahkan mengenai bertapa pentingnya pemimpin yang dilantik mesti memiliki kriteria yang lengkap untuk menjadi seorang pemmimpin

4.2.4.7 Pemimpin yang Bijaksana

Ciri yang perlu ada pada setiap pemimpin ialah mereka perlu memiliki sikap bijaksana pada diri mereka. Dijaksana didefinisikan sebagai seorang yang berakal budi, arif, pandai, berhati-hati dan cerdik. (*Kamus Dewan,* 2005*)*Hal ini kerana pemimpin yang bijaksana dapat membawa negara ke suatu tahap yang lebih tinggi menerusi kebijaksaan yang dimiliki. Menurut Ismail Noor (2000) definisi bagi kepimpinan ialah penumpuan terhadap sumber-sumber yang bermatlamat ke arah yang bermanfaat menerusi tindakan yang dilakukan. Kebijaksanaan berikut akan membantu dalam menjana pelbagai idea yang dapat meningkatkan darjat negara di peringkat dunia. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kebijaksaan pimpinan negara Malaysia ketika di zaman pemerintahan Dr Mahathir Mohamad. Idea-idea beliau yang bernas telah menaikkan martabat negara Malaysia di mata dunia menerusi beberapa pembinaan bangunan ikonik negara dan kemajuan yang telah dilakukan olehnya. Menurut Muhd Norizam Jamian (2012), gabungan ilmu, akal dan amal yang terpuji menghasilkan kebijaksanaan kepada seseorang. Kebijaksaan seperti ini memberi kebaikan kepada semua pihak. Semakin banyak peluang pekerjaan yang dapat dibuka dan rakyat dapat hidup dengan memiliki kerjaya dan kehidupan yang lebih stabil.

Perkara ini telah dikisahkan di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Perkara ini diceritakan di dalam kisah *Tengku Mahmud Mahiyuddin* berdasarkan petikan 45 di bawah:

FYP FTKW

Petikan 45

"….kegiatan Jepun yang semakin berleluasa dengan aktiviti penaklukan di seluruh Tanah Melayu telah membuatkan kerajaan Patani mulai rasa kedudukannya di Kelantan terancam. Hal ini telah membuatkan Patani pada ketika itu membuat perjanjian dengan pihak British. Maka wujudlah perjanjian tahun 1909, di mana telah termaktub dalam perjanjian ini bahawa British akan mendapat hak di tanah jajahan di negeri-negeri Pantai Timur…"

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 64)

Petikan di atas menerangkan mengenai kerajaan Patani memiliki seorang raja yang bernama Tengku Mahmud Muhiyuddin. Beliau telah memimpin kerajaan Patani dengan baik sekali. Beliau merupakan seorang raja yang sangat berani dan bijak dalam mengatur strategi penaklukan. Namun apabila datang tentera Jepun ke Tanah Melayu, segala-galanya telah berubah. Tentera Jepun telah menggunakan Patani sebagai jalan masuk untuk memasuki ke Tanah Melayu. Hal ini telah mendatangkan kerisauan terutamanya Raja Patani kerana risau kedudukannya di Kelantan terancam pada ketika itu. Oleh sebab itu, Tengku Mahmud Muhiyuddin telah telah membuat perjanjian dengan tentera British supaya mendapat perlindungan daripada mereka. Maka, wujudlah perjanjian pada tahun 1909 di mana British mendapat hak tanah jajahan di negeri-negeri Pantai Timur. Hal ini telah mendatangkan kemarahan kepada Jepun atas pembelotan yang dilakukan. Jepun telah menyerang Patani tetapi telah dibantu oleh pihak British. Perkara sama turut diceritakan di dalam kisah *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* berdasarkan petikan 46 di bawah:

Petikan 46

"..semasa pemerintahannya, baginda Raja Sakti telah menjadi raja di kedua-dua negeri iaitu Kelantan dan Patani setelah baginda berjaya menewaskan Ratu Kuning dan bertindak menyerang Patani. Hal ini kerana Raja Kuning dan Patani ingin menguasai pemerintahan Raja Sakti pada ketika itu namun tidak berhasil dan akhirnya mereka tewas…"

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 76)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai kisah seorang raja iaitu Raja Sakti yang telah berkahwin dengan Puteri Mani Kemenyan dan ditabal sebagai raja pertama dalam kerajaan Jembal Kelantan. Sepanjang pemerintahannya, beliau telah menguasai dua negeri iaiti Kelantan dan Patani. Beliau juga telah memulakan pewarisan



FYP FTKW

pemerintahan berdasarkan kepada nasab keturunan keluarga. Di akhir hayat beliau dan isteri telah berangkat ke Sungai Babong lalu menghilangkan diri. Perkara sama turut berlaku di dalam kisah *Rumah Api Penyelamat Saudagar* berdasarkan petikan 47 di bawah:

> Petikan 47
> “..saudagar cuba menenangkan anak- anak kapalnya agar tidak cemas menghadapi situasi begitu biarpun hatinya juga tidak tenang melihatkan kejadian sebegitu. Anak-anak kapal mulai mengemudi kapal agar tidak terpesong daripada laluan sebenar…”
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 22)

Bedasarkan petikan di atas menceritakan terdapat seoang saudagar yang sangat kaya. Pada suatu hari beliau merancang untuk berlayar. Maka dikumpulkan beberapa orang anak kapal untuk belayar. Semasa pelayaran, beliau tidak menemui sebarang daratan yang boleh dijadikan sebagai tempat persinggahan dan menambah bekalan makanan. Pada suatu hari, ribut berlaku dan telah menjejaslkan pelayaran tersebut. Akibatnya bekalan makan semakin berkurang namun mereka tetap meneruskan pelayaran dan akhirnya mereka menjumpai kawasan yang sesuai untuk berlabuh akibat ternampak sebuah rumah api.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah raja yang bijaksana. Hal ini dapat dilihat apabila pemimpin di dalam kisah kisah tersebut menunjukkan sikap dan perlakuan yang bijak dalam memastikan kepimpinannya dihormati dan disanjung. Sikap bijaksana perlu ada pada pemimpin supaya mereka dapat membuat keputusan dengan bijak dan tidak terburu-buru sehingga merugikan kerajaan. Fenomena sosial seperti ini harus wujud dalam diri pemimpin supaya setiap tindakan yang dibuat akan menguntungkan rakyat.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral.Hal ini dapat dilihat menerusi sikap pemimpin di dalam kisah-kisah tersebut menunjukkan kebijaksanaan masing-masinhg dalam memimpin. Kebijaksanaan dalam membuat keputusan akan memberikan kesan yang yang baik



FYP FTKW

kepada diri dan orang lain. Pendekatan Moral ini seharusnya dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

#### 4.2.4.8 Pemilihan Pemimpin yang Berkaliber

Sebelum memilih seorang pemimpin, mereka perlu melihat sifat-sifat kepimpinan pada seseorang itu. Menurut Imam Abul-Hassan al-Mawardi (1985), kepimpinan yang baik mesti memiliki syarat tersebut iaitu adil, berilmu pengetahuan, sempurna pancaindera, tidak cacat, kemampuan berfikir yang luar biasa, berani dan kuat serta dalam keturunan yang mulia. Bukan itu sahaja, pemimpin tersebut perlu memiliki pemikiran yang rasional kerana ia merupakan kemampuan untuk melakukan pertimbangan yang sewajarnya. (Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid dan Ani Omar, 2018). Pemilihan pemimpin yang berkaliber dapat memastikan sesebuah organisasi itu dipimpin oleh orang yang tepat dan berkelayakan. Pemimpin mempunyai beberapa sifat dan sikap yang tertentu dan boleh dilihat dan dinilai oleh masyarakat. Kesilapan dalam melihat dan menilai seseorang untuk menjadi pemimpin akan menyebabkan sesuatu organisasi atau negara akan menjadi huru hara dan tidak terurus disebabkan pemimpin tersebut tidak berkaliber. Penilaian terhadap pemimpin itu perlu dilihat dari segi sikap, pengalaman, pendidikan dan sebagainya. Menurut Muhammad Nur Al-Hakim Muhamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), tindakan berkhemah yang dilakukan oleh pemimpin menerusi perlaksanaan perkara yang betul dan bermanfaat kepada masyarakat. Daripada ciri-ciri tersebut, mana-mana orang yang memenuhi kriteria tersebut layak untuk diangkat sebagai peminpin dan menerajui sesebuah organisasi atau negara. Pemimpin yang berkaliber dapat dilihat berdasarkan reputasi yang ditunjukkan di dunia luar. Pemimpin yang aktif terhadap aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ini juga akan membantu lagi kepercayaan seseorang dalam memilih pemimpin yang berkaliber.

FYP FTKW

Hal ini boleh dilihat di dalam karya Mohd Firdaus Che Yaacob yang bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Perkara ini telah ditulis di dalam kisah *Terhempasnya Zero Fighter di Ti Lebar* seperti petikan petikan 48 di bawah:

> Petikan 48
> "…mereka telah mencadangkan agar ketua kampung dilantik bagi mewakili penduduk kampung yang lain untuk berurusan dengan tentera Jepun pada ketika itu. Mereka sebulat suara telah memilih Pak Wan Lebar sebagai ketua kampung di Pengkalan Datu. Pak Wan Lebar dikagumi penduduk kerana mempunyai sifat seorang pemimpin selain mempunyai ilmu dalam bidang pendidikan kerana Pak Wan Lebar merupakan seorang guru di sekolah sekular. Segala kemusykilan dan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung di situ akan dimaklumkan kepada Pak Wan Lebar. Di Kampung Pengkalan Datu itu juga, penduduk tidak bersengketa sesama sendiri biarpun di situ terdapat pelbagai bangsa yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Penempatan mereka juga dibina dengan jarak tidak jauh…."
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 20)

Petikan di atas menerangkan mengenai Pengkalaan Datu merupakan sebuah pekampungan yang didiami oleh beberapa buah keluarga darpada pelbagai bangsa. Kegiatan harian mereka ialah bercucuk tanam, mencari hasil hutan, menangkap ikan dan memburu binatang bagi melangsungkan kehidupan harian. Keadaan di kawasan tersebut sangat aman dan harmoni. Pada suatu hari, terdengar ura-ura yang mengatakan mengenai kedatangan Jepun ke kawasan mereka yang semakin dekat. Hal ini mendatangkan kebimbangan kepada penduduk kampung. Oleh itu, Pak Wan Lebar telah dilantik oleh penduduk kam dan akan berunding dengan tentera Jepun. Pelantikan beliau dipersetujui oleh orang ramai disebabkan oleh sifaf kepimpinan yang dimiliki dan ilmu pendidikan yang dimiliki oleh beliau yang bekerja sebagai cikgu. Segala rundingan telah dilakukan oleh dengan pihak Jepun hingga suatu hari pihak Jepun telah mengisytiharkan darurat pada ketika itu. Penduduk kampung telah bersembunyi di rumah masing bagi mengelakkan diri daripada ditangkap oleh pihak Jepun. Keesokannya, masyarakat kampung Pengkalan Datu telah menjalani kehidupan seperti biasa. Ketika mereka sedang leka menjalani kehidupan mereka, secara tiba-tiba sebuah kapal pejuang yang diberi nama *zero fighter* telah terhembas di sekitar kampung



FYP FTKW

tersebut. Hal ini telah membuatkan suasana menjadi kecoh. Pak Wan Lebar sekali lagi menjalankan tanggungjawab sebagai ketua kampung untuk memeriksa kapal tersebut bersama-sama penduduk kampung yang lain. Akhirnya, kapal tersebut dijumpai terhempas di sebuah rumah yang dimiliki oleh bangsa Cina yang bernama Tok Mek Pok. Hal ini juga diceritakan di dalam kisah *Sekumpulan Tupai* berdasarkan petikan 49 di bawah:

> Petikan 49
> "…beliau merupakan seorang ulama terkenal di sekitar Patani pada ketika itu dan dilantik menjadi raja atas sebab memiliki ilmu agama yang dikagumi oleh masyarakat…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 85)

Berdasarkan petikan di atas menceritakan mengenai seorang penduduk di Kampung Pulau Gajah yang merupakan seorang Raja Patani. Beliau dilantik sebagai Raja Patani akibat memiliki ilmu agama yang tinggi. Beliau merupakan seorang ulama di kawasan tersebut. Beliau sentiasa dihormati atas ilmu agama yang dimiliki dan sering menghadiri majlis-majlis ilmu yang diadakan di sekitar Patani. Hal sama turut diceritakan di dalam kisah *Kehebatan Laksamana Laut* berdasarkan petikan 50 di bawah:

> Petikan 50
> "…iaitu Laksamana Che Deraman dilantik sebagai laksamana oleh Raja Kelantan kerana sikapnya yang berani dan saiz badan beliau yang gagah perkasa dan sasa. Terdapat beberapa orang laksamana lain…"
>
> (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 62)

Berdasarkan petikan menceritakan mengenai kehebatan Laksamana Che Deraman. Beliau sering berlayar terutamanya ke Siam untuk menghantar bunga emas kepada kerajaan Siam. Beliau dilantik sebagai laksamana oleh Raja Kelantan disebabkan mempunyai sifat berani dan saiz badan yang besar dan sasa. Beliau ditugaskan untuk melindungi raja untuk mengelakkan daripada disamun.

Fenomena sosial yang telah dikenalpasti di dalam kisah ini ialah pemilihan pemimpin yang berkaliber. Hal ini dapat dilihat pada pemilihan setiap pemimpin di dalam kisah-kisah berikut memiliki sifat kaliber yang tersendiri. Dalam pemilihan pemimpin,



FYP FTKW

calon tersebut mesti mempunyai daya tarikan berkaliber untuk dilantik sebagai pemimpin.. Fenomena sosial ini perlu diamalkan bagi memilih pemimpin yang tepat.

Dalam kisah ini, penulis telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaedahan yang telah digunakan ialah Pengkaedahan Alamiah yang memfokuskan kepada Pendekatan Moral. Hal ini dapat dilihat mengenai latar belakang setiap pemimpin di dalam kisah-kisah berikut yang mempunyai kualiti sebagai pemimpin. Pemimpin yang berkaliber dapat memberi dorongan kepada masyarakat untuk dipilih oleh mereka sebagai pemimpin. Hal ini akan menjadi contoh kepada orang lain untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Pendekatan moral ini ini dilihat membantu dalam memastikan seseorang perlu mempunyai ciri-ciri tertentu untuk menjadi seorang pemimpin.

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.3 Penutup

Secara keseluruhan, kajian yang dilakukan oleh pengkaji mengenai fenomena sosial yang terdapat di dalam cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah membuka kepada pendedahan mengenai fenomena sosial yang telah berlaku di dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Fenomena sosial yang telah berlaku perlu diambil ikhtibar oleh masyarakat pada masa kini untuk menjauhi perkara-perkara yang membawa kepada suatu perlkuan buruk yang boleh memberikan kesan bukan sahaja kepada diri tetapi juga pada persekitaran. Manakala fenomena sosial yang boleh dicontohi perlu diangkat kembali supaya kegemilangan dan kehebatan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dibangkitkan semula. Fenomena sosial ini telah diadaptasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menonjolkan lagi falsafah kehidupan Melayu menerusi kajian ini. Fenomena sosial ini telah memberikan sedikit sebanyak pengajaran dan tauladan yang boleh diamalkan dalam kehidupan.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 5

## Rumusan, Cadangan dan Penutup

### 5.1 Pengenalan

Dalam bab 5, rumusan komprehensif kajian akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bahagian oleh pengkaji supaya dapat memberi penerangan terhadap apa yang telah diperoleh oleh pengkaji. Pengkaji juga dapat membuat kesimpulan terhadap hasil yang diperoleh berdasarkan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji sejak awal kajian dan persoalan kajian dapat dijawab oleh pengkaji mengikut kepada susun atur yang tepat. Selain itu, dalam bahagian ini pengkaji dapat memberi beberapa cadangan dan saranan yang bernas bagi memeperkasakan lagi kajian-kajian yang akan dibuat pada masa akan datang berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang dihasilkan dengan penuh tekun oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021. Hal ini demikian kerana penghasilan kajian yang dijalankan ini telah membantu pengkaji dalam memperoleh data-data yang lengkap berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian. Dalam pada itu, pengkaji juga telah memberikan beberapa cadangan ke arah memertabatkan naratif lisan ini supaya dapat membawanya lebih kehadapan. Maka, perkara tersebut terlihat jelas dan diharap akan membawa kepada tujuan asal yang sebenar.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

5.2 Rumusan

Pengkaji telah melakukan perkara-perkara tertentu bagi menghasilkan rumusan yang padat dan bernas berdasarkan hasil dapatan kajian yang dibuat dengan melakukan kajian, huraian dan analisis maklumat. Perbincangan yang dilakukan dalam bahagian ini akan merujuk kepada bahagian analisis kajian yang dibuat bagi menjawab objektif kajian. Perbincangan ini dilakukan secara terperinci dalam bahagian empat yang melalui garis panduan dan ketetapan yang telah termaktub.

Sandaran yang dilakukan pengkaji adalah berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti fenomena sosial yang terdapat di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Pengkalan Datu, Kelantan.* Bagi mendapatkan data-data yang dikehendaki, pengkaji telah memperolehi maklumat dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Menerusi kaedah ini, pengkaji telah menelaah beberapa sumber untuk dijadikan sebagai rujukan antaranya buku-buku rujukan, tesis, jurnal, artikel, kamus dan akhbar. Bahan-bahan ini merupakan sumber yang sangat kukuh bagi mencari sebarang definisi, peristiwa dan informasi bagi menguatkan lagi hujah pengkaji. Kaedah perpustakaan yang telah dilakukan oleh pengkaji telah membantu dalam mendapatkan pelbagai maklumat-maklumat yang berkaitan dengan fenomena sosial untuk dimasukkan di dalam kajian.

Teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* merupakan hasil tulisan daripada Mohd Firdaus Che Yaacob yang telah diterbitkan pada tahun 2021. Buku ini mengandungi pelbagai kisah-kisah yang dapat dikaitkan dengan fenomena sosial yang merangkumi unsur ekonomi, budaya, politik dan alam sekitar. Fenomena sosial yang terkandung di teks ini akan membantu pembaca dalam mendalami bagaimana fenomena sosial dalam masyarakat Melayu boleh berlaku dan mengubah landskap kehidupan masyarakat Melayu. Penelitian terhadap fenomena sosial akan menjadi pembaca menjadi lebih cakna terhadap sebarang fenomena sosial sama ada di peringkat negara atau dunia. Kesemua fenomena sosial yang telah



FYP FTKW

dikenalpasti akan dipaparkan bagi memberi maklumat dan pengajaran dan akan memberi kebaikan kepada kehidupan seharian kelak.

Cerita rakyat adalah kisah yang diberitahu oleh orang tua. Cerita rakyat dipecahkan kepada dua kategori iaitu lisan dan bertulis. Cerita rakyat adalah cerita yang diturunkan melalui generasi melalui penghantaran lisan. Maka, terdapat beberapa perbezaan yang ketara mengenai cerita rakyat yang dibawa secara lisan kerana setiap orang yang mendengar akan mengalami perbezaan cerita dan cara penyampaian. Maka, kadang-kala cerita rakyat yang diterima mempunyai pelbagai versi yang berbeza sehingga wujud pelbagai naratif dalam kisah tersebut. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memfokuskan untuk memilih cerita rakyat sebagai medium dalam kajian ini dan pengkaji telah memilih teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai bahan rujukan untuk mencari cerita-cerita rakyat sebagai bahan kajian. Kisah-kisah yang terkandung di dalam teks ini merupakan kisah-kisah yang dialami oleh rakyat jelata dan mempunyai corak-corak kehidupan masyarakat marhaen seperti petani, nelayan, pekebun dan sebagainya. Terdapat juga kisah-kisah yang menyentuh mengenai golongan-golongan pemerintah dan salasiah golongan diraja. Cerita rakyat wujud sebagai medium hiburan kepada masyarakat dan terselit beberapa nasihat yang boleh diambil dan dijadikan ikhtibar kepada diri. Cerita rakyat mempunyai nilai-nilai murni dan merupakan contoh yang baik kepada masyarakat untuk mendapat hiburan yang boleh diteladani.

Selain itu, pengkaji juga memilih teks ini kerana ia sangat bersesuaian dengan objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini kerana teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mempunyai pembahagian mengikut sub topik yang memudahkan pengkaji untuk mengenalpasti setiap tajuk cerita yang bersesuaian dengan kehendak objektif kajian pengkaji. Di dalam teks ini telah dibahagikan kepada beberapa sub topik iaitu cerita-cerita asal usul, cerita-cerita mistik, cerita-cerita tokoh dan cerita-cerita binatang. Penulis teks iaitu Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) banyak mencatatkan kisah-kisah yang mempunyai fenomena sosial yang



FYP FTKW

dapat dieproleh oleh pengkaji menerusi setiap kisah-kisah yang memfokuskan kepada golongan rakyat dan pemerintah di mana kedua-dua memiliki input-input yang sesuai mengenai fenomena sosial.

Di dalam kajian ini, pengkaji telah melihat bagaimana fenomena sosial yang telah berlaku kepada masyarakat telah merubah kepada landskap kehidupan sesebuah komuniti. Hal ini kerana fenomena sosial ini melibatkan kepada perubahan persekitaran sama ada daripada sudut ekonomi, budaya, politik, alam sekitar dan sebagainya. Perubahan ini memberi kesan kepada masyarakat kerana ia akan melibatkan kepada sosio kehidupan. Contohnya, dalam sebuah pemerintahan, keamanan dan kestabilan negara tersebut bergantung kepada sikap dan sahsiah pemimpin atau raja tersebut. Hal ini kerana pemimpin atau raja yang menentukan suasana kehidupan rakyatnya. Raja yang memiliki sikap yang baik akan memastikan rakyatnya hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni selain memastikan ekonomi negara dalam keadaan yang baik. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan pandangan yang baik dan akan disayangi oleh rakyat jelata. Berbeza pula dengan sikap pemimpin atau raja yang memiliki sikap yang buruk dan kejam. Mereka akan melakukan kerosakan kepada kerajaan tersebut dan bersikap tidak bertimbang rasa kepada rakyat. Mereka akan memeras ugut dan membunuh rakyat sesuka hati sehingga menyebabkan rakyat membenci dan keluar daripada kerajaan tersebut. Maka, kita dapat mengenalpasti bahawa fenomena sosial ini akan membantu dalam memperluaskan lagi sudut padang terhadap sebarang perlakuan yang dapat memberikan manfaat dan kebaikan kebaikan kita.

Dalam memperlihatkan mengenai fenomena sosial yang berlaku dalam kehidupan masyararakat Melayu, teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sangat sesuai dalam mengetengahkan mengenai fenomena sosial masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana teks ini mengandungi pelbagai kisah-kisah yang menyentuh kepada kehidupan masyarakat Melayu. Secara tidak langsung ia menonjolkan mengenai budaya dan adat Melayu yang telah diamalkan sehingga kini. Bukan itu sahaja, teks ini juga turut menceritakan mengenai kepercayaan



FYP FTKW

masyarakat Melayu pada zaman dahulu di mana kepercayaan animisme masih kuat diamalkan oleh masyarakat dahulu. Oleh hal yang demikian, kisah-kisah yang terkandung di dalam teks tersebut mampu untuk membantu pengkaji dalam mengenalpasti fenomena sosial yang dilakukan oleh masyarakat Melayu.

Antara kisah yang dapat mengenengahkan mengenai fenomena sosial ialah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu.* Dalam kisah ini menceritakan mengenai seorang alim yang dipandang mulia oleh masyarakat namun terdapat segelintir yang bersikap iri hati terhadap sikap alim tersebut. Maka, fitnah telah dilakukan kepada alim tersebut sehingga menyebabkan bencana alam berlaku sehingga menenggelamakan Masjid Pengkalan Datu. Apa yang dapat lihat, sifat dengki yang wujud dalam sebuah masyarakat akan mewujudkan fitnah terhadap seseorang. Fitnah yang dilemparkan akan menjatuhkan maruah dan kehormatan seseorang sehingga menyebabkan pembunuhan. Kita dapat lihat bagaimana hukuman yang diberikan oleh penduduk kampung akibat perlakuan fitnah ini dapat dijadikan contoh bagaimana balasan kepada pemfitnah itu amat besar hukuman. Walaupun dianggap hanya sebuah cerita rakyat namun dapat diambil iktibar bagaimana fitnah boleh membawa mudarat dan balasan yang buruk kepada perlakunya. Fenomena sosial ini juga merupakan suatu perlakuan yang perlu diubah bagi mewujudkan sebuah kestabilan dan keamanan masyarakat dan negara.

Pengkaitan antara fenomena sosial dengan kehidupan masyarakat Melayu penting bagi memastikan masyarakat pada hari ini dapat melihat bagaimana orang Melayu pada zaman dahulu dapat memajukan empayar mereka. Di Tanah Melayu, pelbagai kerajaan yang mempunyai kehebatan dan kemahsyuran di persada dunia antaranya kerajaan Melaka, kerajaan Patani, kerajaan Kedah dan sebagai. Empayar-empayar tersebut amat terkenal dan dihormati di seluruh dunia. Menjadi satu kerugian apabila masyarakat Melayu sendiri tidak dapat mencontohi dan mengikuti kehebatan empayar-empayar hebat di Tanah Melayu menerusi fenomena sosial yang dapat diocontohi oleh kita.



FYP FTKW

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) dalam kajian *Nilai Baik Hati menerusi Cerita Rakyat Melayu terhadap Masyarakat Melayu suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* memberi definisi bahawa cerita rakyat merupakan suatu khazanah sastera Melayu yang menceritakan mengenai kehidupan masyarakat tradisional dan ia disampaikan secara lisan. Cerita rakyat memaparkan mengenai kehidupan dan tragedi yang berlaku kepada masyarakat terdahulu untuk memberikan bayangan kepada generasi kini mengenai cara hidup, pemikiran dan sosial masyarakat pada zaman dahulu dan memberikan ikhtibar kepada mereka.

Tambahan lagi, merujuk kepada dapatan kajian yang dianalisis berdasarkan objektif kajian yang kedua iaitu menganalisis penggunaan teori Pengkaedahan Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu di dalam teks sastera dilihat semakin berkurang dari hari ke hari. Hal ini disebabkan oleh penulis karya sastera memilih untuk menyampaikan gaya penulisan berdasarkan kepada pemikiran dan teori yang banyak diambil daripada luar negara yang tidak seiring dengan sifat dan identiti Melayu. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan masyarakat kurang didedahkan akan karya-karya sastera yang berteraskan kepada teori Pengkaedahan Melayu di mana teori ini banyak menitikberatkan mengenai ekonomi, politik dan sosial yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Teori Pengkaedahan Melayu ini juga dapat memberi gambaran yang jelas mengenai nilai dan tatacara kehidupan masyarakat Melayu yang penuh dengan kesopanan dan budi pekerti yang dapat dicontohi oleh orang lain.

Dalam merumuskan mengenai tunjang dalam kajian ini, pengkaji telah menyelami dan menyusuri Teori Pengkaedahan Melayu ini bagi menjadikan ia sebagai tunjang utama di dalam kajian ini. Pengkaji juga telah memastikan bahawa teori ini terus menjadi rujukan bagi memastikan kajian ini tidak menyeleweng daripada objetif yang sebenar.Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu ini bertujuan untuk mengaitkan unsur-unsur kehidupan Melayu yang penuh berseni dan berfalsafah. Teori Pengkaedahan Melayu mula diperkenalkan pada tahun 1989 oleh Hashim Awang. Teori



FYP FTKW

ini telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu. Teori ini memperincikan menganai kehidupan masyarakat Melayu dari segi ekonomi, sosial, agama dan sebagainya.

Menurut Hashim Awang (1997), beliau menyatakan bahawa masyarakat Melayu perlu mewujudkan sebuah pengkaedahan sastera yang menggambarkan mengenai jati diri bangsa Melayu dengan bersandarkan alam dan masyarakat sebagai wadah dan warisan bangsa melayu. Teori Pengkaedahan Melayu ini merupakan salah satu teori yang sangat bertepatan dengan gambaran mengenai masyarakat Melayu yang berlandaskan sosial, politik, ekonomi dan sabagainya. Teori ini banyak menyentuh mengenai falsafah kehidupan yang dipegang oleh masyarakat Melayu.

Dalam mengaplikaiskan Teori Pengkaedahan Melayu, pengkaji telah mengaitkan fenomena sosial dengan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaaan. Kedua-dua pengkaedahan ini disesuaikan pula dengan beberapa pendekatan yang telah dibezakan oleh pengkaedahan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, pendekatan firasat, pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Kesesuaian fenomena sosial dirujuk kepada pendekatan yang berkait dengan mengenal pasti ciri-ciri fenomena sosial yang dapat dikaitkan dengan pendekatan tersebut.

Dapat dirumuskan bahawa objektif kedua ini lebih berfokuskan untuk mengaitkan penggunaan teori Pengkaedahan Melayu ini dengan cerita rakyat Melayu menerusi fenomena sosial yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Menerusi teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* pengkaji dapat melihat bagaimana fenomena sosial yang berlaku di dalam masyarakat Melayu merupakan amat berkait rapat dengan teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana kisah-kisah rakyat tersebut mempunyai hubungkait dengan falsafah yang terkandung di dalam kehidupan masyarakat Melayu dari segi adat, sosial, budaya, politik dan sebagainya. Hal ini merupakan suatu perkara yang dapat dikaitkan dengan teori Pengkaedahan Melayu menerusi beberapa  aspek. Pengkaji juga dapat melihat bagaimana fenomena



FYP FTKW

sosial tersebut sangat berkait rapat dengan identiti masyarakat Melayu walaupun berlainan pemerintah. Secara tidak langsung pengkaji dapat mengenalpasti bahawa masyarakat Melayu mempunyai identiti yang tersendiri dalam mewujudkan sebuah fenomena sosial.

Hal ini pula dapat dilihat menerusi beberapa fenomena sosial yang berlaku di dalam beberapa kisah di dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* antaranya *Kehebatan Bomoh Siam.* Fenomena sosial yang terdapat di dalam kisah ini ialah keprcayaan terhadap perubatan tradisional. Masyarakat Melayu pada zaman sangat bergantung kepada perubatan tradisional disebabkan oleh masyarakat oleh kurang pendedahan oleh perubatan tradisional dan mereka hanya mengharapakan kepada tumbuhan yang berada di sekitar mereka. Masyarakat Melayu sangat rapat dengan alam sehingga boleh melakukan perubatan hanya dengan menggunakan tumbuhan sahaja. Bukan itu sahaja, masyarakat Melayu juga menggunakan alam ghaib sebagai teknik perubatan. Dapat disimpulkan bagaimana fenomena sosial ini amat bertepatan dengan kehidupan masyarakat Melayu yang tidak berada pada masyarakat dunia lain. Hal ini menjelaskan bahawa fenomena sosial tersebut hanya berada dalam masyarakat Melayu sahaja. Kisah ini pula dikaitkan Pendekatan Masyarakat yang ingin menjelaskan bahawa situasi tersebut sangat berkait dalam falsafah kehidupan masyarakat Melayu.

Kesimpulannya, fenomena sosial yang berlaku di dalam masyaraakat Melayu seharusnya dijadikan sebagai tauladan dan ikutan kepada generasi pada masa kini supaya kegemilangan empayar Melayu pada zaman dahulu dapat dibangkitkan kembali. Segala fenomena sosial yang telah berlaku tersebut merupakan suatu contoh yang baik untuk diamalkan dan perkara yang boleh dijadikan rujukan untuk diri sendiri. Segala fenomena sosial yang tidak baik boleh dijadikan pengajaran bagi mengelakkan daripada diulangi oleh generasi kini. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu mempunyai fenomena sosial yang dapat dikaji dan ditelusuri secara mendalam bagi memastikan kajian terhadap karya sastera Melayu terus dipertingkatkan.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Tambahan lagi, kajian ini juga dapat menaikkan lagi martabat karya sastera kerana dapat mempelbagaikan lagi kajian terhadapnya dari pelbagai sudut kajian.

## 5.3 Cadangan

Pada bahagian cadangan ini, pengkaji ingin memberi beberapa cadangan hasil daripada rumusan yang dibuat berdasarkan kepada rumausan yang telah dibuat oleh pengkaji. Cadangan yang diberikan oleh pengkaji bertujuan untuk memberikan penambahbaikan untuk membina masyarakat yang bersahsiah dan boleh dicontohi supaya dapat membina kembali sosial masyarakat yang baik supaya fenomena sosial ini boleh diubah pada masyarakat hari ini. Kita dapat lihat pada hari ini bagaimana fenomena sosial masyarakat lebih menunjukkan ke arah yang negatif di mana berlaku banyak gejala sosial mula dilakukan oleh golongan muda pada hari ini. Hal ini memerlukan solusi dan langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah ini. Bukan itu sahaja, fenomena ssosial ini juga turut dilihat dalam dalam politik dan alam sekitar yang semakin hari merundum prestasinya. Maka, bersandarkan kepada teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob pengkaji telah mengenal pasti beberapa cadangan bagi menambahbaikan fenomena sosial pada hari ini.

Setelah meneliti dan menganalis kajian ini secara keseluruhan, cadangan yang boleh diberikan oleh pengkaji bagi menambahbaik fenomena sosial pada hari ini ialah menghayati sikap-sikap generasi yang terdahulu. Hal ini kerana generasi terdahulu yang telah banyak meninggalkan kesan-kesan sama ada yang baik atau buruk kepada masyarakat dan negara pada hari ini. Kita dapat lihat bagaimana perkara tersebut boleh diambil ikhtibar dan pedoman oleh generasi pada hari ini untuk membaiki dan meningkatkan diri supaya menjadi lebih baik. Antara cara yang boleh dilakukan untuk menghayati sikap-sikap generasi terdahulu adalah dengan melakukan pembacaan yang mendalam terhadap tokoh-tokoh di negara kita. Pembacaan yang dilakukan dapat



FYP FTKW

mendedahkan pembaca terhadap tokoh-tokoh negara yang pernah memberi sumbangan kepada negara dan perlakuan-perlakuan yang dapat dicontohi supaya dapat mendidik diri untuk menjadi seperti mereka. Apabila perkara ini dapa dilakukan maka dapat melahirkan generasi yang berakhlak mulia disamping mempunyai visi yang yang kuat untuk menjadi insan yang dapat menyumbangkan sesuatu kepada negara.

Selain itu, cadangan yang boleh dilakukan bagi menambahbaik fenomena sosial pada hari ini ialah memberi pendidikan bermula dari rumah. Pada hari ini, pendidikan merupakan perkara penting bagi membentuk insan menjadi lebih baik. Pendidikan juga penting bagi melahirkan generasi yang berintelektual dan berakhlak mulia. Pendidikan dari awal boleh membantu dalam membentuk sahsiah seseorang supaya mudah untuk memiliki sikap yang baik. Pendidikan ini perlu dimulakan oleh ibu bapa di mana mereka bertanggungjawab untuk memberikan didikan dan membentuk sahsiah mereka. Pendidikan itu perlu diberi dengan memberikan didikan agama kepada anak-anak supaya lebih mengenali agama yang diianuti selain dapat menyuburkan nilai-nilai murni seperti yang disuruh di dalam agama. Maka, ibu bapa harus mengambil tanggungjawab dalam mendidik anak-anak dari rumah supaya mereka dapat mengubah fenomena sosial pada hari ini menjadi lebih baik.

Selepas itu, masyarakat pada  hari ini perlu mendampingi golongan-golongan yang mempunyai sikap terpuji dan penghormatan, Hal ini kerana masyarakat dapat melihat dan mencontohi sikap dan teladan yang dilakukan oleh golongan yang bersikap mulia ini. Antara contoh figura yang boleh dicontohi ialah ustaz, sarjana, pendidik dan sebagainya yang boleh menjadi modal insan kepada diri sendiri. Kemampuan golongan ini dalam memberikan teladan yang baik kepada masyarakat seharusnya mampu untuk membina sahsiah dan kualiti masyarakat untuk menjadi lebih baik. Bukan itu sahaja, golongan ini juga mempunyai peranan dalam mengubah fenomena sosial semasa supaya menjadi lebih baik dan melahirkan genarasi yang hebat.



FYP FTKW

Bagi menambahbaik fenomena sosial pada masa kini, hal yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan ialah menambahbaik sistem pendidikan dengan merombak silibus pembelajaran yang menumpukan kepada pembentukan sikap dan sahsiah pelajar. Hal ini kerana pendidikan pada hari ini dilihat menekan pelajar untuk menyasarkan peperiksaan berbanding kepada pembentukan sahsiah diri. Hal ini bukan sahaja dilihat tidak bagus tetapi ia juga dilihat tidak seimbang dari segi EQ dan IQ pelajar. Pendidikan bukan sahaja di atas kertas semata-mata tetapi ia juga mementingkan kepada pembinaan sikap bagi memastikan pendidikan itu adalah seimbang dan akan memberikan nilai tambah kepada pelajar pada masa akan datang. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengambil serius perkara ini bagi memastikan fenomena sosial pada hari ini dapat ditambah baik pada masa akan datang.

Bukan setakat itu sahaja, masyarakat pada hari ini juga perlu dididik dengan mengalakkan mereka untuk menghadiri majlis ilmu dalam membentuk sikap dan menambah ilmu pada diri. Hal ini kerana majlis ilmu merupakan wadah bagi masyarakat untuk memperoleh ilmu dan membina sahsiah diri yang baik menerusi adap-adap yang perlu diamalkan semasa berada di dalam majlis ilmu. Bukan itu sahaja, majlis ilmu ini juga perlu mengetengahkan tajuk-tajuk yang dapat membina moral dan sahsiah masyarakat untuk lebih memajukan diri supaya dapat mengubah landskap kehidupan untuk menjadi lebih baik dan dapat dicontohi. Peranan ini amat penting dalam mengubah fenomena sosial pada masa kini untuk menjadi lebih baik.

Selain menumpukan penambahbaikan fenomena sosial dari segi budaya, pengkaji juga mempunyai beberapa cadangan bagi menambahbaik fenomena sosial dari sudut alam sekitar. Pada hari ini kita dapat lihat alam sekitar juga turut mengalami kemerosotan akibat daripada tangan manusia. Maka cadangan yang boleh diberi oleh pengkaji ialah mengadakan kempen bagi membanteras alam sekitar daripada terus dirosakkan. Hal ini penting memberi kesedaran kepada masyarakat supaya mereka dapat peka terhadap isu ini dan mengambil tindakan bagi membanteras masalah ini. Masyarakat juga dapat didedahkan kepada perkara –perkara yang perlu dilakukan bagi



FYP FTKW

menyelamatkan alam sekitar dan menanam sifat mencintai alam sekitar dalam diri mereka. Hal ini secara tidak langsung akan membantu dalam memberi kesedaran kepada mereka dan menambah baik fenomena sosial pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, cadangan yang diberikan oleh pengkaji adalah rumusan yang telah dilakukan terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Teks berikut telah memberi input kepada pengkaji mengenai bagaimana fenomena sosial oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu boleh ditambah baik oleh generasi masa kini. Teks seperti ini perlu diperbanyakkan di pasaran untuk bacaan masyarakat supaya mereka sedar terhadap keagungan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dan mengambil ikhtibar daripadanya. Akhirnya, mereka dapat mengubah diri untuk menjadi lebih baik bagi mengubah fenomena sosial pada hari ini.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 5.4 Penutup

Secara kesimpulannya, Dapat dilihat bahawa kajian terhadap fenomena sosial ini merupakan sesuatu yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Hal ini kerana masyarakat Melayu dilihat seakan hilang jati diri sehingga menyebabkan mereka mudah untuk dipengaruhi oleh pelbagai anasir luar yang menyebabkan mereka mengalami fenomena sosial yang buruk. Hal ini seharusnya dipandang serius oleh pihak tertentu supaya masyarakat Melayu tidak terus tenggelam dalam peredaran waktu yang mencabar sehingga merendahkan darjat bangsa. Kajian ini telah meneroka mengenai fenomena sosial yang telah berlaku pada zaman dahulu untuk dijadikan teladan dan sempadan untuk generasi pada hari ini. Sudah terang lagi bersuluh, masyarakat Melayu perlu mengikuti sosial masyarakat Melayu pada zaman dahulu untuk mengembalikan kehebatan yang telah didakap oleh bangsa Melayu. Kesimpulannya, kajian terhadap teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mengenai fenomena sosial telah menambahkan lagi kajian terhadap teks ini dan memberi kepelbagaian kajian terhadap teks sastera,

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Bibliografi


Abdul Halim Ali. (2013). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Selangor: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.

Abdul Wahid Baharon. (1992). *Akhlak Harian Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: Perniagaan Maju Berjaya.

Ahmad Warsoon Al Munawir. (1984). *Kamus Al-Munawir*. Jakarta: Pustaka Progresif.

Al-Ashqar & Umar Sulayman. (1984). *Alam at-Jin wa al-Shayatin*. Kuwait: Maktabal al-Falah.

Al-Edrus & Syed Muhamad Dawilah. (1993). *Epistemologi Islam: Teori Ilmu dalam Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Ghazali. (1995). *Bidayatul Hidayah: Permulaan Jalan Hidayah* (Penterjemah: Ahmad Fahmi Zamzam). Kedah: Khazanah Banjariyah.

Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Maydani & Abd Al-Rahman Hanbakah. (1966). *At-'Aqidah at-hlamlyyah wa Ususuha*. Damsyik: Dar al-Qalam.

*Al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah* (edisi ke-2). (2012). Beyrut: Dar Al-Mashreq.

Aminuddin Mohd Yusof. (1970). *Siri Analisis Arikologi Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anon. (2019). *Muqaddimah Al-Imam.* Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.

Arba'ie Sujud. (2008). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn.Bhd.

Asan Ali Golam Hassan. (2008). *Pembangunan Wilayah dan Alam Sekitar: Cabaran Dalam Merealisasikan Rancangan Malaysia Kesembilan*. Perlis: Universiti Utara Malaysian Press.

As-Sayyid Sabiq. (1985). *Fiqh Us-sunnah*. North American: American Trust Publications.

Ayyub & Muhammad Hasan. (1971). *Tabsit al-'Aqa'id al-lslamiyyah*. Kuwait: Maktabat al-Thaqafah al-'Arabiyyah.

Azemi Salim. (1989). *Antropologi Sosial Permulaan (Lucy Mair)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bambang Dwiloka. (2005). Teknik Menulis Karya Ilmiah. Jakarta: Rineka Cipta.

Bernama. (2021, Januari 15). Perniagaan dalam Talian Tumbuh Pesat. *Harian Metro*.

Burhanuddin Jalal. (2016, November 27). 3 Ciri Utama perlu Ada pada Pemimpin. *Berita Harian Online.*




FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW


Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, *17* (2), 328-342.

Chitra Suparmaniam dan Maizatul Hayati Mohamad Yatim. (2020). Keberkesanan Animasi Cerita Rakyat India Terhadap Motivasi dalam Kalangan Murid Tahun Lima Di SJK(T) Daerah Kulim. *International Journal of Modern Education*, *2* (7). 1-12.

Chong Ah Fok. (2017). Teori Moral Alamiah:Satu Gagasan. *Malay Literature*, *30* (1), 121-139.

Chong Ah Fok. (2018). Prinsip dan Konsep Teori Moral Alamiah dalam Novel S.A.B.A. *Malay Literature*, *31* (2), 311-331.

Dilah Tuah. (2022). Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya di Sarawak. *Akademika*, *92* (2), 153–168.

Edy Tonnizam Mohamad. (2020, Mei 14). Pembangunan Sumber Bumi Berinovasi. *Astro Awani*.

Eiffa Yuhanis Roslan. (2022). *Unsur Nilai dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989)*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Fadzilah Kassim & Norazimah Zakaria. (2021). Fungsi Binatang dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Humanities, Philosophy and Language*, *4* (13). 37-58.

Fadzillah Kassim & Norazimah Zakaria. (2021). Fungsi Tumbuhan dalam Pantang Larang Melayu berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, *4* (13), 59–77.

Fatimah Md Yassin. (1991). Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan - Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. *Dialog Kesusasteraan*, disunting oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin dan Zahir Ahmad. 79-110. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

F. David Schoorman, Roger C. Mayer & James H. Davis (1995). An Intergrative Model of Organizational Trust. *Academy of Management*, *20* (3), 709-734.

Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Pendidikan dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, *8* (2017), 36-46.

Roshlawaty Md Raieh. (2021, Jun 23). Galak Budaya Inovasi dalam Kalangan Pelajar. *Sinar Harian*.

FYP FTKW

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu karya Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, *2* (4), 1-11.

Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar Juz XIII*. Jawa Barat: Pustaka Panjimas.

Hamka. (1990). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisiona*l. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. (1983). *Seuntai Mutiara Klasik*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Hashim Awang. (1993, Februari). Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. *Dewan Sastera*, *2*, 48-57.

Hashim Awang. (1994). *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu dalam pengarang, Teks dan Khalayak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. (1995). *"Metodologi Kesusasteraan Islam : Kaedah Penilaian." Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti Dalam S. Jaafar Husin* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. (1997). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang. (1999 September 19-20). Teori Sastera Sendiri Pengkaedahan Melayu. *Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri.* Subang USJ.

Hashim Awang. (2002, Jun 20-23). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu.* Riviera Bay Resort, Melaka.

Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Hassan Shadily. (1984). *Sosiologi untuk Masyarakat Indonesia*. Jakarta: PT Bina Aksara.

Hazrul Mazran Rusli. (2018). *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Hussein Ahmad. (1987). Nilai-Nilai Asas dalam Pembangunan Perpaduan Nasional*.* *Balai Muhibah: Penyebar Semangat Perpaduan, 275*, 4-8.

Ian Parker. (1992). *Discourse dynamics: Critical analysis for social and individual psychology.* United Kingdom: Taylor & Frances.

I Wayan Koyan. (2014). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Buleleng: UNDIKSHA Singaraja.

Ibrahim Mustafa.et al. (1972). *Al-Mu'jam al-Wasit. jld 1*. Oman: al-Maktabah al-Islamiah.

FYP FTKW

Ick Ellyrenzine Linsap & Low Kok On. (2021). Tuturan Komburongo dalam Konteks CeritaLisan dan Kepercayaan Etnik Tobilung di Sabah. *Malay Literature*, *34* (2), 163-184.

Imam Abu Hassan Al-Mawardi. (1985). *Al-Ahkamu ‘s Sultaniyyah*. Lebanon: Darul Kutub al-ilmiyyah.

Imam Ghazali. (1991). *Akhlak Seorang Muslim* (Abu Laila & Muhammad Tohir, (Ed). Perak: Victory Agency.

Ismail Hamid. (1986). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Selangor: Longman.

Ismail Noor. (2000). *Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W Pengurusan Altrulstik Model Ikutan Sepanjang Masa Perbandingan Silang dengan Kepimpinan dan Pergurusan Semasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai Kepahlawanan dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah. *MANU*, *32* (1), 175-201.

James Gribben. (1972). *Effective Managerial Leadership.* United State: American Management Association.

Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo. (2012). Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis. *Jurnal Akedemika, 4* (5), 113-123.

Jumilah Ahmad & Sabrina Samsuri. (2019). Penggunaan App Cerita Rakyat Nusantara dalam Membina Kemahiran Interaksi Lisan. *International Journal of Modern Education*, *1* (2), 60–77.

Jumali Selamat. (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.

*Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Pelajar*. Edisi Kedua. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hazrol Zainal. (2021, Ogos 28). Kekayaan Hasil Negara Lambang Jiwa Merdeka. *Malaysia Gazzete*.

Kekayaan Hasil Perladangan Negara Erti Jiwa Merdeka. (2021, Ogos 30). *Berita Harian*.

Laras Anindya & Ahmad Jum’a Khatib Nur Ali. (2019). Narasi Cerita Rakyat Riau “Asal Mula Penamaan Pulau Matang dan Pulau Keras”. *Jurnal Sinestesia*, *9* (1), 1–8.

Madiawati Mustaffa, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi & Maizira Abdul Majid. (2020). Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan. *Akademika*, *90* (3), 117-128.

Mahathir Mohamad. (1970). *The Malay Dilemma.* United State: Federal Publications.

Maizatul Akma Shamsuddin. (2022). *Unsur Budaya dalam Tek Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori*

FYP FTKW

*Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Marwan Ibrahim Al-Kaysi. (2003). *Morals and Manners in Islam*. United Kingdom: The Islamic Foundation

Mastura Othman. (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Novel Srengenge karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu.* Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Mohd Ali Hashimi. (1992). *Keperibadian Muslim. (Terj. Haji Tahir Daeng Mengati)*. Selangor: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Koharuddin Balwi & Muhammed Fauzi Othman. (2003, Ogos 12-14). *"Beberapa Premis Tentang Perasaan Hasad-Dengki Sebagai nilai Masyarakat Melayu: Suatu Polemik?"*, Hotel Renaissance Kuala Lumpur.

Mohd Fahmi Bin Ismail & Mohd Firdaus Bin Che Yaacob. (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *International Journal of Creative Future & Heritage*, *6* (2), 121-143.

Mohd Fahmi Bin Ismail & Mohd Firdaus Bin Che Yaacob. (2021). Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *Malaysian Journal of Society and Space*, *17* (2), 101-120.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development, 4 (2),* 48-57.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*, *5* (2), 67-74.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage*, *10* (1), 91-97.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdullah. (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage*, *10* (1), 91-97.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Jounal of Language Education and Applied Linguistisc*, *6* (2017), 35-44.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nur Samsiah Mazlan & Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan. (2021). Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita

FYP FTKW

Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*, *20* (2), 230-246.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Surianti Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdullah. (2022). Nilai Murni melalui Keunikan Dialek Kelantan dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage*, *10* (1), 15-32.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Gambaran Nilai Murni dalam Seuntaian Cerita - Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pengaplikasian Konsep Rohani. *Journal of Business and Social Development*, *6* (2), 1-10.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kelantan: UMK Press.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, *2* (16), 1-12.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *MAHAWANGSA*, *8* (1), 27-36.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kelantan: UMK Press.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Akal Budi dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*, *21* (1), 129-144.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Melayu, Isu Khas* (2022), 157-172.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Perwatakan Protagonis dalam Cerita Rakyat Di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Hubungan Antara Karya Dengan Khalayak. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 196–207. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia, 40* (1), 215–237.

Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Unsur Islam dalam Cerita Rakyat Melayu di Daerah Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Prinsip Sastera Dengan Ilmu. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 208–218. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Mohd Khafidz Soroni. (2021, November 4). Meraih Keberkatan dalam Perniagaan. *Harian Metro*.

FYP FTKW

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor. (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Sains Insani*, *60* (1), 245-256.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, *5* (4), 26-30.

Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Suraya Sukri, Ainul Wahida Radzuan & Lim Ying Xuan. (2022). Pendekatan Moral dan Aplikasi Dalam Teks *Kumpulan Drama Zaman Yang Mencabar* Karya Agi. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 618–628. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Mohd Taib Osman. (1988). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan. *Malaysian Journal of Society and Space*, *17* (2), 355–365.

Muhammad Idrus. (2006). Psikologika*. Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, *24* (2), 123-246 .

Muhammad Irfan Waqiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian. (2021). Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita Legenda Si Tenggang, Si Malin Kundang, dan Nakhoda Manis. *Jurnal Melayu*, *Isu Khas* (2021), 433-453.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri. (2020). *Kedinamikan Citra Masyarakat dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan.* Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Muhammad Nur Al- Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Bin Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. (2021). Polemik Dalam Cerita Rakyat sebagai Medium Pendidikan Moral kepada Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*, *20* (2), 194-212.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics, 10* (2), 48-56

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa. *Akademika*, 92 (2), 103-114.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, *12* (1), 11-25.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, *20* (1), 79-92.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, *10 (2),* 48-56.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerminan Nilai-Nilai Islam dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal of Business and Social Development*, *9* (1), 51-62.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Melayu Di Tumpat, Kelantan Satu Penelitian Takmilah. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 128–137. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Kawalan Sosial Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Pasir Mas, Kelantan. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 138–147. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Nur Samsiah Mazlan, Siti Aishah Jusoh & Siti Fatimah Ab Rashid. (2022). Perspektif Pelajar di Universiti Malaysia Kelantan Mengenai Nilai-Nilai Islam yang Terkandung dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan Melalui Aplikasi Quizizz*. Journal of Positive School Psychology*, *6* (6), 325-339.

Muhammad Safuan Bin Ismail, Roslina Bt Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif. *JMS*, *1* (1), 296-329.

Muhammad Syauqi Mat Zawawi. (2022). *Transkripsi Lagu Rakyat dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali, & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin. (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater. *Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, *2* (2), 34–41.

Muhd Norizam Jamian. (2012). *Kesusasteraan Melayu Tradisional dari Perspektif Adab: Suatu Perbincangan Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Tesis Sarjana Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhsyidin Tahir. (2003). *Tamak dalam Perspektif Hadis.* Kuala Lumpur: Al-Hikmah.

Mustaffa Suhaimi. (1993). Kelayakan Pemimpin menurut Alquran . *Utusan Melayu,* 48.

FYP FTKW

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah dalam Novel Suriati berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, *32* (1), 116-144.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan Anak-Anak menerusi Surah Luqman dalam Novel Ayahanda. *MANU*, *30* (2019), 103-129.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2022). Uslub Tasybih dalam Gaya Bahasa Kiasan Melayu menerusi Novel Suriati dari Perspektif Pendekatan Seni. *Malay Literature*, *35* (1), 65-82.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affend. (2016). Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *4* (2), 37-43.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Rosnani Md Zain (2017). Fenomena Sosial dalam Novel Nenek Karya Razali Endun. *Journal of Malay Language*, *8* (2017), 82-95.

Noor Azlan Mohd Noor. (1992). Penilaian Bahan-Bahan Penulisan Perubatan Melayu Tradisional: Satu Pengenalan Umum. *Jurnal Sejarah, 11* (53), 21-44.

Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage*, *10* (1), 18-29.

Nor Hazrul Mohd Salleh. (2021, Julai 9). Memacu Kreativiti & Inovasi. *Harian Metro*.

Noraini Abd. Shukor. (2016). *Padi dan Air sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Noraini Zainal Abidin, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Maizatul Akma Aziz. (2019). mej Kecendekiaan dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak Malaysia. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, *7* (2), 43-52.

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz & Mohd Syuja Saedin. (2022). Manifestasi Budaya Peradaban Melayu dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Humanities, Philosophy And Language*, *7* (28), 192-208.

Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid & Ani Omar. (2018). Sejarah Melayu Sebagai Lambang Tradisi Akal Budi Bangsa Yang Tinggi. *Jurnal Melayu Sedunia*, *1* (1), 191-209.

Noresah Bharom. (2010). *Kamus Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norfazila Ab. Hamid. (2020). Komunikasi Lisan Dialek Melayu Jugra. *Jurnal Melayu*, *19* (Isu Khas), 517-529.

Norita Ariffin. (2006). *Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

FYP FTKW

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor. (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 25 (1), 12-21.

Normadiah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin. (2017). Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah. *KEMANUSIAAN*, *24* (2), 59–88.

Nur Anis Muhammad Apandi, Nordiana Ab Jabar, Sudirman Kiffli, Farrah Atikah Saari, Suraya Sukri & Ainul Wahida Radzuan. (2021). Nilai Kemanusiaan dalam Novel Lantai Takdir karya Fida Rohani. *International Symposium On Cultural Heritage*, *1* (2021) ,52-57.

Nur Emy Amirah Zawawi. (2022). *Analisis Nilai dan Pengajaran dalam Buku " Pantun Berkait Peri Loka Tanah Melaka" karya Azmin Daud*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Nur Erieyana Hassan (2022) *Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah: Satu Kajian Naratif Lisan.* Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat Hikayat Nakhoda Muda. *Journal of Business and Social Development*, *3* (2), 147-160.

Nur Samsiah Mazlan & Mohd Firdaus Bin Che Yaacob. (2021). Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, *11* (1), 48-58.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, *9* (2), 93-106.

Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris. (2020). Syair Suka Duka dalam Pelayaran Ke Mekah:Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, *19* (2), 287-305.

Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab. Jabar. (2022). Kisah Sang Kancil dan Harimau Sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi dalam Kalangan Kanak-Kanak. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 403–412. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, *2* (2), 1-15.

Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis Dakwah dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 8* (2), 49-59.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Othman Puteh. (1996). *Konsep Nilai dalam Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Phat a/l Awang Deng. (2021). Membaca Firasat Melayu dalam Lirik Lagu Kebangsaan dan Negeri-Negeri di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Budaya*, *1* (2), 154-160.

Putri Nur Anis Balqis Yazik. (2022). *Transkipsi Puisi Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan: Satu Analisis Nilai- Nilai Murni*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei. (2018). Introspeksi dalam 77 Tuju:Siri Ingatan Kepada Kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*, *2* (4), 1-15.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei. (2018). Sajak-Sajak Badaruddin H.O Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu*, *29* (1), 156-180.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei. (2020). Perenungan Diri Dari Sisi Pendekatan Seni dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan karya Zaen Kasturi. *Malay Literature*, *33* (1), 123-148.

Rabiatul Adawiah Ab. Samad & Low Kok On. (2017). Unsur dan Kearifan Tempatan Orang Bajau dalam Kumpulan Puisi Iltizam. *Malay Literature*, *30* (1), 99-120.

Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek & Sara Beden. (2022). Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 1-10. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Roslina Abu Bakar & Aune van Engelenhoven. (2016). Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*, *1* (2016), 20-49.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, *12* (2), 291-319.

Roy J. Lewicki & Carolyn Wiethoff. (2000). *The handbook of conflict resolution: Theory and practice*. California: Jossey-Bass.

Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. (2018). Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin Menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, *19* (2018), 28-42.

Sesilia Seli Mohamad & Mokhtar Abu Hassan. (2017). Nilai-Nilai Tempatan Komuniti Dayak Kanayatn yang Wujud dalam Cerita Rakyat. *Jurnal Pengajian Melayu*, *28* (1), 208-251.



FYP FTKW

FYP FTKW

Shafie Abu Bakar. (1995). *Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid`. Dalam S.Jaafar Husin (Pngr)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shuhairimi Abdullah, Muhammad Shukri Bakar & Solahuddin Abdul Hamid. (2018). *Transformasi Usahawan al-Falah Satu Refleksi*. Perlis: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.

Sidi Gazalba. (1967). *Pengantar Kebudayaan Sebagai Ilmu-Buku 11*. Kelantan: Pustaka Aman.

Siti Aishah Jusoh & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Satu Analisis Pemikiran Mantera Pakaian Diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, *11* (1), 5-13.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, *12* (2), 67-79.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil dan Memerang sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*, *4* (2019), 77-89.

Siti Hajar Sabri & Muhd Norizam Jamian. (2022). Cerita Legenda dalam Kalangan Masyarakat Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Melayu*, *Isu Khas*(2022), 98-109.

Siti Nurazlina Jamaludin. (2022, November 7). Rakyat Mahu Kestabilan, Pembangunan Ekonomi. *Sinar Harian.*

Siti Nursyakirah Saharudin, Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Roslina Abu Bakar. (2020). Animasi Cerita Rakyat Pekaka Bercerita Akim yang Cerdik dan Cengkih. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, *8* (1), 100-111.

Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2013). *Nilai-Nilai Murni dalam Komik Upin dan Ipin Suatu Gambaran Kebudayaan Melayu.* Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Selangor: Aras Publisher.

Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *4* (1), 93-103.

Stephen Robbins. (2018). *Management.* United Kingdom: Pearson.

Strong. M. & Bartelmus. P. (1994). *Environment, Growth & Development.* United Kingdom: Routledge.

Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa. (2021). Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *9* (2), 56-67.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, *7* (2017), 47-63.

Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Perak: Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, *11* (2), 126-140.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Unsur Kebudayaan dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*, *12* (1), 27-37.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Interaksi Sosioekonomi dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan terhadap Kanak-Kanak dan Remaja. *MAHAWANGSA*, *9* (1), 68-80.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 422–434. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Kajian Pendidikan Moral dalam Cerita Rakyat Melayu Terhadap Kanak-Kanak: Satu Penelitian Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *International Conference on Malay, Arabic and English Literatute*, 435–447. Kuala Terengganu: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA.

Uli Wahyuni & Nurshella Amhar Rasidah. (2019). Konjungsi temporal dalam kumpulan cerita rakyat Melayu Jambi tulisan Iskandar Zakaria (Analisis Wacana). *Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, *3* (2), 2597-6095.

Umar Yunus. (1989). *Stilistik Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Wan Aminah Haji Hasbullah & Noor Eshah Tom Abd. Wahab. (2010). Herba dalam Perubatan Tradisional Melayu: Satu Tinjauan Awal dari perspektif Kesihatan dan Ekosistem. *Manusia Dan Masyarakat*.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizam Jamian & dan Zubir Idris. (2017). Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan *(Denyutan)* berdasarkan Mujarrobat. *Jurnal Melayu*, *Isu Khas* (2017), 391-406.

Zamroni. (1992). *Pengantar Pengembangan Teori Sosial.* Jakarta: PT.Bina Aksara.

FYP FTKW

Biodata Penulis



Nama diberi Muhamad Firdaus Bin Kamaruzaman. Berusia 23 tahun. Dilahirkan pada 8 April 1999 di Hospital Tengki Ampuan Rahimah, Klang. Menetap di Klang, Selangor sehingga kini. Berasal dari Meru, Klang, Selangor. Memulakan peringkat sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Meru, Klang dari tahun 2007 hingga 2011. Kemudian menyambung peringkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Idris Shah dari tahun 2012 hingga 2016. Menyambung pelajaran ke peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 2017 hingga 2018. Menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda di Universiti Malaysia Kelantan di Bachok pada tahun 2018 sehingga kini. Menyambung pelajaran dalam bidang Pengajian Kreatif dan Warisan di dalam elektif sastera. Matlamat hidup pengkaji membuat sehabis mungkin dalam kehidupan sehingga mencapai tahap maksima.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN